

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS**

2025

HARI SELASA : 25 FEBRUARI 2025

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 7, NO. 12, NO. 14 HINGGA NO. 94)

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

PUAN WONG SHU QI [KLUANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pengguna yang telah mendaftar di setiap *wellness hub* di seluruh negara, berapakah kos pembinaan bagi setiap *wellness hub* dan sejauh mana keberkesanan program IFitEr telah dinilai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi tahun 2020 hingga 2024, keseluruhan klien yang mendaftar di 33 buah Wellness Hub di seluruh negara adalah 1,148,217 orang.
2. Kos pembinaan bagi setiap Wellness Hub adalah berbeza iaitu bergantung kepada penetapan lokasi dibangunkan, tanah, skop kerja, sama ada bangunan baharu atau ubah suai fasiliti termasuk keperluan peralatan. Bagi memastikan Wellness Hub dapat beroperasi sepenuhnya, anggaran bagi setiap satu kos pembangunan adalah sekitar RM500 ribu hingga RM1 juta.
3. Program Intervensi Pengurusan Berat Badan IFitEr (I Fit and Eat Right) merupakan inisiatif Kementerian Kesihatan (KKM) untuk membantu komuniti yang menghadapi masalah berlebihan berat badan dan obes. Selain membantu dalam pengurusan berat badan dan meningkatkan tahap kecergasan, program ini turut memperkasakan komuniti dalam pembudayaan hidup sihat. Pelaksanaan program IFitEr di seluruh negara bagi tempoh 2020-2024 melibatkan seramai 19,092 individu, manakala, daripada jumlah tersebut sebanyak 63.6% (12,148) telah berjaya menurunkan berat badan.
4. Melalui Kajian Keberkesanan Pelaksanaan IFitEr oleh Institut Perubahan Tingkahlaku Kesihatan (IPTK) KKM pada tahun 2022, terdapat perubahan BMI yang signifikan sebelum dan selepas intervensi. Kajian ini juga mendapati bahawa peserta menyertai IFitEr untuk menguruskan badan dengan faktor individu sebagai pendorong utama. Antara komponen faktor individu yang menyumbang adalah peningkatan tahap pengetahuan dan kemahiran, lebih bersemangat serta percaya IFitEr adalah program pengurusan berat badan yang selamat dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah bentuk dan jumlah bantuan atau insentif yang ditawar oleh Kementerian bagi mengalakkan golongan belia untuk menceburi bidang pertanian dan penternakan serta senaraikan program-program latihan untuk mengalakkan belia-belia menceburi sektor pertanian dan penternakan dalam tempoh 2018 hingga 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi menggalakkan penglibatan golongan muda dalam sektor pertanian, KPKM telah melaksanakan inisiatif Program Agropreneur Muda yang menawarkan dua (2) jenis geran iaitu Geran Start-Up dan Geran Scale-Up. Geran Start-Up yang pada asalnya menawarkan bantuan geran maksima RM20,000 telah meningkat kepada RM30,000 dengan had umur peserta lapan belas (18) hingga empat puluh tiga (43) tahun. Manakala Geran Scale-Up pula, diperkenalkan untuk membantu agropreneur muda yang berdaya maju dalam penggunaan agroteknologi seperti Pertanian Terkawal (CEA), pertanian bandar dan teknologi 4IR seperti Internet of Things (IoT) serta Kecerdasan Buatan (AI) dengan menawarkan bantuan geran sehingga RM50,000 dalam bidang tanaman, ternakan, dan perikanan dengan had umur dari dua puluh satu (21) hingga empat puluh lima (45) tahun.
2. Program ini bertujuan membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda dalam kesemua bidang di sepanjang rantaian nilai seperti tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani termasuk pemasaran, latihan dan kursus teknikal, penyediaan perkhidmatan sokongan dan input pertanian. Berdasarkan statistik, seramai 5,752 orang golongan muda dengan nilai geran sebanyak RM109.19 juta telah diluluskan untuk menerima Geran Agropreneur Muda bagi tahun 2018 hingga 2024. Daripada jumlah tersebut, negeri Kelantan menyumbang kepada 11.6% penerima geran iaitu seramai 670 orang dengan nilai geran RM12.77 juta.
3. Antara inisiatif lain ialah Program Pembangunan Agropreneur Muda Siswazah (PROBEST) yang merupakan program jalinan kerjasama strategik KPKM dengan Agrobank, syarikat peneraju (anchor company) dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT)/kolej serta Jabatan/Agensi pembimbing KPKM yang berkaitan untuk membantu golongan belia di universiti dan kolej untuk menceburi bidang pertanian. Pelaksanaan PROBEST bermula pada November 2023 dengan melibatkan peruntukan berjumlah RM1.8 juta telah memberi manfaat kepada enam buah (6) institusi pengajian tinggi dan 96 pelajar untuk menyertai program inkubator projek pertanian dan agromakanan. Pelaksanaan turut melibatkan seramai 15 pelajar Kolej Vokasional Pasir Putih, Kelantan bagi projek napier dan melon serta 20 graduan Universiti Malaysia Kelantan bagi

projek ternakan kambing dan tanaman fertigasi cili.

4. Dalam usaha bagi menggalakkan golongan belia menyertai bidang pertanian, KPBM turut menyediakan program TVET Pertanian. Kos pengajian, penginapan, makan minum dan elaun pelatih ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan. Pada masa ini, program TVET Pertanian dijalankan di 16 buah institusi TVET pertanian di seluruh Malaysia.
5. KPBM turut menawarkan kursus dan latihan teknikal (upskilling) jangka pendek kepada golongan sasar dan orang awam yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan berdasarkan bidang pengkhususan. Sebanyak 876 kursus telah ditawarkan bagi tempoh 2018 hingga 2024 dengan penyertaan seramai 165,050 orang peserta. Antara kursus yang ditawarkan adalah seperti kursus teknologi drone dan automasi, fertigasi dan vertical farming, teknologi IoT, close house ternakan, penggunaan teknologi Recirculating Aquaculture System (RAS) dan teknologi ternakan menggunakan Biofloc dalam akuakultur, penternakan ikan secara super intensif dan pendigitalan pemasaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAIZI [KUALA KEDAH]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAIZI [KUALA KEDAH] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kerangka kawalan, pengaudit dan penguatkuasaan pematuhan perundangan ke atas syarikat pemberi pinjaman berlesen bagi mengelak beban tunggakan hutang berganda ke atas peminjam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa berusaha **menambah baik tindakan pengawalseliaan aktiviti pemberian pinjaman wang secara konvensional** oleh syarikat pemberi pinjam wang (PPW) melalui penguatkuasaan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400]. Usaha ini selaras dengan prinsip Malaysia MADANI untuk mensejahterakan ekonomi dan kebijakan rakyat. **Subseksyen 17A (1) Akta 400** telah menetapkan bahawa **faedah bagi pinjaman** adalah seperti berikut:

- i. pinjaman **bercagar** hendaklah **tidak melebihi 12% setahun atau 1.0% sebulan**;
- ii. pinjaman **tanpa cagaran** hendaklah **18% setahun atau 1.5% sebulan**; dan
- iii. **faedah tidak boleh pada bila-bila masa dikutip oleh pemegang lesen akan suatu jumlah yang melebihi jumlah pokok yang kena dibayar.** Tempoh dan jumlah bayaran semula ansuran perlu mematuhi Akta 400 dan semua Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Pelesenan) 2003.

Dimaklumkan bahawa **KPKT tidak bercadang untuk mengurangkan kadar faedah pinjaman** di bawah Akta 400 memandangkan kadar faedah tersebut adalah **masih relevan dan antara yang paling rendah** jika dibandingkan dengan negara-negara lain seperti **Singapura, Australia, India, Hong Kong, Indonesia dan Filipina** dengan julat kadar faedah anggaran yang ditetapkan di negara-negara berkenaan adalah di antara **20% sehingga 60%** bagi pinjaman tanpa cagaran.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, KP KT sentiasa mengambil langkah proaktif untuk **menjalankan pemantauan berkala terhadap syarikat PPW** yang dilesenkan secara berterusan sepanjang tahun oleh **pegawai kader polis** yang ditempatkan di KP KT, yang diberi kuasa untuk menyiasat operasi

syarikat dalam pemberian pinjaman melalui pemeriksaan perjanjian, buku daftar, resit dan sebagainya. KPKT telah menetapkan sasaran **sebanyak 850 buah premis PPW untuk dipantau setiap tahun di mana sehingga 31 Disember 2024**, sebanyak **857 buah premis PPW telah selesai** dijalankan sesi pemeriksaan di seluruh Malaysia. Selain itu, sepanjang tahun 2024 juga, KPKT telah menerima sebanyak **183 aduan** berkaitan pelanggaran Akta 400. Daripada jumlah aduan tersebut, **152 kertas siasatan dibuka**, **123 kompaun dikeluarkan**, **10 kes pertuduhan**, **25 kes** masih dalam **siasatan lanjut**, dan **13 kes** dalam kategori *No Further Action (NFA)* kerana di bawah bidang kuasa agensi lain.

Inisiatif terkini bagi **penambahbaikan kawal seliaaktiviti pemberian pinjaman wang**, termasuklah:

- i. penambahan syarat baharu lesen PPW untuk **penyerahan wang pinjaman (loan disbursement)** secara **Electronic Fund Transfer (EFT)** bermula **1 April 2024**; dan
- ii. larangan penyimpanan dokumen peribadi peminjam seperti kad pengenalan, **passport** atau kad mesin teler automatik (**ATM**) bertujuan meningkatkan perlindungan ke atas hak-hak peminjam berkuat kuasa mulai **1 Ogos 2024**.

Pengenalan mekanisme kawal selia penyerahan wang pinjaman secara **EFT** adalah bagi **mewujudkan rekod transaksi elektronik** untuk memastikan **jumlah pinjaman menepati nilai yang dipersetujui** oleh peminjam dan syarikat PPW. Kaedah ini juga membantu **melancarkan siasatan** oleh KPKT terutamanya melibatkan **aduan peminjam** ke atas syarikat PPW yang didakwa **mengenakan kadar faedah yang tinggi** melalui kaedah **jejak tunai (money trail)** transaksi yang dilakukan. Dalam hal ini, PPW yang mengenakan **kadar faedah melebihi had yang dibenarkan** atau **melebihi jumlah pokok pinjaman** boleh dikenakan tindakan di bawah **Seksyen 17A Akta 400** iaitu denda tidak melebihi **RM20,000** atau **penjara** selama tempoh tidak melebihi **18 bulan** atau **kedua-duanya**.

Di samping itu, KPKT melaksanakan **kawalan ketat terhadap pemberian lesen PPW** bagi memastikan hanya syarikat PPW yang layak sahaja diberikan lesen. **Syarat dan kriteria** pelesenan yang perlu dipenuhi adalah seperti **lulus tapisan polis**, **tidak diisyiharkan muflis**, **bebas daripada aktiviti-aktiviti**

NO SOALAN : 14

pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (AMLA), berstatus **Syarikat Sendirian Berhad atau pun Berhad** dan mempunyai **keupayaan kewangan yang kukuh** iaitu modal berbayar minimum sebanyak RM2.0 juta. Selaras dengan ini, KPKT boleh mengambil tindakan perundangan serta penggantungan atau pembatalan lesen bagi mana-mana pelanggaran syarat oleh syarikat PPW.

Usaha-usaha ini adalah suatu komitmen daripada KPKT untuk terus menjamin hak peminjam agar tidak dimanipulasikan oleh syarikat PPW.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SUHAIZAN BIN KAIAT [PULAI]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

TUAN SUHAIZAN BIN KAIAT [PULAI] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan usaha pihak Kementerian untuk mengatasi masalah kemungkinan Amerika Syarikat akan mengenakan sekatan eksport cip AI dan kesan kepada ekonomi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Pentadbiran Presiden John Biden telah mengumumkan *Rangka Kerja Peraturan untuk Penyebaran Bertanggungjawab Teknologi Kecerdasan Buatan Lanjutan (Regulatory Framework for the Responsible Diffusion of Advanced Artificial Intelligence Technology)* pada 13 Januari 2025 yang bertujuan untuk mengawal akses negara-negara lain kepada cip kecerdasan buatan (AI) dan teknologi yang direka oleh Amerika Syarikat atas justifikasi keutamaan dasar luar negeri dan keselamatan Amerika Syarikat.
2. Kerajaan berpandangan tujuan peraturan tersebut adalah untuk melindungi kepentingan ekonomi dan inovasi domestik Amerika Syarikat dalam bidang AI dengan mengehadkan akses sesetengah negara yang dilihat berisiko tinggi dari perspektif Amerika Syarikat. Peraturan tersebut menetapkan keperluan pelesenan di seluruh dunia untuk pengeksportan, pengeksportan semula dan pemindahan lokasi dalam negara bagi litar bersepadu lanjutan dan pemasangan elektronik yang digunakan untuk menempatkannya.
3. Untuk *makluman* juga, Peraturan Pentadbiran Eksport Amerika Syarikat telah wujud sekian lama di mana ia menetapkan keperluan pelesenan untuk cip-cip AI yang sudah dikawal di Amerika Syarikat tetapi kini undang-undang tersebut dikembangkan secara global di mana tumpuan adalah pada model-model komputer paling maju serta dalam kelompok besar pengkomputeran litar bersepadu di mana peraturan ini tertumpu pada pengumpulan kuasa pengkomputeran AI yang signifikan.
4. Secara amnya, peraturan sedemikian walaupun bersifat sehala atau *unilateral* tetapi dari negara ekonomi kuasa besar semestinya akan menyebabkan gangguan dalam ekosistem semikonduktor dan teknologi AI, serta memberi impak terhadap rantaian bekalan sektor elektrik dan elektronik (E&E), terutamanya sektor-sektor yang mempunyai kebergantungan tinggi kepada teknologi AI termaju.

5. Berdasarkan peraturan tersebut, tiada sekatan dikenakan ke atas penjualan cip AI kepada 18 negara rakan sekutu Amerika Syarikat, iaitu Australia, Belgium, Kanada, Denmark, Finland, Perancis, Jerman, Ireland, Itali, Jepun, Belanda, New Zealand, Norway, Republik Korea, Sepanyol, Sweden, Taiwan dan United Kingdom.
6. Manakala bagi negara-negara yang tidak disenaraikan tetapi berisiko rendah, negara-negara ini akan dikategorikan sebagai Tahap 2 (Tier 2) dari segi pengehadan akses terhadap cip AI termaju. Malaysia dijangka ditempatkan di peringkat Tahap 2, di mana terdapat akses untuk cip AI tetapi terhad dan terkawal dari segi pengimportan teknologi AI termaju. Negara-negara ASEAN lain yang dijangka akan dikategorikan sebagai Tahap 2 termasuk Singapura, Indonesia serta Viet Nam.
7. Secara dasarnya, pesanan cip dengan kuasa pengkomputeran kolektif yang setara dengan kira-kira 1,700 (*Graphics processing unit – GPU*) termaju tidak memerlukan lesen serta dikecualikan daripada pengehadan di bawah peraturan ini. Peruntukan ini merangkumi pesanan cip untuk kegunaan perbankan, universiti, institusi perubatan, dan organisasi penyelidikan untuk tujuan yang tidak sensitif.
8. Selain itu, bagi pihak yang memenuhi standard keselamatan dan kepercayaan yang tinggi daripada Kerajaan Amerika Syarikat serta beribu pejabat di 18 negara rakan sekutu yang telah dikenalpasti, boleh memperoleh status Pengguna Akhir Disahkan Universal (*Universal Verified End User - UVEU*). Pengesahan ini membolehkan pihak-pihak yang berkenaan untuk meletakkan sehingga 7% daripada kapasiti pengkomputeran AI global mereka di negara lain.
9. Bagi pihak yang beribu pejabat di negara yang berisiko rendah serta memenuhi standard keselamatan Amerika Syarikat, boleh mohon status “*National Verified End User*”. Pengesahan ini membenarkan pembelian sehingga 320,000 GPU termaju dalam tempoh dua tahun. Pendekatan ini adalah untuk membolehkan pihak-pihak berkaitan masih mempunyai akses kepada teknologi AI termaju, pada masa yang sama, menguruskan risiko lencongan (*diversion risk*) kepada pihak-pihak yang berisiko tinggi.

10. Manakala bagi pihak yang tidak mempunyai status Pengguna Akhir Disahkan (*Verified End User - VEU*), serta bukan dari kalangan 18 negara yang telah dikenalpasti, pihak ini boleh membeli kuasa pengkomputeran sehingga setara dengan 50,000 GPU termaju bagi setiap negara. Ini bagi memastikan teknologi Amerika Syarikat masih dapat menyokong negara berkenaan, terutamanya dalam bidang kesihatan dan keselamatan.
11. Operasi pusat data lain (bukan berasaskan AI) yang melakukan perkhidmatan transaksi, e-dagang, media, penyimpanan data dan sebagainya, dilihat tidak akan terjejas jika sekatan eksport cip AI dilaksanakan.
12. Selain itu, Kerajaan Malaysia, yang diwakili oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri, telah menandatangani Memorandum Kerjasama dengan Amerika Syarikat mengenai Ketahanan Rantaian Bekalan Semikonduktor pada tahun 2022 yang melibatkan dialog dan pertukaran maklumat tentang faktor-faktor yang boleh mengakibatkan gangguan perkhidmatan dan kerjasama mengenai langkah-langkah mencegah bekalan gangguan rantaian bekalan semikonduktor. Kerajaan Malaysia boleh menggunakan platform dua hala seumpama ini untuk membincangkan masalah berbangkit sekiranya berlaku sekatan secara rasmi dengan Kerajaan Amerika Syarikat.
13. Di samping itu, Kerajaan juga boleh meneroka kerjasama dengan negara lain yang mempunyai kebolehan untuk menghasilkan cip AI, bagi kegunaan pelbagai industri di Malaysia dan seterusnya mengurangkan kebergantungan teknologi cip AI dari Amerika Syarikat.
14. Sehingga kini, peraturan ini masih belum berkuatkuasa sepenuhnya memandangkan peraturan yang diperkenalkan semasa pentadbiran Presiden Biden, sedang diperhalusi oleh pentadbiran Presiden Trump. Ini mengambil kira maklum balas yang diterima daripada pemain industri, yang telah menyuarakan keimbangan, serta mempersoalkan proses pembangunan peraturan ini yang tidak mempunyai sebarang sesi libat urus bersama pemain industri.
15. Pada ketika ini, impak peraturan baharu tersebut ke atas Malaysia adalah minimal dan Kerajaan akan bertindak sewajarnya, selaras dengan

NO SOALAN : 15

Strategi Semikonduktor Nasional (*National Semiconductor Strategy - NSS*), bagi memastikan industri yang bergantung kepada teknologi AI termaju ini tidak terjejas atau diminimakan impaknya dalam ekosistem sektor E&E di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL
FASAL [BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mekanisme bagi mengatasi karenah birokrasi berikutan aduan rakyat yang terpaksa menunggu hampir 5 jam bagi mendapatkan rawatan di Hospital Taiping.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan proses perawatan pesakit dapat diberikan dengan efisien dan efektif serta dapat memendekkan masa menunggu pesakit, Kementerian Kesihatan Malaysia telah memperkenalkan beberapa inisiatif dan penambahbaikan seperti berikut;

i. Inisiatif Hospital Kluster

Hospital Taiping adalah merupakan lead hospital bagi Kluster Utara, bersama-sama Hospital Gerik, Hospital Kuala Kangsar, Hospital Selama dan Hospital Parit Buntar sebagai non-lead hospital. Melalui pelaksanaan Hospital Kluster, hospital – hospital ini digabungkan di bawah satu sistem bagi membolehkan perkongsian dan pengoptimuman sumber-sumber seperti sumber manusia, peralatan, fasiliti dan lain-lain. Pengurusan katil yang lebih efisien juga dapat dijalankan di dalam sesbuah kluster. Proses stepdown pesakit yang telah stabil dari lead hospital ke hospital yang kurang sibuk dapat membantu dalam membolehkan pesakit baru yang lebih kritikal mendapatkan katil dengan cepat, seterusnya mengurangkan kesesakan terutamanya di Jabatan Kecemasan. Inisiatif Hospital Kluster bukan sahaja memudahkan proses stepdown, malah memastikan kesinambungan pelan rawatan pesakit yang terlibat tidak terjejas; dan terus dipantau oleh doktor pakar sepanjang berada di hospital.

ii. Inisiatif Lean Healthcare

Hospital Taiping juga turut mengaplikasikan inisiatif Lean Healthcare yang melihat kepada keseluruhan proses kerja diaplikasikan dalam proses penyampaian perkhidmatan bagi mengurangkan aktiviti yang tiada nilai tambah demi meningkatkan efisiensi. Inisiatif Lean Healthcare dapat membantu meningkatkan kecekapan pengurusan katil melalui perancangan kemasukan pesakit ke wad dan proses discaj pesakit yang lebih sistematik. Satu polisi pengurusan aliran pesakit juga telah diedarkan ke semua hospital KKM seluruh negara. Garis Panduan ini menerangkan pelaksanaan inisiatif-inisiatif lean healthcare seperti Bed Management Unit, Discharge Lounge dan sebagainya.

iii. Pemantauan Indikator Waktu Menunggu Katil

Indikator waktu menunggu katil bagi pesakit yang perlu dimasukkan ke semua wad daripada Jabatan Kecemasan juga turut dipantau. Bagi tahun 2024, purata pencapaian masa menunggu katil untuk Hospital Taiping adalah selama 141 minit (sasaran : kurang dari 240 minit).

iv. Waktu Menunggu ED dan inisiatif di ED

Prestasi Waktu menunggu kurang 2 jam semasa mendapatkan rawatan kes zon hijau di Hospital Taiping, secara puratanya bagi tempoh Oktober hingga Disember 2024 adalah 85.8%. Ianya melepas sasaran yang ditetapkan iaitu 70%.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN
BANDY [KALABAカン]**

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN BANDY [KALABAカン] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk membina Institut Latihan Perindustrian (ILP) di Parlimen Kalabakan sebagai inisiatif strategik dalam memperkasakan pendidikan TVET bagi menyediakan peluang latihan komprehensif kepada belia setempat agar dapat menghasilkan tenaga kerja berkemahiran tinggi yang mampu memenuhi tuntutan industri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini, Jabatan Tenaga Manusia (JTM) telah mempunyai 33 buah Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 2 buah, Institut Latihan Perindustrian (ILP) bertempat di Negeri Sabah iaitu ILP Kota Kinabalu dan ILP Sandakan. Fokus utama jabatan pada masa ini adalah memperkuatkan operasi latihan dan membangunkan bidang-bidang baharu bagi memenuhi keperluan tenaga kerja negara. **ILP Kota Kinabalu** dan **ILP Sandakan** adalah ILJTM yang berhampiran dengan daerah Kalabakan.

JTM juga dalam usaha meningkatkan kualiti latihan bagi melahirkan graduan yang berkemahiran tinggi dengan kadar kebolehpasaran yang tinggi. Melalui strategi dan gerak kerja yang digariskan dalam Pelan Strategik JTM 2021 - 2025, keberkesanan pelan tindakan telah mula membawa hasil pada tahun 2024 bila ILP Kota Kinabalu telah berjaya mencatatkan kadar kebolehpasaran 100 peratus.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI
SALLEH [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk membangunkan data raya berdasarkan kecerdasan buatan (AI) dalam memantau penawaran, permintaan, perdagangan beras domestik dan antarabangsa, situasi stokpail negara, serta membina sistem amaran awal berdasarkan bukti data semasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa berusaha meningkatkan pemantauan bekalan dan perdagangan beras melalui pendekatan yang lebih sistematik dan berdasarkan data. Sehubungan itu, Kementerian sedang meneliti potensi penggunaan data raya dan kecerdasan buatan (AI) bagi memperkuat sistem sedia ada seperti sistem KPB, sistem e-Lesen dan Permit Padi dan Beras (e-LPPB), Sistem ePermit (import dan eksport), Sistem ePADI, Sistem Maklumat Geospatial Tanaman Padi, laporan stok Padiberas Nasional Berhad (BERNAS), serta data daripada Lembaga kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) bagi memastikan maklumat bekalan dan permintaan beras lebih tersusun dan tepat.
2. Di samping itu, pembangunan Sistem Laporan Stok Penimbang Negara (LSPN) sedang dalam perancangan untuk memantau stok penimbang negara dengan lebih efektif dengan kerjasama pihak BERNAS.
3. Pada masa ini, Kementerian sedang membangunkan satu sistem untuk merekod, menyimpan, mengemaskini dan melaporkan maklumat mengenai industri padi dan beras yang lebih sistematik dan efisien menerusi satu (1) dashboard iaitu sistem SMART Padi. Sistem SMART Padi juga akan menghubungkan data dari pelbagai agensi berkaitan bagi memberikan gambaran lebih menyeluruh tentang rantaian bekalan beras, dari ladang hingga ke pasaran.
4. Sebagai sebahagian daripada usaha memastikan keterjaminan bekalan, Kementerian turut melihat kemungkinan membangunkan sistem amaran awal untuk mengenal pasti sebarang risiko yang boleh menjelaskan bekalan beras negara. Kementerian terbuka untuk menjalankan kerjasama dengan institusi penyelidikan dan industri teknologi bagi menyokong usaha pemodenan sistem pemantauan, tertakluk kepada keperluan dan kesesuaian pelaksanaan.
5. Pembangunan sistem ini akan dilaksanakan dan akan mengambil kira keperluan semasa dan pada masa yang sama, KPBM akan memperkuat pemantauan bekalan beras negara sedia ada bagi memastikan keterjaminan

NO SOALAN : 18

makanan sentiasa terpelihara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH SITI AMINAH BINTI
ACHING [BEAUFORT]**

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATUK HAJAH SITI AMINAH BINTI ACHING [BEAUFORT] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan satu lagi Program Perumahan Rakyat di Parlimen Beaufort bagi mengatasi masalah setinggan dan memenuhi keperluan tempat kediaman bagi golongan berpendapatan rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, selaras dengan matlamat Dasar Perumahan Negara (2018 – 2025), Kerajaan MADANI sentiasa memberikan **komitmen yang berterusan** dalam **menyediakan program perumahan mampu milik** yang bertujuan memastikan **setiap rakyat mempunyai tempat tinggal tanpa mengira sama ada secara pemilikan atau sewaan (shelter for all)**.

Pelaksanaan projek Program Perumahan Rakyat (PPR) atau Program Residensi Rakyat (PRR) di Sabah setakat ini merupakan bilangan yang terbesar dengan jumlah keseluruhan sebanyak **39 buah projek** telah diluluskan oleh Kerajaan melibatkan sebanyak **26,299 unit rumah**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **35 projek** telah siap dibina melibatkan sebanyak **24,009 unit rumah, dua (2) projek** dalam peringkat pembinaan melibatkan sebanyak **1,440 unit** manakala **dua (2) projek** melibatkan sebanyak **850 unit rumah** masih di peringkat perancangan. Secara keseluruhannya, projek PPR atau PRR yang telah siap di Sabah merupakan 21% daripada bilangan projek PPR atau PRR yang telah dibina di seluruh negara. Di Beaufort kini terdapat satu (1) projek PPR atau PRR yang telah siap dibina pada tahun 2017 iaitu **PPR Taman Permai Selagon** dengan **67 unit rumah teres satu (1) tingkat**.

Namun, projek PPR ini belum diserahkan kepada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP) bagi tujuan pengisian. Ini disebabkan terdapat isu keretakan rumah-rumah yang disiapkan dan pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) sedang melaksanakan kajian forensik tanah berikutan isu ini. Kajian ini dijangka selesai pada Mei 2025 dan susulan itu, hala tuju projek akan ditentukan berdasarkan keputusan analisis forensik.

Di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Rolling Plan 3 (RP3), Kerajaan telah meluluskan pelaksanaan **satu (1) projek PRR baharu di Kuala Penyu, Sabah**. Projek ini akan dilaksanakan secara tender terbuka. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat juga, KPKT sentiasa terbuka untuk menerima cadangan permohonan pelaksanaan PRR baharu daripada pihak Kerajaan Negeri mahupun swasta. Justeru, merujuk kepada cadangan pelaksanaan PRR baharu di Beaufort, permohonan tersebut

hendaklah dikemukakan kepada KPKT melalui Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri pula hendaklah memastikan tapak yang dicadangkan bagi projek tersebut terletak di lokasi yang sesuai dan strategik, telah selesai semua urusan hak milik, sama ada diberikan secara percuma atau pada kadar nominal kepada KPKT, mempunyai keadaan fizikal yang baik serta bebas daripada sebarang bebanan tapak (free of encumbrances).

Tertakluk kepada hasil penilaian tapak cadangan tersebut, KPKT akan mengemukakan permohonan pelaksanaan projek PPR baharu kepada Kementerian Ekonomi dan kelulusan pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada pertimbangan Kerajaan serta kedudukan kewangan Kerajaan.

Di bawah RMKe-12, sebanyak **13,475 unit RMM** telah disasarkan pelaksanaannya di Sabah. Sehingga **30 September 2024**, sebanyak **6,582 unit RMM telah siap dibina**, **4,401 unit** rumah masih **dalam pembinaan** dan **2,492 unit** masih di peringkat perancangan.

KPKT akan terus giat melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan setiap rakyat mempunyai akses terhadap perumahan yang berkualiti dan mampu dimiliki.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NURUL AMIN BIN HAMID [PADANG TERAP]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

TUAN NURUL AMIN BIN HAMID [PADANG TERAP] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan berapa jumlah penoreh getah dan pekebun kecil di Padang Terap dan berapa jumlah antara mereka yang dikategorikan sebagai B40 dan miskin tegar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian melalui RISDA sentiasa prihatin dalam memastikan kesejahteraan Pekebun Kecil Getah terbela serta tiada golongan sasar yang tercicir daripada menerima bantuan serta insentif bagi yang layak.

Pada tahun 2023, RISDA telah melaksanakan Banci Pekebun Kecil Getah (BPKG) yang bertujuan untuk mengenalpasti jumlah sebenar pekebun kecil getah di Malaysia.

Berdasarkan penemuan awal banci tersebut, seramai 9,030 orang adalah pekebun kecil getah di Padang Terap telah dikenalpasti yang mana seramai 8,861 orang dikategorikan dalam golongan B40 serta tiada pekebun kecil getah dikategorikan dibawah miskin tegar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :

- a. berapa Pusat Khidmat Krisis Sehenti [One Stop Crisis Centre (OSCC)] yang beroperasi untuk membantu mangsa keganasan telah ditubuhkan di seluruh negara
- b. apakah Kementerian akan menjalankan audit dan menambahkan peruntukan untuk memperkasakan perkhidmatan OSCC yang terabai selama ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, 149 buah hospital KKM di seluruh Malaysia, mempunyai *One Stop Crisis Centre* (OSCC).
2. Pengauditan terhadap fasiliti dan perkhidmatan OSCC dilaksanakan secara menyeluruh bersama Jabatan Kecemasan & Trauma, melalui Penilaian Akreditasi Hospital. Penilaian ini dilaksanakan oleh Malaysian Society for Quality in Health (MSQH). Pada tahun 2024, sebanyak 33 buah hospital telah melalui penilaian ini.
3. Secara amnya, fasiliti OSCC diselenggara secara berkala oleh syarikat konsesi hospital melalui Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH). Sekiranya kerja-kerja penyelenggaraan yang ingin dilaksanakan adalah di luar kontrak PSH ini, maka hospital boleh menggunakan peruntukan penyelenggaraan yang sememangnya diberikan setiap tahun kepada hospital. Permohonan tambahan bagi peruntukan ini boleh dipohon oleh hospital melalui Jabatan Kesihatan Negeri masing-masing sekiranya diperlukan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH [ROMPIN]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH [ROMPIN] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan impak negara-negara luar seperti Eropah dan Amerika Syarikat terhadap sektor pelaburan dan perdagangan negara sekiranya Malaysia menjadi anggota BRICS.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti yang diketahui umum, Malaysia secara rasmi telah diterima sebagai Negara Rakan Kongsi, atau dengan izin, *Partner Country* BRICS pada 1 Januari 2025. Kementerian berpandangan status ini merupakan langkah strategik bagi negara meneliti dengan lebih lanjut peluang akses pasaran dan potensi pelaburan dari BRICS, sejajar dengan matlamat untuk melaksanakan **diversifikasi ekonomi**, serta implikasinya kepada negara sebelum menjadi ahli penuh BRICS.
2. Di samping memanfaatkan peluang memperkuuh kedudukan ekonomi negara melalui penglibatan dalam BRICS, Malaysia akan terus mengekalkan hubungan yang baik dengan semua rakan dagang dan pelabur utama sedia ada antaranya dari Amerika Syarikat dan Eropah. Langkah ini adalah selaras dengan prinsip neutraliti yang sentiasa kita amalkan dalam hubungan perdagangan antarabangsa.
3. Pada tahun 2024, gabungan KDNK negara-negara ahli penuh BRICS telah mencapai hampir USD30 trilion, iaitu 27 peratus daripada KDNK dunia dengan jumlah penduduk seramai kira-kira 4 bilion, atau hampir separuh dari populasi dunia. Data ini menunjukkan bahawa kedudukan ekonomi BRICS mempunyai pengaruh yang besar di peringkat global. Sebagai sebuah negara dagang, perlu memastikan Malaysia tidak terlepas peluang mendapatkan bahagian pasaran (*market share*) dalam ekonomi yang besar ini.
4. Berdasarkan penelitian yang dibuat oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri, sehingga kini Malaysia masih kekal sebagai salah satu destinasi pilihan utama bagi pelabur-pelabur Eropah dan Amerika Syarikat. Setakat Disember 2024, sejumlah 56 projek berpotensi dengan komitmen hampir RM20 bilion telah dikenalpasti dan bakal dilaksanakan. Syarikat-syarikat besar dari Eropah dan Amerika Syarikat seperti Intel, Amazon Web Services, Oracle, Google dan Plexus terus memberikan komitmen untuk melabur atau meningkatkan pelaburan di Malaysia. Sehingga kini, Malaysia telah menjadi destinasi pilihan pelaburan untuk lebih 600 syarikat Amerika.

5. Jika dilihat dari sudut perdagangan pula, bagi tahun 2024, jumlah perdagangan di antara Malaysia dan Amerika Syarikat mencatatkan **RM325 bilion**, meningkat sebanyak **30 peratus** berbanding **RM250bilion** pada tahun 2023; manakala jumlah perdagangan dengan negara-negara Eropah pula mencatatkan sebanyak **RM263 bilion**, meningkat sebanyak **4 peratus** berbanding **RM253 bilion** pada tahun 2023.
6. Berdasarkan maklumat yang diperolehi serta komunikasi berterusan di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan serta komuniti perniagaan Eropah dan Amerika Syarikat, Kementerian ini berpandangan, pada masa kini, penglibatan Malaysia sebagai Rakan Kongsi BRICS tidak menjelaskan hubungan baik negara dari segi aliran perdagangan mahupun pelaburan dengan negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat.
7. Sebaliknya, penyertaan Malaysia sebagai Rakan Kongsi dalam BRICS berupaya memperkuuh kedudukan ekonomi Malaysia di peringkat antarabangsa dengan membuka pasaran baharu bagi barang dan perkhidmatan keluaran tempatan khususnya dengan negara-negara yang tidak mempunyai sebarang perjanjian perdagangan bebas bersama Malaysia pada masa ini dan negara rakan dagang bukan tradisional seperti Afrika Selatan, Rusia, Brazil, Ethiopia, Iran dan Mesir.
8. Perkembangan ekonomi melalui aktiviti perdagangan antarabangsa dan pelaburan akan terus dipantau bagi memastikan Malaysia mencapai hasrat untuk menambah nilai pembangunan sosial dan ekonomi negara secara inklusif, selaras dengan aspirasi ke arah matlamat Kerangka Ekonomi MADANI.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY GAPARI
KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN [KENINGAU] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa peruntukan Kerajaan menyelenggara jalan Persekutuan dan jalan negeri pada 2024 untuk seluruh 11 negeri di Semenanjung Malaysia, WP. Putrajaya dan WP. Kuala Lumpur dengan jumlah panjang jalan Persekutuan dan negeri terlibat dan jumlah peruntukan untuk penyelenggaraan jalan-jalan yang sama di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini hanya melaksanakan penyenggaraan di Jalan-Jalan Persekutuan, manakala Penyenggaraan Jalan Negeri dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui peruntukan MARRIS yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan dengan kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Bagi jalan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya pula adalah di bawah kelolaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Perbadanan Putrajaya masing-masing.

Merujuk kepada soalan Ahli yang berhormat, peruntukan Penyenggaraan bagi **Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia** yang telah disalurkan pada tahun 2024 adalah sebanyak **RM1.909 billion** melibatkan agihan kepada 11 Negeri merangkumi **Penyenggaraan Rutin, Berkala pavemen & Bukan Pavemen, Penyenggaraan Jambatan, Lampu Jalan & Lampu Isyarat serta Peruntukan Penyenggaraan Kecil bagi setiap Jurutera Daerah.** Panjang Jalan Persekutuan yang disenggara di Semenanjung Malaysia adalah dianggarkan sepanjang **13,596.85 kilometer**.

Bagi **Jalan Persekutuan di Negeri Sabah** pula, peruntukan penyenggaraan yang telah disalurkan pada tahun 2024 adalah sebanyak **RM317.973 juta** juga merangkumi kos Penyenggaraan Rutin, Berkala, Jambatan, Lampu Jalan & Lampu Isyarat serta Peruntukan Kecil bagi setiap Jurutera Daerah. Panjang Jalan Persekutuan yang **disenggara di Sabah pada tahun 2024** adalah dianggarkan **sepanjang 1,378 kilometer**. Untuk makluman, sebahagian dari jajaran Jalan Persekutuan yang telah diwartakan telah diambil alih oleh Projek Naik Taraf Lebuhraya Pan Borneo Sabah. Bagi tahun 2023, sebanyak **RM224.035 juta** telah dibelanjakan untuk penyenggaraan Jalan Persekutuan Sabah manakala pada tahun ini, **RM251.43 juta telah diagihkan bagi Fasa 1 / 2025.**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **79.45%** daripada jumlah keseluruhan peruntukan tahun 2024 telah diagihkan kepada Jalan Semenanjung yang melibatkan 11 Negeri dengan purata **7.22%** setiap negeri manakala **13.23%** disalurkan kepada Negeri Sabah, **6.378%** kepada Negeri Sarawak dan **0.95%** kepada WP Labuan.

Ini menunjukkan bahawa setiap tahun Kerajaan memperuntukkan jumlah yang besar untuk penyenggaraan Jalan Persekutuan di Sabah kerana Kerajaan Persekutuan memahami bahawa keadaan jalan persekutuan di Sabah yang telah berusia serta kurang baik dan kos bahan mentah yang lebih tinggi berbanding di Semenanjung.

Bagi menangani dan mengurangkan *backlog* penyenggaraan, Kementerian ini sentiasa berusaha untuk mendapatkan peruntukan tambahan dari pihak MOF bagi memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya di Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI [KUALA KRAU]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI [KUALA KRAU] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan langkah spesifik yang akan diambil oleh Kementerian untuk mempercepatkan usaha mengurangkan jurang pembangunan antara kawasan desa dan bandar, terutamanya daripada segi infrastruktur asas, perkhidmatan kesihatan, dan peluang pekerjaan khususnya di Parlimen Kuala Krau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

KKDW telah membangunkan Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB) 2030, iaitu sebuah dasar yang menyediakan kerangka hala tuju pembangunan kawasan luar bandar ke arah mendukung hasrat Malaysia menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi untuk tempoh sehingga tahun 2030. Mewujudakan kawasan-kawasan luar bandar yang kondusif dpt mewujudkan infra yang baik, wujudkan peluang pekerjaan melalui program DL, sistem ekonomi yang baik untuk wujudkan kawasan ekonomi yng kondusif.

Menerusi Belanjawan 2025, sebanyak RM2.9 bilion telah diperuntukkan bagi infrastruktur asas di kawasan kampung, desa dan pedalaman bagi memberi keselesaan kepada rakyat melalui pembangunan infrastruktur luar bandar seperti Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), Bekalan Air Luar Bandar (BALB), Jalan Luar Bandar (JALB) dan Jalan Perhubungan Desa (JPD) serta Program Ameniti Sosial (PAMS).

Dalam usaha untuk mewujudkan peluang pekerjaan di kawasan desa, KKDW terus memberi fokus kepada projek pembangunan ekonomi berdasarkan komuniti. Melalui pelaksanaan Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK), fokus utama adalah bagi membangunkan *niche product* dan mewujudkan *economy of scale* dengan kos keseluruhan sebanyak RM152.9 juta. Projek PROSPEK juga telah dilaksanakan di Raub, Pahang bermula dari tahun 2020 yang melibatkan projek Durian Musang King dengan jumlah peruntukan sebanyak RM8 juta.

Seterusnya, KKDW mempunyai 191 Pusat Komuniti Desa (PKD) yang menyediakan pelbagai program/latihan/aktiviti komuniti memfokuskan kepada pemerksaan modal insan. Ini dapat memberi peluang serta pendedahan kepada masyarakat luar bandar untuk meningkatkan kualiti hidup melalui pembangunan keupayaan dan pembudayaan keusahawanan dengan menggunakan fasiliti serta kemudahan yang disediakan di PKD. Bagi Parlimen Kuala Krau, terdapat PKD Kuala Mai yang membantu masyarakat setempat menjalani latihan kemahiran dan latihan ICT serta sebagai hab pengumpulan dan promosi produk usahawan desa.

NO SOALAN : 24

Selain dari itu, KKDW melalui Jabatan Kemajuan Masyarakat Malaysia (KEMAS) Negeri Pahang turut menyokong pertumbuhan ekonomi di Parlimen Kuala Krau. KEMAS telah membantu usahawan kecil dan sederhana menerusi program berteraskan Pendidikan dan Latihan Kemahiran dalam bidang jahitan iaitu Program Sijil Kemahiran Malaysia Modular, Kursus Kemahiran Jangka Pendek, Program Promosi Kemahiran KEMAS dan Program Pendidikan Kesejahteraan dengan peruntukan sebanyak RM15,000 dan memberi manfaat kepada 135 orang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI [BATANG LUPAR]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI [BATANG LUPAR] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah terdapat sebarang bentuk kawalan atau pemantauan ke atas iklan-iklan yang ditayangkan di platform seperti Facebook, Tiktok, Instagram dan Youtube yang bersifat jelik malah mempromosikan aktiviti perjudian atas talian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) komited melaksanakan pemantauan proaktif dan mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap kandungan dalam talian yang dikenal pasti bersifat lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik yang melanggar peruntukan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]. MCMC turut memberikan kerjasama kepada agensi penguatkuasaan lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dari segi penurunan kandungan media sosial, sekatan laman sesawang, dan bantuan teknikal seperti pembekalan maklumat dan analisis forensik digital bagi mempercepatkan proses siasatan kesalahan perjudian dalam talian di bawah peruntukan Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 [Akta 289].

Dari tahun 2022 sehingga 15 Januari 2025, sebanyak 18,192 kandungan bersifat jelik termasuk iklan-iklan di platform media sosial telah diturunkan dengan kerjasama penyedia perkhidmatan internet manakala 40 laman sesawang telah disekat hasil maklumat dan aduan yang diterima daripada orang awam. Dalam tempoh yang sama, sejumlah 5,026 laman sesawang judi dalam talian telah disekat manakala 216,085 kandungan bagi perjudian dalam talian di platform media sosial telah diturunkan dengan kerjasama penyedia perkhidmatan internet.

Kementerian Komunikasi melalui MCMC telah melancarkan Jelajah Kempen Keselamatan Dalam Talian pada 21 Januari 2025 di Universiti Malaysia Kelantan. Kempen tersebut bertujuan meningkatkan tahap kesedaran mengenai keselamatan dalam talian serta bagi mengelakkan orang ramai menjadi mangsa penipuan dan jenayah dalam talian. Jelajah Kempen ini akan diadakan di seluruh negara dengan pengisian pelbagai program yang menyasarkan seluruh lapisan masyarakat, dengan memanfaatkan kesemua platform media seperti media sosial, media penyiaran dan media luaran. Isu-isu yang menjadi fokus utama kempen ini termasuk isu penipuan, had umur pengguna media sosial, buli siber dan

NO SOALAN : 25

perjudian dalam talian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD [KEPALA BATAS]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD [KEPALA BATAS] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan :**

- a. senarai bilangan pekerja wanita yang berhenti kerja pada tahun 2024 mengikut sektor awam dan swasta
- b. perincian berapa kerugian yang ditanggung Kerajaan disebabkan mereka berhenti kerja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik PERKESO, dari tempoh Januari hingga 31 Disember 2024, jumlah pekerja swasta yang kehilangan pekerjaan adalah seramai 57,794 orang melibatkan bayaran faedah di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800] sebanyak RM23.89 juta. Daripada jumlah tersebut, seramai 22,851 orang adalah golongan pekerja wanita.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI [SUNGAI PETANI]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI [SUNGAI PETANI] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :

- a. langkah Kementerian dengan PBT bagi memastikan perancangan bandar dan pembinaan jalan raya di Sungai Petani dilakukan secara menyeluruh, bukan hanya sebagai reaksi kepada pembangunan perumahan
- b. jumlah projek jalan raya yang dirancang di kawasan Sungai Petani dalam (RMKe-12), dan bagaimana ia diselaraskan dengan pembangunan perumahan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah menerbitkan Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya atau *Highway Network Development Plan 2030* (HNDP 2030) merangkumi Semenanjung Malaysia dan Lembah Klang yang bertujuan untuk mengenalpasti keperluan menaiktaraf jalan sedia ada atau membina jalan baharu yang melibatkan jalan persekutuan dan jalan utama negeri. Pembangunan HNDP 2030 telah mengambil kira Rancangan Struktur Negeri (RSN) dan Rancangan Tempatan Daerah(RTD) di seluruh Negara termasuk Kedah dan Daerah Sungai Petani.

Kajian HNDP juga merangkumi pelbagai aspek kajian seperti isipadu trafik, keselamatan, guna tanah, ekonomi, alam sekitar dan sosio-ekonomi bagi mewujudkan rangkaian jalan raya yang lebih efisien melibatkan negeri dan wilayah-wilayah yang berkaitan. Pelaksanaan cadangan projek yang dikenalpasti dalam HNDP ini bukan sahaja dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di jalan raya sedia ada tetapi juga mewujudkan rangkaian jalan raya yang lebih efisien.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pelaksanaan projek - projek jalan yang dikenal pasti dalam kajian HNDP tersebut adalah tertakluk kepada permohonan dan keutamaan Negeri. Prosedur bagi permohonan projek membina jalan baharu atau menaiktaraf Jalan Persekutuan sedia ada adalah melalui Kerajaan Negeri berdasarkan senarai keutamaan negeri yang dikemukakan kepada Kementerian ini melalui penyelarasan antara Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Jabatan Kerja Raya Negeri.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat dua (2) cadangan projek jalan raya di Sungai Petani yang telah diluluskan iaitu :

- i. Projek Menaik Taraf Jalan Persekutuan FT001 Dari Persimpangan Jalan Lencongan Timur Ke Jambatan Merdeka, Daerah Kuala Muda, Kedah di bawah Rolling Plan 3 (RP 3), RMKe-12; dan

- ii. Projek Menaik Taraf Jambatan Dan Jalan (FT270) Dari Sg. Layar (Seksyen 0.00) Ke Semeling (Seksyen 2.2), Kuala Muda, Kedah Darul Aman di bawah Rolling Plan 4 (RP 4) RMKe-12.

Kementerian ini sentiasa terbuka untuk berbincang, menerima serta meneliti syor atau cadangan daripada Kerajaan Negeri untuk menaik taraf atau membina baharu jalan berdasarkan senarai keutamaan daripada Negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, senarai projek yang diangkat oleh Kementerian ini selepas ianya dipersetujui oleh Negeri masih tertakluk kepada kelulusan Agensi Pusat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE [BELURAN]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE [BELURAN] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan kesan secara langsung dan tidak langsung ke atas pengeluar cip AI dan semikonduktor Malaysia akibat beberapa sekatan baharu yang diambil oleh Kementerian baharu Amerika ke atas negara China. Langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengekalkan daya saing industri ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Pada tahun 2024, Amerika Syarikat merupakan rakan dagang ketiga terbesar bagi Malaysia, dengan jumlah perdagangan bernilai RM324.9 bilion, iaitu 11.3% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Selain itu, jumlah eksport ke Amerika Syarikat berjumlah RM198.6 bilion (13.2% daripada jumlah eksport Malaysia), manakala import dari Amerika Syarikat mencapai RM126.3 bilion (9.2% daripada jumlah import Malaysia). Pasaran ke Amerika Syarikat adalah di dalam kedudukan ketiga teratas bagi semikonduktor yang dieksport daripada Malaysia.
2. Amerika Syarikat juga merupakan antara pelabur terbesar di Malaysia. Pada tahun 2024, Amerika Syarikat melabur sebanyak RM5.15 billion iaitu kira-kira 13.2% daripada keseluruhan pelaburan luar Malaysia pada tahun 2024. Sehingga kini, terdapat lebih 600 syarikat Amerika Syarikat memilih Malaysia sebagai destinasi pelaburan mereka.
3. Data-data ini menunjukkan saling kebergantungan perdagangan di antara Malaysia dengan Amerika Syarikat. Oleh yang demikian, Kementerian berpandangan bahawa risiko kesan negatif daripada dasar ini terhadap prestasi eksport semikonduktor Malaysia adalah minima. Pandangan ini adalah selaras dengan pandangan penganalisa tempatan lain seperti RHB Research dan Khazanah Research Institute.
4. Amerika Syarikat telah menangguhkan pelaksanaan tariff kepada Kanada dan Mexico setelah kedua-dua negara ini mengadakan rundingan dengan Presiden Amerika Syarikat. Ini menunjukkan bahawa terdapat ruang untuk berunding dengan kerajaan Amerika Syarikat untuk perkara ini. Malaysia telah menandatangkan Memorandum Kerjasama di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Amerika Syarikat dalam Rantaian Bekalan Semikonduktor. Malaysia akan menggunakan platform ini untuk memastikan perdagangan dengan Amerika Syarikat khususnya industri semikonduktor terpelihara.

5. Bagi memastikan Malaysia tidak terjejas oleh sekatan yang dikenakan terhadap negara lain, terutamanya China, Kerajaan sedang mengambil langkah proaktif untuk mengekalkan dan memperkuuh hubungan perdagangan dan pelaburan dua hala yang stabil dan dinamik dengan Amerika Syarikat. Usaha ini akan dicapai melalui penyediaan ekosistem pelaburan yang kondusif dan mesra pelabur, pelaksanaan peraturan kawalan eksport dan pengurusan perdagangan strategik yang efektif, serta pematuhan piawaian antarabangsa yang meyakinkan pelabur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan rancangan Kerajaan mempromosikan pembelian dan penggunaan kereta elektrik dan apakah sasaran pencapaian rancangannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kerajaan telah menyasarkan untuk mencapai 20% daripada jumlah jualan tahunan kenderaan penumpang dan perdagangan baharu adalah terdiri daripada kenderaan jenis berkuasa elektrik (xEV) merangkumi *Hybrid*, *Plug-In Hybrid*, *Battery Electric Vehicle (BEV)* dan *Fuel Cell Electric Vehicle (FCEV)* pada tahun 2030, 50% pada tahun 2040 dan 80% pada tahun 2050.
2. Untuk makluman, daripada jumlah kenderaan penumpang yang telah didaftarkan di Malaysia bagi tahun 2024, sebanyak 5.42% iaitu 46,239 unit adalah jenis xEV. Jumlah ini merupakan peningkatan 30.4% berbanding 2023.
3. Merujuk kepada tren pencapaian pada 2023 dan 2024, Kerajaan menjangkakan jumlah terkumpul xEV yang berada di atas jalan raya akan mencecah sekurang-kurangnya 400,000 unit kenderaan penumpang dan perdagangan pada tahun 2030.
4. Secara khususnya , penggunaan kenderaan penumpang jenis BEV juga telah meningkat daripada 256 unit pada tahun 2021 kepada 3,127 pada tahun 2022, 13,257 unit pada tahun 2023 serta 21,729 pada tahun 2024 menjadikan jumlah terkumpul BEV dari tahun 2021 sehingga 2024 sebanyak 38,369 unit.
5. Bagi menggalakkan penggunaan BEV di negara ini, insentif cukai telah diperkenalkan bagi mengurangkan kos kepada pengguna, iaitu:
 - a. Pengecualian sepenuhnya duti import dan eksais bagi CBU import selama empat (4) tahun sehingga 31 Disember 2025 serta pengecualian sepenuhnya duti import, eksais dan cukai jualan untuk BEV yang dikeluarkan dalam negara selama enam (6) tahun sehingga 31 Disember 2027;

- b. Pengecualian sepenuhnya cukai jalan BEV selama empat (4) tahun dari 2022 sehingga 2025;
- c. Pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM2,500 bagi pemasangan atau langganan kemudahan pengecasan EV di rumah untuk tahun taksiran sehingga 2027;
- d. Pengecualian cukai sehingga RM300,000 kepada syarikat yang menyewa EV bukan komersial, sehingga 31 Disember 2025.
6. Kerajaan juga telah mengumumkan pelaksanaan subsidi petrol RON95 secara bersasar mulai pertengahan tahun 2025 dalam Bajet 2025 dan langkah ini dilihat akan menjadi pemangkin kepada rakyat untuk berubah daripada kenderaan ICE kepada xEV.
7. Selain itu, pembelian atau penggunaan BEV juga dijangka dapat ditingkatkan melalui langkah-langkah berikut:
- a. Pembangunan BEV buatan syarikat tempatan pada harga yang lebih kompetitif menjelang tahun 2025;
- b. Pembangunan infrastruktur pengecas EV yang mencecah 3,611 unit di seluruh negara (sehingga 31 Disember 2024), dengan sasaran sebanyak 10,000 pengecas EV menjelang tahun 2025;
- c. Pembangunan dan penambahbaikan ke atas standard-standard yang perlu untuk menyokong industri EV ini juga akan diteruskan supaya sentiasa relevan dan sesuai dengan perkembangan teknologi yang tiada batasnya. Sebagai contoh *EV and Battery Management Guideline*, pengendalian EV oleh pasukan penyelamat, sistem pengecasan, aktiviti pelupusan bateri, *battery swapping*, *wireless charging* dan lain-lain bagi memastikan teknologi EV yang digunakan dan dibangunkan dalam negara ini adalah lebih seragam, selamat, berkualiti dan dapat meningkatkan keyakinan pengguna untuk menggunakan kenderaan EV;
- d. Pelanjutan sehingga tahun 2025 bagi Skim Galakan Penggunaan Motosikal Elektrik (MARiiCas) yang menawarkan rebat sebanyak RM2,400 bagi tujuan pembelian atau langganan motosikal elektrik

kepada rakyat Malaysia; dan

e. Galakan penggunaan EV *fleet* oleh sektor awam serta Syarikat Berkaitan Kerajaan (Government Linked Companies - GLC), dan juga operasi pengangkutan awam terutama bas.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN [TASEK GELUGOR]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN [TASEK GELUGOR] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan perancangan Kementerian untuk memastikan industri perfileman Malaysia dapat lebih berkembang maju terutama dengan memastikan penerbit mempunyai akses kepada modal yang cukup dan seterusnya manfaat yang adil daripada perkembangan ini dapat dinikmati oleh golongan pelakon dan artis negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi melalui Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) sentiasa komited dalam usaha berterusan bagi memastikan industri perfilman Malaysia lebih berdaya saing khususnya melalui dana penerbitan dan pemberian insentif bagi menggalakkan industri perfilman Malaysia berkembang maju.

Antaranya, Dana Kandungan Kreatif (DKK) yang disediakan oleh Kerajaan bagi menggalakkan penggiat industri dalam penghasilan, penerbitan dan penyebaran kandungan kreatif yang berdaya cipta tinggi dan di pasaran tempatan dan antarabangsa, membangunkan modal insan yang bermutu secara lestari bagi mengoptimumkan potensi industri kandungan kreatif dan menghasilkan harta intelek (IP) Malaysia yang berdaya.

Pada tahun 2024, DKK telah memperuntukkan sejumlah RM16 juta bagi tujuh jenis kategori dana iaitu Dana Dokumentari Kenegaraan, Dana First Time Amateur Filmmaker (FAME), Dana Co-Pro (Filem Cereka & Dokumentari), Dana Pembangunan Skrip, Dana Penyertaan Festival Antarabangsa, Dana Pengiktirafan dan Dana Program TV Kerjasama RTM.

Antara contoh kejayaan filem yang menerima sokongan DKK ialah filem ‘Oasis Of Now’ arahan Chee Sum Chia yang merangkul dua Anugerah iaitu Pengarah Terbaik serta Pelakon Wanita Terbaik di 1st Ho Chi Minh City International Film Festival (HIFF), Vietnam yang berlangsung dari 6-13 April 2024. Filem The Fox King arahan Wong Min Jin bakal ditayangkan pada tahun 2025 turut merangkul anugerah Locarno Winning di Cannes Film Festival 2024.

Turut menempa kejayaan di peringkat tempatan adalah filem Sheriff: Narko Integriti terbitan Skop Production Sdn. Bhd yang berjaya mendapat kutipan tertinggi di pawagam berjumlah RM59 juta. Filem ini turut

dinobatkan sebagai penerima Anugerah Khas Box Filem Office di Festival Filem Malaysia Ke-33 dan merupakan penerima Dana Filem Cerek. Sepanjang tempoh tahun 2017 hingga 2024, DKK telah mewujudkan sebanyak 27,670 peluang pekerja pelbagai kategori sektor perfileman.

Selain itu FINAS juga menyediakan insentif Film In Malaysia Incentive (FIMI), yang bertujuan menyediakan akses kepada modal mencukupi bagi penerbit filem tempatan dan antarabangsa. FIMI menawarkan insentif pulangan tunai sehingga 30% ke atas perbelanjaan produksi yang layak di Malaysia. Insentif ini boleh meningkat sebanyak 5% lagi melalui Cultural Test, yang menggalakkan penerbit untuk menampilkan elemen budaya Malaysia dalam karya mereka. Langkah ini bukan sahaja meringankan beban kos penerbitan tetapi juga meningkatkan daya saing produksi tempatan di peringkat global.

Kementerian terus berusaha memastikan insentif FIMI dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh penerbit filem tempatan, termasuk projek berskala kecil dan sederhana. Dengan jumlah rebat yang telah dinikmati, insentif ini terbukti menjadi pemangkin penting dalam pengeluaran filem berkualiti tinggi. Sejak 2013, jumlah rebat sebanyak RM162.8 juta (100 projek) telah dimanfaatkan oleh penerbit tempatan dan angka ini dijangka terus meningkat dengan penambahbaikan yang dilakukan.

Sebagai usaha memperkuuh pembangunan tenaga kerja, kementerian menggalakkan elemen Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam setiap projek yang menerima insentif FIMI. Langkah ini bertujuan melatih lebih ramai bakat tempatan dalam bidang teknikal seperti sinematografi, penyuntingan, kesan khas, dan pengurusan produksi.

Dalam usaha melindungi kebajikan pelakon dan artis, FINAS akan memastikan perjanjian produksi mengambil kira standard kebajikan yang tinggi, termasuk gaji minimum, faedah sosial dan caruman KWSP agar mereka mendapat bahagian yang adil daripada keuntungan industri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI [LUBOK ANTU]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI [LUBOK ANTU] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah terdapat kaedah serta strategi yang lebih berkesan untuk membantu pekebun kecil sayur-sayuran untuk memasarkan hasil tanaman dan produk mereka serta apakah bantuan yang disediakan untuk membantu pekebun kecil sayuran di kawasan Parlimen Lubok Antu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sentiasa berusaha untuk meningkatkan kebolehpasaran hasil keluaran agromakanan termasuk petani di sekitar Parlimen Lubok Antu. Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah:
 - (i) membangunkan outlet pemasaran untuk membantu petani dan usahawan menjual hasil pertanian terus kepada pengguna. Pada ketika ini, sebanyak dua (2) buah outlet pemasaran iaitu Gerai Buah-Buahan Segar yang memfokuskan kepada jualan buah-buahan dan Agrobazaar K-Shoppe yang memfokuskan kepada jualan produk IKS keluaran usahawan tempatan telah dibangunkan di kawasan Parlimen Lubok Antu. Bagi tahun 2024, sebanyak RM310,360 nilai jualan telah direkodkan menerusi dua (2) outlet ini.
 - (ii) melaksanakan program Jualan Agro MADANI yang berkonsepkan jualan secara terus hasil ladang dan produk keluaran berasaskan pertanian kepada pengguna dengan menawarkan penjimatan 10% hingga 30% lebih rendah bagi bahan asas terpilih berbanding harga pasaran setempat. Pada tahun 2024, sebanyak enam (6) program Jualan Agro MADANI di Parlimen Lubok Antu telah dilaksanakan dengan nilai jualan RM54,189 serta nilai penjimatan berjumlah RM16,257 bagi produk terpilih antaranya seperti produk segar sayur, buah dan ikan. Seramai 24 orang usahawan telah menerima manfaat menerusi program ini.
2. KPKM sentiasa komited dalam meningkatkan kebolehpasaran hasil keluaran petani seluruh negara termasuk di Parlimen Lubok Antu dalam memastikan golongan ini dapat terus menjana pendapatan melalui luang pasaran yang disediakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : KAPTEN AZAHARI BIN HASAN [PADANG RENGAS]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

KAPTEN AZAHARI BIN HASAN [PADANG RENGAS] minta MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN menyatakan status terkini bekalan dan pengeluaran beras tempatan, termasuk langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kestabilan harga, kelangsungan pengeluaran dan ketersediaan beras bagi memenuhi keperluan domestik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) peka dan prihatin terhadap isu pembekalan beras putih tempatan (BPT) di pasaran yang mula timbul semenjak pertengahan tahun 2023. Justeru itu, pelbagai intervensi telah dilaksanakan oleh KPKM bagi memastikan keberadaan bekalan BPT untuk memenuhi keperluan rakyat walaupun subsektor padi dan beras ini berdepan dengan pelbagai faktor yang mempengaruhi kos dan produktiviti pengeluaran padi dan beras negara.
2. Sebagai penyelesaian terhadap isu berkaitan BPT dan beras putih import (BPI), KPKM telah merombak strategi melalui pelaksanaan reformasi menyeluruh dalam industri padi dan beras secara berfasa sejak Oktober 2024 yang bertujuan untuk meningkatkan daya saing industri, memperkuuh kebijakan pesawah serta menjamin bekalan beras negara.
3. Terbaru, pihak Kerajaan juga telah bersetuju untuk mengekalkan BPT pada harga RM2.60 sekilogram dengan menyerap sebahagian kos pengeluaran sekitar RM150 juta untuk tempoh enam bulan. Ini bagi memastikan keberadaan bekalan BPT kira-kira 24 juta kampit 10 kilogram di pasaran dalam masa terdekat.
4. Langkah intervensi yang akan dilaksanakan oleh KPKM ini merupakan program transisi pembekalan beras putih di bawah reformasi industri padi dan beras yang antara lainnya adalah bagi menyelesaikan isu pembekalan BPT di pasaran secara tersusun dan holistik demi kesejahteraan semua pihak berkepentingan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI ADNAN BIN HAJI ABU HASSAN [KUALA PILAH]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATO' HAJI ADNAN BIN HAJI ABU HASSAN [KUALA PILAH] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan status terkini pembangunan infrastruktur telekomunikasi bagi meningkatkan capaian liputan internet mudah alih bagi kawasan berpenduduk di Parlimen Kuala Pilah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) komited dalam pelaksanaan pembangunan infrastruktur telekomunikasi bagi meningkatkan capaian liputan internet bagi kawasan berpenduduk di seluruh negara termasuk di Parlimen Kuala Pilah.

Setakat 31 Disember 2024, liputan internet dan komunikasi di kawasan berpenduduk di Parlimen Kuala Pilah telah mencapai sebanyak 99.34%. Di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), sebanyak enam daripada lapan menara komunikasi baharu yang dirancang yang telah siap dan beroperasi, kesemua 117 buah menara juga telah siap dinaik taraf, sebanyak 9,372 daripada 12,547 premis yang dirancang telah tersedia dengan capaian gentian optik. Baki inisiatif yang sedang dalam pelaksanaan dijangka siap secara berperingkat pada penghujung tahun 2025.

MCMC sentiasa memantau dan memastikan segala inisiatif bagi liputan internet berkelajuan tinggi di Parlimen Kuala Pilah terus digiatkan untuk memastikan segala perancangan dapat dilaksanakan dan perkhidmatan berkualiti dapat dinikmati oleh semua orang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah tegas Kementerian untuk memperketat dan menguatkuasakan undang-undang bagi mencegah penyelewengan dalam rantaian bekalan beras, khususnya bagi menangani kehilangan beras tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Industri padi dan beras negara dikawal selia oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522]. Melalui akta ini, kawal selia dan penguatkuasaan merupakan langkah Kementerian untuk memastikan ekosistem yang adil di sepanjang rantai nilai industri padi dan beras negara. KPKM melalui Kawalselia Padi dan Beras secara berkala menjalankan operasi penguatkuasaan seperti pemeriksaan di premis, stok fizikal dan dokumentasi di sepanjang rantai bekalan padi dan beras secara tunggal atau bersepada dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang akan mengambil tindakan berdasarkan bidang kuasa masing-masing. Tindakan ini adalah mekanisme yang penting bagi memastikan keberadaan bekalan beras di pasaran tempatan. Namun begitu, ingin dijelaskan di sini bahawa faktor kekurangan Beras Putih Tempatan (BPT) di pasaran bukan bergantung sepenuhnya kepada tindakan penguatkuasaan undang-undang, tetapi melibatkan keseluruhan ekosistem pengeluaran padi dan beras semasa.
2. Sebagai penyelesaian terhadap isu berkaitan BPT dan beras putih import (BPI), KPKM telah merombak strategi melalui pelaksanaan reformasi menyeluruh dalam industri padi dan beras secara berfasa sejak Oktober 2024. Pelaksanaan reformasi bertujuan untuk meningkatkan daya saing industri, memperkuat kebijakan pesawah serta menjamin bekalan beras negara melalui langkah-langkah di bawah strategi jangka pendek, sederhana dan panjang.
3. Pengumuman mengenai langkah yang diambil dalam tempoh enam bulan bagi memastikan keberadaan beras putih tempatan di pasaran telah dibuat semasa Sesi Penerangan Menteri mengenai Situasi Semasa Industri Padi dan Beras Negara di Dewan Rakyat pada 13 Februari 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah Jalan Perhubungan Desa (JPD) dan Jalan Luar Bandar (JLB) yang telah diluluskan di Parlimen Kudat sepanjang tahun 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak empat (4) projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) dengan peruntukan sebanyak RM1.4 juta telah diluluskan pelaksanaan bagi Parlimen Kudat iaitu melibatkan projek:

BIL	PROJEK	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	STATUS PELAKSANAAN
1	JPD	NAIKTARAF JALAN GRAVEL KE JALAN KONKRIT DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI KAWASAN KG TAMALANG, KUDAT	200,000.00	SIAP
2	JPD	NAIKTARAF JALAN GRAVEL KE JALAN KONKRIT DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI KAWASAN KG DAMPIRIT, KUDAT	200,000.00	SIAP
3	JPD	NAIK TARAF JALAN TANAH KE JALAN KONKRIT MENUJU KE KAWASAN PERUMAHAN KG. MANGKAPON DARAT 2, PITAS	500,000.00	SIAP
4	JPD	NAIK TARAF JALAN GRAVEL KE JALAN KONKRIT DI KG BONGKOL, PITAS	500,000.00	SIAP
JUMLAH			RM1,400,000.00	

Untuk makluman Yang Berhormat juga, sebanyak 10 projek Jalan Luar Bandar (JALB) telah diluluskan di Parlimen Kudat sepanjang tahun 2024 dengan kos keseluruhan sebanyak RM994.2 juta. 10 projek ini adalah terdiri daripada 2 projek baharu dan 8 projek sambungan.

Daripada 10 projek ini, empat (4) projek telah siap, empat (4) projek dalam pembinaan, satu (1) projek dalam proses lantikan kontraktor dan satu (1) lagi dalam proses untuk ditender.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM [GUA MUSANG]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM [GUA MUSANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambah kelengkapan perubatan dan bilangan petugas di Hospital Gua Musang bagi menangani kes-kes kecemasan yang semakin meningkat yang dirujuk ke hospital berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Hospital Gua Musang telah menerima peruntukan sebanyak RM7.2 juta bagi perolehan peralatan perubatan sejak tahun 2020. Antara peralatan yang diperoleh adalah peralatan *CT Scanner*, Ultrasound, mobile C-arm dan lain-lain. Peralatan ini bertujuan untuk mengoptimumkan pelbagai perkhidmatan kepakaran yang telah mula ditawarkan di hospital ini sejak ianya digazetkan sebagai Hospital Berpakar Minor pada tahun 2022.
2. Sehingga 31 Disember 2024, seramai 305 anggota yang berkhidmat di Hospital Gua Musang yang terdiri daripada 270 anggota lantikan tetap dan 35 anggota lantikan kontrak. Daripada jumlah tersebut terdapat seramai 46 pegawai perubatan yang berkhidmat di hospital tersebut terdiri daripada 12 pakar perubatan dan 34 pegawai perubatan.
3. Kementerian Kesihatan telah melaksanakan penambahbaikan dan naik taraf perkhidmatan di Hospital Gua Musang daripada hospital tanpa pakar kepada hospital pakar minor. Perkhidmatan kepakaran di Hospital Gua Musang melibatkan bidang kecemasan, bedah umum, ginekologi, ortopedik, pediatrik, anestesiologi, pengimejan diagnostik dan psikiatri.
4. Kementerian Kesihatan merangka dan meneliti perancangan perkembangan perkhidmatan hospital tersebut dan keperluan perjawatan yang bersesuaian akan dikaji sebelum dikemukakan untuk pertimbangan Agensi Pusat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN [BENTONG]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN [BENTONG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kadar kejayaan program '*off-take agreement*' di bawah KKM untuk memperkasa pembuat ubat-ubatan tempatan. Berapa bilangan syarikat tempatan yang telah berjaya mengeluarkan ubat untuk digunakan oleh KKM dan sektor kesihatan swasta dan apakah jenis ubat yang dibekalkan oleh syarikat-syarikat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, KKM telah melaksanakan Program Perjanjian Off-Take (PPO) Fasa Pertama pada tahun 2013 hingga 2020 yang melibatkan sebanyak lima (5) buah syarikat tempatan dengan nilai kontrak keseluruhan berjumlah RM458 juta. Syarikat-syarikat ini telah berjaya menghasilkan lapan (8) produk farmaseutikal merangkumi antibiotik, insulin, pencuci luka dan produk ubat bagi rawatan jantung, kencing manis dan gastrik.
2. Antara pencapaian yang diperoleh dari PPO Fasa Pertama ini adalah seperti berikut:
 - (a) penjanaan nilai eksport sebanyak RM594.9 juta;
 - (b) penjanaan pelaburan tambahan sebanyak RM283.18 juta dalam penghasilan produk kesihatan; dan
 - (c) pewujudan 286 peluang pekerjaan baharu.
3. Terkini, YAB Perdana Menteri dalam Pembentangan Belanjawan 2025 pada 18 Oktober 2024 telah memaklumkan bahawa Kerajaan akan melaksanakan dasar off-take atau perolehan khusus kepada syarikat yang membuat pelaburan domestik baharu untuk mengeluarkan produk farmaseutikal dan peranti perubatan kritikal.
4. Justeru itu, bagi memastikan pelaksanaan PPO mencapai objektif Keterjaminan Biosekuriti Kesihatan Negara, KKM telah membangunkan Standard Operating Procedure (SOP) PPO Plus dan sedang memperhalusi maklum balas daripada Kementerian/Agensi berkaitan sebelum dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) untuk dimuktamadkan. Pelaksanaan PPO Plus ini dijangka akan bermula pada suku kedua tahun 2025 setelah kelulusan SOP PPO Plus diperoleh daripada MoF.
5. Program PPO Plus ini akan membolehkan bekalan ubat dan peranti perubatan yang lebih terjamin di mana rakyat boleh mendapat akses berterusan kepada produk-produk kesihatan yang berkualiti tanpa bergantung sepenuhnya kepada import. Dengan membina ekosistem farmaseutikal dan peranti

NO SOALAN : 37

perubatan tempatan yang mapan, rakyat dilindungi daripada kesan buruk akibat ketidaktentuan ekonomi global.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil bagi meningkatkan penyertaan petani untuk mendaftar skim takaful penanaman padi sebagai usaha untuk melindungi pendapatan daripada terjejas sekiranya berlaku bencana alam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Skim Takaful Tanaman Padi (STTP) telah diperkenalkan bagi tujuan melindungi pesawah padi berdaftar di seluruh negara daripada bencana alam yang boleh menjelaskan pengeluaran padi. Kadar caruman yang dikenakan kepada setiap pesawah adalah sebanyak RM64.80 per hektar per musim dengan kadar perlindungan maksimum sehingga RM3,000 per hektar. Pada fasa pertama ini, Kerajaan akan menanggung kos caruman kepada pesawah dan ianya diberikan kepada pesawah individu yang berdaftar dan mematuhi kriteria yang ditetapkan.
2. Bagi menggalakkan penyertaan pesawah dalam STTP, pelbagai usaha promosi dan pendaftaran STTP telah mula dilaksanakan secara berperingkat sejak 13 September 2024 di Kawasan Muda oleh Syarikat Agro Captive Takaful Limited (ACTL) yang merupakan subsidiari Bank Pertanian Malaysia Berhad (AGROBANK). Pihak MADA juga turut menyediakan platform pendaftaran STTP di 27 buah Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sebagai lokasi alternatif selain di AGROBANK bagi memudahkan urusan pendaftaran pesawah.
3. Sehingga 16 Januari 2025, seramai 15,635 orang pesawah MADA telah berdaftar dan menyertai skim ini dan jumlah penyertaan ini dijangka akan meningkat pada musim penanaman akan datang. Pencapaian ini menunjukkan komitmen berterusan untuk memperluas penyertaan pesawah dalam skim ini.
4. Usaha promosi oleh ACTL terus dipergiatkan di peringkat PPK MADA untuk meningkatkan penyertaan pesawah dalam skim ini melalui kerjasama dengan pegawai pengembangan di peringkat lokaliti secara online dan offline bagi memastikan manfaat STTP terus disebarluaskan kepada pesawah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI
APDAL [SEMPORNA]**

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

**DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI
APDAL [SEMPORNA] minta MENTERI EKONOMI menyatakan :**

- a. pencapaian Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) setakat ini khususnya di Sabah
- b. pembaharuan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13) dari sudut pembahagian peruntukan pembangunan dan keutamaan projek bagi mempercepatkan pembangunan di Sabah di samping mengoptimumkan potensi ekonomi di kedua-dua buah wilayah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Kerajaan telah memberi tumpuan kepada usaha menangani ketidakseimbangan sosioekonomi dan menggalakkan pertumbuhan yang saksama antara wilayah, negeri dan bandar-luar bandar. Sebanyak 43 sasaran peringkat nasional ditetapkan dalam usaha mempertingkatkan keseimbangan dan keterangkuman wilayah, termasuk memperkuuh pembangunan sosioekonomi di Sabah. Dalam tempoh 2021 hingga 2022, 10 daripada 43 sasaran tersebut telah dicapai manakala 33 lagi mengikut jadual. Antara projek RMK12 yang sedang dilaksanakan di Sabah adalah seperti berikut:

- (a) Projek Sempadan Sabah - SDC - Membina Jalan Ke Tapak Cadangan ICQS Serudong, Kalabakan;
- (b) SDC - Menaiktaraf Jalan Raya Industrial Link Road Daripada FEZ KKIP Ke Sapangar Bay Container Port, Sabah; dan
- (c) SDC - Pembesaran Pelabuhan Kontena Sapangar Bay.

2. Kerajaan akan meneruskan agenda merapatkan jurang pembangunan antara wilayah dan negeri dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) dengan melaksanakan beberapa langkah seperti berikut, antaranya:

- (a) Menggubal dasar baharu berkaitan pembangunan wilayah dengan mengambil kira trend dan perkembangan teknologi semasa seperti Industrial Revolution (4IR), Artificial Intelligence (AI) dan lain-lain;
- (b) Merasionalisasi peranan dan fungsi agensi pembangunan wilayah dan negeri termasuk Pihak Berkuasa Koridor dan Lembaga Kemajuan Wilayah bagi memudah cara pembangunan sosioekonomi dan merealisasi pelaburan; dan
- (c) Memanfaatkan potensi kerjasama sub-serantau seperti Johor-Singapore Special Economic Zone (JS-SEZ).

3. Selain itu, keutamaan agihan peruntukan pembangunan kepada enam negeri kurang membangun termasuk Sabah dikekalkan bagi mempercepatkan pembangunan.
4. Dengan pembaharuan yang dirancang dalam RMK13, Kerajaan yakin pembangunan di seluruh negara termasuk Sabah dapat ditingkatkan secara lebih inklusif dan mampan, seterusnya membawa manfaat jangka panjang kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. HAJI ABD GHANI BIN AHMAD [JERLUN]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DR. HAJI ABD GHANI BIN AHMAD [JERLUN] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status terkini pertumbuhan syarikat-syarikat GLC dan GLIC yang berkaitan dengan agenda Bumiputera, termasuk daripada segi sumbangan kepada ekonomi, penciptaan pekerjaan dan pelaburan strategik di kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, peranan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan yang ditubuhkan oleh agensi-agensi di bawah KKDW amat penting dalam penjanaan ekonomi dan peluang pekerjaan terutama bagi faedah masyarakat luar bandar.

Bagi tahun 2023 sahaja syarikat-syarikat tersebut telah mencapai pendapatan sebanyak RM5.08 bilion, di mana sebahagian besar pendapatan dan keuntungan daripada syarikat tersebut telah dipulangkan semula dalam bentuk dividen untuk membantu membiayai operasi agensi – agensi induk. Dalam masa yang sama, syarikat-syarikat tersebut telah menyediakan peluang pekerjaan yang banyak dalam pelbagai bidang terutamanya kepada masyarakat luar bandar memandangkan operasi syarikat – syarikat tersebut kebanyakannya berada di kawasan berkenaan.

Sebagai contoh, dalam bidang pendidikan pada tahun 2023 daripada 65,433 bilangan graduan UNIKL, GIATMARA, Kolej RISDA, dan lain-lain institusi pendidikan di bawah agensi KKDW, kebolehpasaran graduan melebihi 98.7% dan telah mendapat pekerjaan atau menjadi usahawan. Bagi GIATMARA sahaja, seramai 17,673 orang usahawan telah berjaya diwujudkan sepanjang penubuhannya.

Manakala, dalam bidang hartanah sebanyak 1,448 unit rumah mampu milik telah berjaya dibina pada tahun 2023 dan dijual kepada masyarakat luar bandar atau yang kurang berkemampuan.

Dalam bidang perladangan pula, sebanyak RM910.25 juta nilai pendapatan telah diperoleh pada tahun 2023 yang mana telah menyokong pengeluaran hasil komoditi negara dan seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat luar bandar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK
BEGRI [BETONG]**

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATO DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI [BETONG] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan kriteria penerima subsidi RON95 berdasarkan konsep pendapatan boleh guna bersih dan bagaimana ia memastikan ketetapan serta keadilan dalam pemberian subsidi ini terutamanya dalam konteks perubahan ekonomi semasa dan peningkatan kos sara hidup.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri masih membincangkan mengenai mekanisme pelaksanaan dan penentuan kelayakan penerima subsidi RON95 bagi memastikan 85 peratus rakyat kekal menikmati harga RON95 pada harga bersubsidi.
2. Di samping itu, dalam memastikan hanya mereka yang layak sahaja menerima bantuan, konsep perbelanjaan asas kehidupan wajar (PAKW) dan pendapatan boleh guna bersih (NDI) masih diperhalusi bagi menambah baik penentuan penerima subsidi. Pelbagai faktor akan diambil kira untuk mendapatkan gambaran sebenar kemampuan kewangan isi rumah dalam memenuhi keperluan kehidupan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan usaha-usaha Kementerian dalam mengawal kandungan media sosial yang memaparkan kebebasan hubungan sesama jenis secara terbuka yang dilihat boleh memberi kesan negatif kepada nilai-nilai agama, meruntuhkan norma moral masyarakat serta membawa impak negatif terhadap kesejahteraan sosial dan keharmonian negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sentiasa komited memastikan keselamatan dan etika penggunaan media dalam talian tidak melanggar ketetapan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] atau mana-mana undang-undang negara ini.

Kesalahan berkaitan hubungan sejenis adalah tertakluk di bawah peruntukan Seksyen 377 Kanun Keseksaan [Akta 574] yang dikuatkuasakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM). Dalam perihal ini, MCMC menjalankan kerjasama erat dengan PDRM bagi memastikan tindakan secara menyeluruh dapat diambil dalam usaha membendung penyebaran kandungan yang memberi impak negatif terhadap kesejahteraan sosial dan keharmonian negara.

Tambahan lagi, kandungan yang memaparkan kebebasan hubungan sesama jenis secara terbuka dalam talian yang memberi kesan negatif boleh menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 233 Akta 588 sekiranya mempunyai elemen kandungan lucah dan sumbang. Bagi kesalahan seumpama ini, MCMC akan mengambil tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya di bawah Akta 588. Tindakan pemantauan proaktif oleh MCMC serta kerjasama dengan penyedia perkhidmatan juga terus dipertingkatkan bagi memastikan kandungan dalam talian bagi kesalahan tersebut dapat dikenal pasti, disekat dan diturunkan dengan kadar segera.

Selain itu, MCMC juga melaksanakan sesi libat urus secara berterusan dengan penyedia platform media sosial bagi membuka peluang kerjasama di antara penyedia platform dan pihak penguatkuasa. Melalui sesi ini, penyedia platform dapat memahami konteks tempatan dari segi nilai, norma masyarakat dan undang-undang yang mungkin tidak selaras dengan standard komuniti dan terma dan syarat mereka. Usaha ini menyumbang kepada penambahbaikan kerja-kerja penyederhanaan kandungan oleh penyedia platform dan menjadikannya lebih efisien dan

berkesan.

Bagi memastikan ekosistem rangkaian internet yang lebih selamat dan lestari kepada semua pengguna, MCMC telah mewajibkan setiap perkhidmatan media sosial dan pesanan internet yang mempunyai sekurang-kurangnya lapan juta pengguna berdaftar di negara ini, perlu memohon Lesen Kelas Pemberian Perkhidmatan Aplikasi di bawah Akta 588 bermula 1 Januari 2025. Langkah ini bertujuan untuk memastikan setiap penyedia perkhidmatan pesanan internet dan media sosial yang berdaftar mematuhi obligasi-obligasi di bawah Akta 588 serta mengamalkan Kod Tatalaku (Amalan Terbaik) yang telah diterbitkan oleh MCMC dan seterusnya meningkatkan akauntabiliti terhadap kandungan dan interaksi dalam talian yang disediakan kepada pengguna.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI UTAMA HAJI AMINUDDIN BIN HARUN [PORT DICKSON]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI UTAMA HAJI AMINUDDIN BIN HARUN [PORT DICKSON] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimana Malaysia memanfaatkan perjanjian perdagangan serantau seperti Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dapat meningkatkan eksport negara dan apakah strategi kementerian untuk memperkuuh eksport produk tempatan, khususnya dalam sektor berimpak tinggi seperti teknologi.

JAWAPAN

Tuan yang di-Pertua,

1. Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau atau *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) adalah berasaskan kepada penambahbaikan terhadap perjanjian perdagangan bebas (FTA) ASEAN campur satu (1) atau dengan izin, *ASEAN plus one (ASEAN + 1) FTA* sedia ada iaitu ASEAN-China, ASEAN-India, ASEAN-Australia-New Zealand, ASEAN-Korea dan ASEAN-Jepun. Tujuan perjanjian ini adalah untuk menggabung serta menyeragam semua perjanjian sedia ada tersebut kepada satu perjanjian tunggal, untuk lebih memudah cara perdagangan dan pelaburan serantau. Selain itu, perjanjian RCEP bertujuan untuk mengurangkan jurang pembangunan di kalangan 15 negara anggotanya yang terdiri daripada sepuluh (10) Negara Anggota ASEAN, Australia, China, Jepun, Republik Korea dan New Zealand.
2. Malaysia boleh memanfaatkan perjanjian RCEP untuk meningkatkan eksport melalui pengurangan tarif dan halangan perdagangan. Hal ini kerana, RCEP adalah FTA terbesar di dunia yang merangkumi 29% daripada populasi dunia (2.3 billion orang) dan KDNK (RM139.13 trillion / AS\$ 29.4 trillion), serta 27% daripada perdagangan dunia. Justeru, para pengeksport Malaysia kini berpeluang meluaskan pasaran dengan menjual produk dan perkhidmatan mereka ke semua 15 negara ahli.
3. Selain itu, pengeksport Malaysia berupaya memperoleh kelebihan daya saing dalam pasaran melalui peruntukan-peruntukan yang telah termaktub di dalam perjanjian ini, terutamanya dalam bab fasilitasi perdagangan (*trade facilitation*) dan hak harta intelek. Peruntukan-peruntukan tersebut dapat membantu menggalakkan pelaburan dalam sektor utama seperti elektronik, minyak sawit dan getah. Selanjutnya, RCEP juga menggalakkan kerjasama dalam bidang seperti e-dagang, yang dapat membantu perusahaan-pengusaha Malaysia mengembangkan aktiviti perniagaan dan menjangkau pelanggan-pelanggan baharu secara dalam talian.
4. Menyedari tentang kepentingan penglibatan Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) dalam memainkan peranan sebagai tulang belakang

ekonomi negara, Perjanjian RCEP akan dapat memastikan persaingan yang seimbang di antara negara-negara membangun dan yang sedang membangun. Hal ini kerana, terdapat fasal khusus berkenaan peruntukan perkongsian maklumat dan hebahan langkah-langkah ketelusan untuk mempermudah urusan perniagaan dan pelaburan di rantau ini, termasuk menyediakan peluang kerjasama ekonomi dan teknikal (ECOTECH) yang adil kepada PMKS khususnya.

5. Pihak Kementerian dan agensi promosi perdagangan negara iaitu Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), telah melaksanakan pelbagai strategi untuk memperkuuh eksport produk tempatan seperti:

- a. Meningkatkan eksport bagi barang berteknologi tinggi dan bekalan produk/ perkhidmatan dalam sektor nilai tambah tinggi (HGHV) seperti elektrik & elektronik (E&E), aeroangkasa, farmaseutikal dan peranti perubatan;
- b. Meningkatkan promosi eksport di bandaraya-bandaraya baharu (*second tier city*) di negara-negara ASEAN dan China di bawah strategi kepelbagaian pasaran;
- c. Membawa pembeli premium antarabangsa yang berkualiti tinggi di bawah Program Penyumberan Antarabangsa;
- d. Menjalankan kerjasama strategik dengan agensi promosi perdagangan tempatan dan antarabangsa merangkumi pertemuan perniagaan antara pengeksport dan pengimpor Malaysia; dan
- e. Penyertaan di dalam pelbagai pameran perdagangan antarabangsa yang terkemuka.

6. Selain daripada pelaksanaan aktiviti-aktiviti promosi, pihak Kementerian telah meluncurkan Pelan Induk Perindustrian Baharu atau *New Industrial Master Plan* (NIMP) 2030 pada September 2023, yang menyasarkan transformasi besar-besaran dalam sektor perindustrian negara, sejajar dengan aspirasi Malaysia MADANI. Peningkatan eksport sektor pembuatan tempatan merupakan salah satu daripada strategi yang telah digariskan di bawah **Misi 1: Memajukan Kompleksiti Ekonomi**, yang bertujuan untuk menggalakkan aktiviti pembuatan bernilai tambah tinggi, seterusnya meningkatkan eksport produk yang lebih canggih.

7. Sehubungan itu, **empat (4) Pelan Tindakan** telah dirangka bagi mencapai misi tersebut iaitu:

- i. **Pelan Tindakan 1.5.1: Melaksanakan kempen advokasi perdagangan nasional untuk meningkatkan penggunaan perjanjian perdagangan bebas**, yang bertujuan untuk membantu industri memahami dan memanfaatkan FTA secara lebih berkesan.
- ii. **Pelan Tindakan 1.5.2: Penjenamaan semula “Buatan Malaysia”**, iaitu penyediaan garis panduan penjenamaan nasional dan kemudahan akses kepada penajaan bagi menyokong usaha pemasaran global.
- iii. **Pelan Tindakan 1.5.3: Menangani halangan bukan tarif (non-tariff measures - NTMs) dan pematuhan piawai**, termasuklah menyediakan bimbingan kepada syarikat-syarikat tempatan berhubung halangan-halangan tersebut.
- iv. **Pelan Tindakan 1.5.4: Mengemaskini FTA berdasarkan keadaan geopolitik** dengan menilai semula perjanjian FTA sedia ada bagi memastikan ia mencerminkan kepentingan strategik negara dalam lima (5) bidang utama iaitu, rantaian bekalan, keselamatan, perdagangan digital, alam sekitar, sosial & tatakelola atau *environmental, social & governance* (ESG) dan piawaian (*standards*).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. AHMAD MARZUK BIN
SHAARY [PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATUK DR. AHMAD MARZUK BIN SHAARY [PENGKALAN CHEPA] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan insentif atau sokongan yang perlu diberikan kepada pelabur tempatan dan asing bagi merangsang penglibatan mereka dalam pembangunan industri Rare Earth Elements (REE), terutamanya di peringkat pertengahan dan hiliran.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Sebagaimana sedia maklum, Kerajaan berhasrat untuk membangunkan ekosistem industri nadir bumi (*rare earth elements – REE*) di dalam negara, merangkumi peringkat huluan (*upstream*), pertengahan (*midstream*) dan hiliran (*downstream*). Bagi tujuan tersebut, sebuah *Special Task Force Hala Tuju Pembangunan Industri REE* telah ditubuhkan bagi membincangkan strategi pemerkasaan industri REE. Melalui Jawatankuasa berkenaan, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) telah diberi mandat untuk menerajui Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Industri REE Peringkat Pertengahan dan Hiliran untuk membincangkan aspek pembangunan industri REE di peringkat pertengahan dan hiliran dengan mengenal pasti peluang pelaburan dan kerjasama strategik dalam industri REE. Jawatankuasa Teknikal ini turut mengenal pasti dan menilai keperluan mewujudkan insentif khusus bagi menarik pelaburan dalam industri REE yang berkaitan.
2. Ketika ini, syarikat-syarikat asing dan tempatan boleh ditawarkan dengan insentif-insentif umum di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986 iaitu galakan Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan dengan pengecualian cukai separa atau sepenuhnya bagi tempoh 5 hingga 10 tahun. Insentif diberikan kepada syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti pembuatan peringkat pertengahan (*midstream*) hingga hiliran (*downstream*) dan menggunakan nadir bumi (*rare earth elements – REE*) yang telah diproses.
3. Projek-projek berkaitan REE yang dijalankan secara integrasi sekiranya melibatkan jumlah pelaburan yang tinggi serta mempunyai manfaat kepada ekonomi negara juga boleh dipertimbangkan dengan pemberian insentif galakan cukai istimewa, di mana kadar pemberian insentif ini adalah lebih tinggi daripada kadar insentif umum dan dapat dinikmati oleh syarikat untuk tempoh yang lebih panjang.

4. Selain itu, seperti yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2025, Kerangka Insentif Baharu akan menumpukan kepada pendekatan *Tiering Approach and Outcome-Based Incentives* yang memfokus kepada aktiviti atau keluaran bernilai tinggi. Untuk makluman, insentif atau galakan cukai sedia ada hanya diberikan kepada aktiviti atau keluaran yang tersenarai di bawah senarai produk yang digalakkan sahaja.
5. Dengan pelaksanaan Kerangka Insentif Baharu ini kelak, syarikat syarikat akan menikmati insentif yang lebih fleksibel dan tidak terhad kepada produk-produk tertentu sahaja. Langkah ini dapat meningkatkan daya saing sektor pembuatan, merangsang pelaburan dalam teknologi canggih, dan mendorong inovasi dalam industri yang berpotensi tinggi, termasuk industri REE.
6. Kerajaan melaksanakan moratorium pengeksportan bahan mentah REE yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2024 sebagai satu bentuk sokongan secara tidak langsung kepada pelaburan dalam industri REE di peringkat pertengahan dan hiliran. Langkah ini adalah untuk memastikan sumber REE dalam negara dapat dimanfaatkan sebaiknya bagi aktiviti pengeluaran bagi produk nilai tambah yang lebih tinggi di peringkat pertengahan dan juga hiliran. Pengeluaran peringkat hiliran berasaskan sumber REE tempatan dalam penghasilan supermagnet contohnya merupakan input kepada perindustrian berteknologi tinggi, terutamanya dalam sektor yang diberikan keutamaan seperti elektrik dan elektronik (E&E), kenderaan elektrik (EV), aeroangkasa, peranti perubatan dan juga tenaga boleh diperbaharui (TBB).
7. Di samping itu, kerjasama strategik dengan pelabur utama sedia ada dijangka dapat menarik pelabur-pelabur baru dalam peringkat hiliran untuk menghasilkan supermagnet di Malaysia. Kerjasama seumpama ini selain mewujudkan peluang pelaburan dalam aktiviti yang disasarkan, turut mewujudkan *transfer of technology* termasuk membina kapasiti kepakaran tempatan dalam teknologi berkaitan sumber REE. Sehubungan itu, pembangunan aktiviti industri REE tempatan di kedua-dua peringkat pertengahan dan hiliran ini akan memastikan keutamaan bagi bekalan sumber REE tempatan diguna pakai dengan maksimum untuk memberi sumber kekayaan baru kepada Negara.

8. Dalam masa sama, Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) juga telah menubuhkan Konsortium Bahan Termaju Negara (NAMC) sebagai platform kolaboratif untuk menggalakkan penyelidikan, pembangunan, dan inovasi dalam bidang bahan termaju, termasuk aplikasi REE dalam industri bernilai tinggi. NAMC berperanan sebagai penghubung antara pemain industri, institusi penyelidikan, serta agensi kerajaan bagi mempercepatkan pembangunan ekosistem bahan termaju di Malaysia. NAMC juga boleh berfungsi sebagai landasan strategik bagi kerjasama pelaburan antara pemegang taruh tempatan dan antarabangsa, sekali gus memacu pemindahan teknologi serta memperkuat ekosistem bahan termaju negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL [AMPANG]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL [AMPANG] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan strategi dan pelan tindakan untuk memastikan Program PODIUM antara lapan inisiatif Agenda Prestasi Tinggi Negara mencapai matlamat kecemerlangan sukan di temasya sukan antarabangsa di samping sasaran pingat bagi Sukan Komanwel 2026, Sukan Asia 2026, Sukan SEA 2027 dan Olimpik 2028.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Majlis Sukan Negara Malaysia (MSN) telah menyusun strategi dengan kolaborasi erat bersama para pemegang taruh utama seperti Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Majlis Paralimpik Malaysia (MPM), Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Institut Sukan Negara (ISN) dalam memastikan persiapan atlet ke arah temasya-temasya sukan antarabangsa yang utama seperti Sukan Komanwel 2026, Sukan Asia 2026, Sukan SEA 2027 dan Olimpik 2028.

Pelbagai pendekatan latihan baik jangka masa pendek mahupun jangkamasa sederhana dan panjang telah dan sedang dilaksanakan melalui Program Podium. Pendekatan ini boleh dinilai melalui pencapaian-pencapaian atlet negara di pelbagai kejohanan peringkat antarabangsa dan yang lebih penting di temasya-temasya sukan antarabangsa lain seperti Sukan SEA, Sukan Asia, Sukan Komanwel dan Sukan Olimpik.

MSN telah dan akan mengambil beberapa inisiatif untuk memastikan atlet-atlet dapat mempamerkan prestasi yang cemerlang di temasya-temasya utama pada tahun ini seperti:

- a. Program Fast Track LA2028 di bawah inisiatif Jawatankuasa Road To Gold yang merupakan persiapan awal atlet ke arah Sukan Olimpik LA2028;
- b. tumpuan kepada kumpulan atlet senior yang dikenalpasti bagi membawa cabaran di Sukan Asia/Komanwel 2026;
- c. persiapan awal kontinjen ke arah Sukan SEA 2025;
- d. tumpuan serta persiapan awal bagi kontinjen negara yang akan menyertai Sukan SEA Malaysia 2027;

- e. kerjasama bersama pihak Nippon Sport Science University (NSSU), Tokyo, Jepun bagi mengenal pasti strategi-strategi yang boleh diambil bagi mempertingkatkan prestasi atlet negara;
- f. Jawatankuasa Peringkat Tertinggi (HLC) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat (YAB) Timbalan Perdana Menteri telah bersetuju untuk memberi tumpuan bagi sukan-sukan yang menawarkan bilangan pingat yang banyak di temasya sukan antarabangsa iaitu sukan tempur, akuatik renang dan olahraga. Bagi sukan akuatik renang dan olahraga, pelaksanaan program melibatkan pengenalpastian bakat-bakat baharu bermula seawal umur 9 tahun di peringkat daerah, negeri, zon dan seterusnya kebangsaan dengan kerjasama KPM dan KPT. Manakala bagi sukan tempur, pelaksanaan program adalah dengan kerjasama bersama pihak badan-badan beruniform seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan BOMBA; dan
- g. memperkenalkan Program Pembangunan Bakat 8 Sukan Olimpik yang melibatkan sukan akuatik renang, akuatik terjun, badminton, berbasikal, memanah, skuasy, taekwondo dan olahraga bermula dari peringkat akar umbi dalam usaha untuk melahirkan atlet-atlet yang terbaik ke Sukan Olimpik. Program pembangunan yang khusus seperti struktur kejurulatihan yang lebih baik, lebih banyak peluang pertandingan dalam dan luar negara, *athletes and competition pathway*, kem-kem bakat dan program tindik dengan pasukan kebangsaan akan disediakan untuk atlet remaja terbaik di peringkat negeri.

Bagi penentuan sasaran pingat kontinjen negara, terdapat beberapa perkara yang perlu diambil kira dan dikenalpasti bagi penetapan sasaran pingat ke arah temasya sukan utama seperti:

- a. jenis-jenis sukan dan acara yang berpotensi memenangi pingat;
- b. keadaan dan prestasi atlet semasa;

- c. persaingan antara negara-negara pesaing; dan
- d. teknologi dan peralatan sukan.

Walau bagaimanapun, penetapan pingat ini akan ditentukan secara bersama di antara KBS melalui Majlis Sukan Negara (MSN), Institut Sukan Negara (ISN), Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) dan Majlis Olimpik Malaysia (MOM).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN [MERBOK]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN [MERBOK] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah Kementerian telah mengkaji isu produktiviti pesawah, kos input pertanian yang tinggi dan kebergantungan kepada subsidi Kerajaan menjadikan sektor ini tidak stabil yang mungkin menyebabkan pengeluaran beras tempatan terjejas dan bekalan ke pasaran juga akan berkurangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyedari mengenai isu yang dihadapi dalam sektor padi dan beras negara. Isu produktiviti yang rendah serta peningkatan kos pengeluaran berikutan kenaikan harga input pertanian dan kos upah merupakan antara isu utama yang dihadapi oleh pesawah.
2. Untuk makluman, hampir 50% daripada kos pengeluaran padi ditampung oleh Kerajaan melalui pemberian subsidi dan insentif. Jumlah yang ditampung tersebut adalah tinggi. Tidak dinafikan bahawa kebergantungan terhadap subsidi mampu untuk mempengaruhi tahap produktiviti pesawah. Sebagai contoh, Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) merupakan insentif yang diberikan bagi menggalakkan pesawah untuk meningkatkan hasil padi. Namun, produktiviti hasil padi bukan bergantung kepada pemberian subsidi dan insentif semata-mata. Ianya turut dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti kemudahan infrastruktur pengairan dan saliran yang cekap, amalan pertanian baik, pengurusan tanaman yang efisien dan penggunaan baja tambahan/penggalak.
3. Sememangnya produktiviti hasil padi yang rendah akan menjelaskan sasaran pengeluaran beras. Menyedari hal ini, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha bagi meningkatkan hasil padi dan seterusnya pengeluaran beras, antaranya adalah:
 - (i) Pelaksanaan Program SMART SBB untuk membantu pesawah meningkatkan hasil melalui pengurusan tanaman padi yang sistematik serta penggunaan teknologi moden. Setakat ini, seramai 11,000 pesawah telah terlibat dengan keluasan yang terlibat 34,000 hektar;
 - (ii) Peningkatan kecekapan infrastruktur iaitu melalui pemerkasaan sistem pengairan, saliran, dan kemudahan ladang untuk meningkatkan kecukupan bekalan air ke kawasan tanaman padi. Pada tahun 2025, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM200 juta untuk membaik pulih dan menyelenggara pengairan dan saliran di kawasan jelapang dan luar jelapang. Khusus untuk negeri Sabah pula, sebanyak

RM3.5 juta telah diperuntukkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Sabah;

(iii) KPKM juga berhasrat menggalakkan penggunaan teknologi jentanan dalam penanaman padi di kawasan terpilih bagi meningkatkan hasil; dan

(iv) KPKM melalui Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) turut memperkenalkan varieti baharu seperti MR326 atau KESIDANG, yang lebih rentang penyakit serta sesuai ditanam di kawasan kering. Varieti ini sesuai ditanam di kawasan luar jelapang dan dalam jelapang kerana potensi hasilnya yang tinggi.

4. KPKM turut peka dan prihatin terhadap isu pembekalan beras putih tempatan (BPT) di pasaran yang mula timbul semenjak pertengahan tahun 2023. Justeru itu, pelbagai intervensi telah dilaksanakan oleh KPKM bagi memastikan keberadaan bekalan BPT untuk memenuhi keperluan rakyat walaupun subsektor padi dan beras ini berdepan dengan pelbagai faktor yang mempengaruhi kos dan produktiviti pengeluaran padi dan beras negara.

5. Sebagai penyelesaian terhadap isu berkaitan BPT dan beras putih import (BPI), KPKM telah merombak strategi melalui pelaksanaan reformasi menyeluruh dalam industri padi dan beras secara berfasa sejak Oktober 2024 yang bertujuan untuk meningkatkan daya saing industri, memperkuatkan kebijakan pesawah serta menjamin bekalan beras negara.

6. Terbaru, pihak Kerajaan juga telah bersetuju untuk mengekalkan BPT pada harga RM2.60 sekilogram dengan menyerap sebahagian kos pengeluaran sekitar RM150 juta untuk tempoh enam bulan. Ini bagi memastikan keberadaan bekalan BPT kira-kira 24 juta kampit 10 kilogram di pasaran dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHIEW CHOON MAN [MIRI]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHIEW CHOON MAN [MIRI] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :

- a. nisbah doktor-pesakit di Sarawak berbanding dengan peringkat nasional
- b. usaha Kementerian untuk menangani kekurangan doktor, termasuk langkah jangka pendek seperti penyerapan doktor kontrak ke jawatan tetap dan perancangan jangka panjang untuk meningkatkan kapasiti latihan perubatan di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pengiraan nisbah doktor kepada penduduk adalah merangkumi semua doktor berdaftar yang berkhidmat di negeri Sarawak dinisbahkan kepada jumlah penduduk Sarawak dan tidak mengikut jumlah pesakit sahaja. Sehingga Disember 2023;

- (a) Nisbah doktor berdaftar kepada penduduk di Sarawak adalah 1 doktor kepada 510 penduduk; dan
- (b) Manakala nisbah doktor kepada penduduk di peringkat nasional adalah 1 doktor kepada 406 penduduk.

2. Bagi memastikan pengekalan pegawai perubatan dalam sektor awam, objektif utama kerajaan adalah melalui pemantapan laluan kerjaya skim pegawai perubatan yang jelas. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah seperti:

- (a) Penawaran lantikan tetap kepada semua pegawai perubatan kontrak yang berkelayakan dibuat secara berfasa setiap tahun;
- (b) Tawaran melanjutkan pengajian kepakaran kepada semua pegawai perubatan tanpa mengira status lantikan bagi meningkatkan kerjaya dan ke arah mencapai sasaran asal 12,608 orang pakar perubatan pada tahun 2025; dan
- (c) Kesetaraan gred atau kemasukan secara lateral entry bagi pegawai yang berkelayakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN [JERANTUT]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN [JERANTUT] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :

- a. status peruntukan sebanyak RM178 juta bagi pemasangan lampu jalan baharu dan lampu isyarat pintar di Jalan Persekutuan
- b. bagaimana permohonan boleh dilakukan agar jalan gelap dan kerap kemalangan khususnya di Jerantut dapat dipasang lampu jalan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini amat mengambil berat akan isu keselamatan jalan raya khususnya di Jalan Persekutuan seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan lampu jalan di **Laluan Persekutuan di Seluruh Malaysia** adalah berjumlah **133,642** dan merupakan aset Jalan Persekutuan yang disenggara oleh Jabatan Kerja Raya.

Pada tahun 2025, Kementerian ini telah menerima peruntukan berjumlah **RM100 juta** bagi melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan lampu jalan dan lampu isyarat bagi Jalan Persekutuan di Seluruh Malaysia.

Sehingga Januari 2025, Kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak **RM 10.64 juta** di bawah program dan **penyenggaraan lampu jalan dan lampu isyarat bagi jalan Persekutuan di Semenanjung Malaysia** yang melibatkan **76 bilangan kerja**. Manakala bagi **Negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan**, Kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak **RM 14.49 juta** yang melibatkan **37 bilangan kerja**. Kesemua kerja-kerja ini akan dilaksanakan oleh JKR melalui kaedah perolehan.

Di samping itu, bagi perlaksanaan kerja tahun 2025, **aset-aset lampu jalan yang rosak akan dikenal pasti** dan pihak JKR akan menyediakan Anggaran Penyenggaraan Jalan (APJ) Tahun 2025 bagi melaksanakan kerja penyenggaran lampu jalan dan lampu isyarat bagi Jalan Persekutuan Seluruh Malaysia. Walau bagaimanapun, kelulusan kerja tertakluk kepada senarai keutamaan kerja yang disediakan oleh JKR berdasarkan penilaian tahap kritikal kerosakan bagi keseluruhan jaringan Jalan Persekutuan di bawah seliaan Kementerian ini.

Daripada peruntukan RM178 Juta tersebut, sejumlah RM78 Juta telah diluluskan untuk pelaksanaan Program Menaiktaraf Instruktur Keselamatan Jalan Raya.

Terdapat empat (4) skop yang diluluskan di bawah program ini melibatkan:

1. Merawat lokasi kerap berlaku kemalangan atau *blackspot* (dengan izin).

2. Pembinaan lintasan pejalan kaki searas berlampau isyarat.
3. Pemasangan lampu jalan di kawasan berlaku kemalangan atau berisiko kemalangan.
4. Pemasangan lampu isyarat di persimpangan berlaku kemalangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak RM21 juta telah diperuntukkan bagi skop pemasangan lampu jalan di 212 lokasi Jalan Persekutuan terpilih di kawasan kemalangan atau berisiko kemalangan seluruh negara. Manakala RM15 juta pula telah diluluskan bagi skop Program Menaik Taraf Lampu Isyarat Sedia Ada Kepada Lampu Isyarat Pintar. Arahan Kerja bagi kedua-dua skop tersebut kepada Jabatan Kerja Raya Malaysia telah pun dikeluarkan pada 13 Januari 2025 dan kesemua kerja di tapak dijadualkan untuk siap dilaksanakan pada tahun semasa.

Kementerian Kerja Raya bersama-sama Jabatan Kerja Raya sentiasa komited dalam memastikan tahap keadaan jalan sentiasa dalam keadaan yang selamat dan selesa sepanjang tahun bergantung kelulusan dan ketersediaan kewangan.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kriteria permohonan pemasangan lampu jalan di kawasan kemalangan / berisiko kemalangan akibat jalan gelap hendaklah berdasarkan waran analisis lampu jalan sepertimana Nota Teknik Jalan 29/15 *Guidelines For The Provision Of The Road Lighting* iaitu mempunyai data kemalangan dan merupakan lokasi berisiko kemalangan seperti di persimpangan, selekoh dan jambatan. Permohonan ini hendaklah melalui JKR Negeri ke Cawangan Senggara Fasiliti Jalan Ibu Pejabat JKR Malaysia mengikut senarai keutamaan.

Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) sentiasa komited dalam memastikan jalan raya sentiasa dalam keadaan yang selamat dan selesa dengan menjalankan kerja –kerja pemasangan dan pembaikan sepanjang tahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN [BENTONG]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN [BENTONG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dalam Persidangan Kawal Selia Antarabangsa (IRC) 2025 yang dianjurkan baru-baru ini, pihak KKM ada menyatakan tentang penggunaan kecerdasan buatan melalui MyMinda di dalam aplikasi MySejahtera. Sejauh manakah keberkesanan MyMinda setakat ini dalam mengenalpasti dan membantu individu yang mengalami kemurungan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. MyMinda di dalam aplikasi MySejahtera adalah satu inisiatif digitalisasi perkhidmatan saringan kesihatan mental yang ditawarkan oleh Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan akses kesihatan mental kepada rakyat Malaysia dengan menyediakan platform mesra pengguna dan selamat bagi mengenal pasti tahap kesihatan mental individu serta memberikan sokongan awal psikologi kepada mereka yang memerlukan.
2. Sejak MyMinda dilancarkan pada 10 Oktober 2023 sehingga 23 Januari 2025, jumlah saringan kesihatan mental kendiri adalah sebanyak 223,773. Daripada jumlah ini sebanyak 39.5% dilaporkan berisiko mengalami kemurungan (*depression*).
3. Selain itu, modul MyMinda ini juga memberi akses kepada orang awam untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan mental secara digital yang merangkumi aspek psikopendidikan dan tips penjagaan kendiri.
4. Jumlah pemanggil yang membuat panggilan bagi mendapatkan bantuan sokongan emosi dan psikopendidikan melalui Perkhidmatan Talian HEAL 15555 juga telah merekodkan peningkatan panggilan berbanding pada tahun sebelumnya. Ini menunjukkan kesedaran untuk mendapatkan sokongan kesihatan mental dalam kalangan rakyat Malaysia semakin meningkat. Sekaligus ini merupakan indikator keberkesanan dan keberhasilan modul MyMinda sebagai salah satu dari usaha-usaha Kementerian dalam menjaga kebajikan dan memelihara kesejahteraan mental supaya isu-isu kesihatan mental dapat ditangani.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan maklum balas keputusan siasatan mengenai kes bunuh diri doktor di Hospital Lahad Datu dan langkah untuk menangani isu tersebut daripada terus berlaku dalam sektor kesihatan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. KKM amat bersimpati dan memandang serius insiden kematian melibatkan mendiang Dr. Tay Tien Yaa (Pakar Perubatan Patologi Kimia) yang dijumpai meninggal dunia di kediamannya di Lahad Datu pada 29 Ogos 2024. KKM telah melantik Pasukan Petugas Khas Lahad Datu (PPKLD) yang **berkapasiti bebas** dan mempunyai **kredibiliti tinggi** untuk menyiasat segala persoalan yang telah dibangkitkan oleh pihak keluarga dan juga kebimbangan yang disuarakan oleh orang ramai.
2. PPKLD yang ditubuhkan pada 10 Oktober 2024 bagi tempoh tiga (3) bulan telah selesai menjalankan siasatan dan menyerahkan laporan lengkap siasatan kepada pihak KKM pada 13 Januari 2025. Sesi pertemuan bersama keluarga mendiang Dr. Tay Tien Yaa juga telah diadakan pada 22 Januari 2025 bagi memaklumkan hasil siasatan PPKLD.
3. Berdasarkan siasatan yang telah dilaksanakan, PPKLD merumuskan:
 - (a) **tiada bukti** yang menunjukkan mendiang telah dibuli oleh Ketua Jabatan, Jabatan Patologi Hospital Lahad Datu; dan
 - (b) mengesahkan semua isu yang dibangkitkan oleh keluarga mendiang melalui aduan adalah **tidak berbangkit dan tidak dapat dibuktikan**.
4. KKM juga amat memahami emosi keluarga mendiang Dr. Tay Tien Yaa susulan penemuan PPKLD yang mengesahkan tidak wujud perlakuan buli terhadap mendiang, dan bersedia memberikan sokongan yang sewajarnya kepada keluarga mendiang sekiranya diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Antara langkah KKM bagi menangani isu ini dari terus berlaku di sektor kesihatan adalah :

- (a) menyediakan perkhidmatan dalam memberi sokongan emosi dan intervensi awal berkaitan kesihatan mental kepada petugas kesihatan melalui **Talian Krisis Kesihatan Mental atau Talian HEAL 15555** menerusi Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (NCEMH);
- (b) KKM juga akan mengeluarkan "**Garis Panduan Pengurusan Buli di Tempat Kerja Bagi Anggota KKM**" menerusi NCEMH yang bertujuan meningkatkan kesedaran berhubung isu buli di tempat kerja, kepentingan persekitaran kerja yang baik, menjelaskan prosedur pelaporan, langkah-langkah pencegahan dan intervensi terhadap individu dan organisasi;
- (c) membangunkan **Nota Poket kesihatan Mental di Tempat Kerja** yang mengandungi informasi berkaitan panduan penjagaan kesihatan mental di tempat kerja khususnya dalam memperkasa penjagaan kesihatan mental kendiri dalam kalangan warga kerja. Nota Poket ini telah diedarkan kepada semua wakil kementerian, agensi, dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO);
- (d) memperluas **perkhidmatan kaunseling oleh Pegawai Psikologi terlatih serta Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB)**;
- (e) menyediakan platform digital, **MyMinda** menerusi aplikasi **MySejahtera** bagi memperluaskan capaian dan akses kepada perkhidmatan kesihatan mental;
- (f) memperkasa **Pasukan Mental Health and Psychosocial Support (MHPSS)** di peringkat negeri daerah dan hospital yang akan turun ke lapangan bagi mengenal pasti petugas kesihatan yang memerlukan bantuan awal psikologi atau Psychological First Aid (PFA);
- (g) memperkenalkan **program House Officer Encouragement and Reassurance Through Sharing and Support (HEARTS)** di peringkat hospital bagi memberi sokongan dan membina daya tahan pegawai perubatan siswazah; dan
- (h) menyediakan program sokongan kepada pegawai perubatan dan petugas kesihatan lain yang dinamakan sebagai "**Kintsukuroi**" di hospital.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah drastik Kementerian dalam menangani masalah kos sara hidup para petani memandangkan penurunan harga belian padi antara RM1500 hingga RM1800 kepada RM1300 satu tan metrik yang dilihat tidak mencerminkan kos yang kian meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa memberi keutamaan kepada kebajikan pesawah dan pemain industri padi dan beras. Dari semasa ke semasa, KPKM mengadakan sesi libat urus untuk mendengar pandangan pelbagai pihak berkepentingan, dengan tujuan mencari penyelesaian terbaik yang memberi manfaat kepada semua.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPKM telah menetapkan harga lantai padi bagi memastikan pengilang tidak membeli padi pada harga yang lebih rendah. Oleh itu, harga belian sebenar padi adalah berdasarkan persetujuan antara pembeli dan penjual, dengan mengambil kira harga pasaran.
3. Kerajaan telah bersetuju supaya harga lantai belian padi diselaraskan daripada RM1,300 kepada RM1,500 bagi setiap tan metrik yang berkuat kuasa mulai 16 Februari 2025. Penyelarasannya dilaksanakan dengan mengambil kira kenaikan kos upah dan kos input pertanian seperti baja, racun dan lain-lain, impak kepada kos pengeluaran beras dan seterusnya memberi kesan kepada harga beras di pasaran. Dalam melaksanakan urusan penyelarasannya ini, Kerajaan juga mengambil kira pelbagai faktor lain seperti kos pengeluaran padi, pergerakan harga beras dunia, unjuran permintaan dan penawaran beras tempatan.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, penetapan kadar harga RM1,500 per tan metrik adalah kadar yang paling relevan pada masa ini bagi mengimbangi kesan terhadap setiap pihak dalam rantau industri padi dan beras termasuk pengguna. Dari semasa ke semasa, pihak Kementerian akan terus memantau dan mengkaji kesesuaian serta keperluan untuk menyelaraskan semula harga ini pada masa hadapan bagi memastikan kebajikan pesawah terbaik.
5. Sebagai langkah untuk membantu pesawah menangani kos-kos lain yang semakin meningkat, pihak Kerajaan secara konsisten menyediakan subsidi dan input pertanian kepada pesawah setiap tahun termasuk pesawah di negeri Kedah yang mencatatkan bilangan pesawah terbesar di Malaysia. Sebagai contoh, pada tahun 2023, sebanyak RM281.95 juta telah dibelanjakan untuk

negeri Kedah bagi menampung keperluan input pertanian bersubsidi seperti baja dan racun.

6. Untuk tahun 2025, Kerajaan juga telah meluluskan peruntukan sebanyak RM2.6 bilion bagi menampung keperluan subsidi dan insentif kepada pesawah di seluruh negara termasuk negeri Kedah. KPKM akan memastikan agar semua pesawah yang berdaftar sama ada di dalam atau luar jelapang, mendapat manfaat daripada input pertanian bersubsidi yang disediakan oleh pihak Kerajaan.
7. Semoga dengan usaha berterusan Kerajaan ini, beban kos penanaman padi yang dihadapi oleh pesawah dapat dikurangkan sekaligus meringankan cabaran yang mereka hadapi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah pendekatan Kerajaan untuk melonjakkan pembangunan ekonomi sempadan Malaysia-Indonesia mengambil kira projek-projek pembangunan Nusantara di Kalimantan serta inisiatif baharu untuk memperkuuh kerjasama serantau seiring dengan pembangunan tersebut misalnya menerusi peranan Komuniti Ekonomi Borneo (BEC).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa komited untuk memperkuuh pembangunan ekonomi di kawasan sempadan Malaysia-Indonesia, khususnya dalam konteks pembangunan Nusantara di Kalimantan. Sehubungan itu, beberapa pendekatan strategik telah dirangka bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan seimbang di kawasan berkenaan.
2. Peruntukan berjumlah 1 bilion ringgit telah diluluskan bagi pembangunan kawasan sempadan Sabah-Sarawak-Kalimantan bertujuan untuk membangunkan infrastruktur keselamatan dan infrastruktur asas seperti Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin, jalan perhubungan rentas sempadan serta pembangunan bandar sempadan. Selain itu, untuk menarik pelaburan, perdagangan dan perindustrian serta meningkatkan aktiviti perniagaan di kawasan sempadan, Kerajaan sedar bahawa faktor keselamatan adalah amat penting. Justeru, Kerajaan sentiasa meneliti keperluan pembinaan pos kawalan sempadan dan pos keselamatan di sepanjang sempadan Sabah-Sarawak-Kalimantan dari semasa ke semasa selaras dengan perancangan Kementerian Dalam Negeri dan Kerajaan Negeri.
3. Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Indonesia juga sentiasa membincangkan perkara melibatkan kerjasama dua hala dan pelbagai hala berkenaan pembangunan wilayah sempadan negara dalam pelbagai platform. Dalam hal ini, platform kerjasama subserantau ASEAN, iaitu Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT) dan Brunei-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA) akan terus dimanfaatkan untuk memudahkan cara pembangunan di kawasan rentas sempadan. Di dalam platform-platform ini, pelbagai perkara dibincangkan khususnya untuk meningkatkan kesalinghubungan (connectivity) antara wilayah dan juga mengurangkan jurang kemiskinan antara penduduk wilayah BIMP-EAGA dan IMT-GT.
4. Kerajaan juga akan meneruskan agenda pembangunan luar bandar melalui pelaksanaan projek-projek Jalan Luar Bandar (JALB), Jambatan Luar Bandar (JMLB), Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), Jalan Perhubungan Desa (JPD) dan Program Ameniti Sosial (PAMS) di bawah seliaan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah. Agenda pembangunan ini adalah bagi memacu

pertumbuhan ekonomi setempat.

5. Kerajaan percaya bahawa segala perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan tersebut menyumbang kepada pembangunan ekonomi di kawasan sempadan Malaysia-Indonesia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI
SHIEN [JULAU]**

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan dan peruntukan untuk menambah baik lampu jalan dan papan tanda jalan di kawasan luar bandar di Sarawak. Apakah yang telah dilakukan oleh Kementerian bagi kawasan Parlimen Julau dalam tempoh dua tahun yang lepas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 126 unit LJK di 26 buah kampung sekitar kawasan Parlimen Julau telah dipasang melalui Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) Fasa 8 Kementerian ini yang bermula pada 19 September 2023. Pemasangan LJK Fasa 8 di kawasan Parlimen Julau telahpun selesai pada bulan Oktober 2024.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi pemasangan LJK tahun 2025, Kementerian dalam proses pelaksanaan LJK jenis Solar LED di jalan dalam kawasan kampung yang tidak mempunyai talian grid. Sebanyak 1,000 unit LJK jenis Solar LED telah diperuntukkan bagi keseluruhan negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, pemasangan LJK di bawah Kementerian ini tidak termasuk di jalan-jalan utama di bawah pentadbiran pihak Majlis atau Jabatan Kerja Raya (JKR).

Selain program LJK, pemasangan lampu jalan dan papan tanda jalan adalah termasuk juga di bawah komponen perabot jalan di bawah projek-projek jalan luar bandar (JALB) KKDW. Pemasangan lampu jalan akan dibuat di setiap persimpangan jalan dan jambatan. Manakala, papan tanda jalan dibuat berdasarkan keperluan *Road Safety Audit* (RSA) mengikut piawaian Arahan Teknik Jalan (ATJ) JKR bagi menitik beratkan aspek keselamatan pengguna jalan raya di kawasan luar bandar terjamin.

Di bawah program jalan dan jambatan luar bandar (JALB dan JMLB), Kementerian ini telah diluluskan sebanyak 7 projek di Parlimen Julau, iaitu 4 projek JALB dan 3 projek JMLB dengan kos keseluruhan adalah sebanyak RM354.5 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah kereta elektrik dan pengecas yang telah didaftarkan di Malaysia setakat hari ini dan adakah Kerajaan bercadang untuk meneruskan insentif cukai jalan percuma selepas 2025.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kerajaan telah menyasarkan untuk mencapai 20% daripada jumlah jualan tahunan kenderaan penumpang dan perdagangan baharu adalah terdiri daripada kenderaan jenis berkuasa elektrik (xEV) merangkumi *Hybrid*, *Plug-In Hybrid*, *Battery Electric Vehicle (BEV)* dan *Fuel Cell Electric Vehicle (FCEV)* pada tahun 2030, 50% pada tahun 2040 dan 80% pada tahun 2050.
2. Sehingga 31 Disember 2024, jumlah kenderaan xEV yang berdaftar di Malaysia telah mencecah 119 ribu unit. Secara khususnya untuk kenderaan elektrik jenis *Battery Electric Vehicle (BEV)*, jumlah kenderaan yang berdaftar di Malaysia adalah sebanyak 38,492 unit.
3. Kerajaan juga telah mengekalkan sasaran untuk menyediakan sebanyak 10,000 kemudahan pengecasan EV pada tahun 2025 merangkumi 8,500 unit pengecas jenis AC dan 1,500 unit pengecas jenis DC. Sehingga 31 Disember 2024, jumlah pengecas yang telah disediakan untuk kegunaan awam adalah sebanyak 3,611 unit merangkumi 1,095 jenis DC dan 2,516 jenis AC.
4. Demi menggalakkan penggunaan BEV di kalangan rakyat, Kerajaan telah menawarkan pengecualian sepenuhnya cukai jalan untuk BEV mulai 1 Januari 2022, di mana pengecualian ini akan tamat pada 31 Disember 2025. Setakat ini, tiada cadangan untuk meneruskannya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN ABDUL
KHALID [KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN ABDUL KHALID [KUALA KANGSAR] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan pecahan jumlah kategori kandungan dalam talian yang diturunkan oleh Kementerian sejak tahun 2024 dan sejauh manakah jumlah penurunan kandungan dalam talian ini memberi implikasi terhadap persepsi kebebasan media di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bermula dari tahun 2024 sehingga 15 Januari 2025, hasil daripada maklum balas dan permohonan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) penyedia platform media sosial telah mengambil tindakan penurunan terhadap sebanyak 300,952 kandungan yang dikenal pasti telah melanggar peruntukan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia [Akta 588] serta lain-lain kesalahan di bawah undang-undang negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 17,514 adalah kandungan palsu, 14,374 kandungan jelik, 1,146 kandungan lucah, 144 kandungan mengancam, 34 kandungan sumbang dan baki sebanyak 267,740 kandungan melibatkan jenayah-jenayah di bawah bidang kuasa agensi yang lain.

Setiap tindakan penurunan kandungan yang dilaksanakan adalah selaras dengan lunas perundangan sedia ada seperti Akta 588, Kanun Keseksaan [Akta 574] dan undang-undang jenayah yang lain. Tindakan ini adalah untuk mencegah penyebaran sebarang aktiviti jenayah dan aktiviti yang boleh mendatangkan kemudaratan dalam talian, seperti hasutan kebencian atau kandungan yang boleh merosakkan moral masyarakat serta mengancam keselamatan negara dan bukanlah bertujuan untuk menyekat kebebasan media dan bersuara rakyat.

Harus diingatkan bahawa hak kebebasan bersuara bukan bersifat mutlak dan masih tertakluk kepada undang-undang sedia ada sepertimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 10 (2) Perlumbagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JONATHAN YASIN [RANAU]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATUK JONATHAN YASIN [RANAU] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kesesakan jalan yang teruk di kawasan Kundasang dan juga di Pekan Ranau boleh diselesaikan jika pihak Kementerian menyediakan lebih banyak jalan pintas, jalan bertingkat, *outer ring road* (ORR) atau jalan alternatif baru di kawasan ini. Apa pandangan Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan di pekan Ranau ke Kundasang yang dimaksudkan adalah Laluan Persekutuan 22.

Kementerian Kerja Raya (KKR) kini di peringkat akhir menyiapkan Kajian Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya 2040 atau *Highway Network Development Plan* 2040 (HNDP 2040) bagi menggantikan HNDP Fasa 2 (Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan) yang akan tamat pada akhir 2025. HNDP 2040 merupakan satu kajian dalam mengenalpasti keperluan pembangunan jaringan jalan raya sama ada jalan baharu mahupun naiktaraf jalan bagi ketiga-tiga wilayah tersebut yang melibatkan jalan persekutuan dan jalan utama negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, hasil semakan KKR di dalam HNDP Fasa 2 mendapat terdapat cadangan Menaiktaraf Jalan Tamparuli - Ranau (S26) yang menghubungkan Bandar Ranau ke Bandar Kundasang, Sabah. Namun begitu, pelaksanaan projek - projek jalan yang dikenalpasti dalam Kajian HNDP tersebut adalah tertakluk kepada permohonan dan keutamaan Negeri kepada Kementerian Kerja Raya.

Kementerian ini mengambil maklum masalah kesesakan di kawasan Pekan Ranau dan Kundasang. Sehubungan itu, disyorkan supaya Ahli Yang Berhormat mengemukakan cadangan projek tersebut kepada pihak Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri atau JKR Negeri untuk dimasukkan dalam senarai keutamaan Negeri dalam *Rolling Plan* (RP) yang akan datang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, prosedur bagi permohonan projek membina jalan baharu atau menaiktaraf Jalan Persekutuan sedia ada adalah melalui Kerajaan Negeri berdasarkan senarai keutamaan negeri yang dikemukakan kepada Kementerian ini melalui penyelarasan antara Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Jabatan Kerja Raya Negeri.

Berdasarkan maklumat yang diterangkan tadi, Kementerian ini sentiasa terbuka untuk menerima syor atau cadangan daripada Kerajaan Negeri untuk menaik taraf atau membina baharu jalan berdasarkan senarai keutamaan daripada Negeri.

NO SOALAN : 56

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI
ALIAS [JELEBU]**

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah awalan yang diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan bekalan makanan utama mencukupi menjelang musim perayaan Aidilfitri sekaligus mengelakkan berlakunya kenaikan harga barang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui jabatan dan agensi di bawahnya telah mengambil langkah-langkah seperti berikut bagi memastikan bekalan makanan utama mencukupi menjelang musim perayaan bagi mengelakkan berlakunya kenaikan harga barang:
 - (i) meneruskan dasar membenarkan kemasukan ternakan hidup untuk fidlot dan sembelihan dari negara yang telah diluluskan untuk import iaitu Australia dan Thailand;
 - (ii) meneruskan kemasukan daging lembu/kerbau sejuk beku dan daging ayam serta keratan ayam dari negara pengeksport yang diluluskan seperti Australia, Brazil, Thailand dan India;
 - (iii) pemantauan kemasukan anak ayam umur sehari dan anak ayam pullet di ladang agar pengeluaran dapat dioptimumkan;
 - (iv) pencegahan dan kawalan penyakit ayam terutamanya penyakit High Pathogenic Avian Influenza (HPAI) dan Newcastle Disease (ND), Penyakit Kuku dan Mulut (FMD), Lumpy Skin Disease (LSD) dan penyakit pembiakan seperti Brusella bagi mengelakkan kematian yang boleh mengurangkan pengeluaran;
 - (v) melaksanakan sekatan eksport bagi spesies ikan terpilih pada pra dan pasca perayaan di bawah Kaedah-Kaedah Pemasaran Ikan 2010, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia; dan
 - (vi) menyediakan stok simpanan ikan sejuk beku bagi menampung bekalan ikan di kawasan Tengah, Selatan, Utara dan Pantai Timur Semenanjung Malaysia.
2. Selain daripada itu, KPKM melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) berusaha memastikan ketersediaan bekalan makanan kawalan di pasaran terutama ketika musim perayaan menerusi strategi pemasaran berikut:

- (i) membuat belian terus hasil ladang melalui 42 buah pusat operasi di seluruh negara. Bermula Februari 2025, FAMA menganggarkan untuk membuat belian ayam berjumlah 188.89 tan metrik dan telur ayam sebanyak 2,486,022 biji bagi memastikan bekalan musim perayaan mencukupi di pasaran;
- (ii) merangka intervensi pemasaran kelapa tua dengan kerjasama syarikat FAMA Corporation Sdn. Bhd. Bermula Februari 2025, FAMA Corporation Sdn. Bhd. akan membuat belian dengan anggaran sejumlah 640 tan metrik. FAMA Corporation Sdn. Bhd. juga akan mengimport kelapa dari negara Indonesia sebanyak 576 tan metrik;
- (iii) luang pasaran kepada pengeluar bagi memasarkan hasil pertanian terus kepada pengguna meliputi penjualan sayur, buah dan hasilan ternakan. FAMA pada sedang merangka program jualan pra syawal di outlet Pasar Tani dan Jualan Agro Madani seluruh negeri;
- (iv) memastikan bekalan import mencukupi untuk memenuhi permintaan pengguna. Berdasarkan rekod trend bekalan import, didapati permintaan bagi bekalan makanan antaranya seperti cili, tomato serta halia adalah tinggi pada bulan sebelum dan bulan perayaan utama di Malaysia. Bagi memastikan bekalan makanan ini dapat diakses oleh pengguna, FAMA akan memastikan bekalan tersebut turut dijual menerusi outlet pemasaran FAMA dan juga program jualan terus yang dilaksanakan pada harga yang munasabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JONATHAN YASIN [RANAU]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATUK JONATHAN YASIN [RANAU] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah kampung-kampung yang belum mendapat sumber bekalan elektrik luar bandar di daerah Ranau dan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk membantu supaya kampung-kampung di luar bandar ini mendapat bekalan elektrik yang secukupnya. Apakah yang telah dibuat oleh Kementerian sebelum ini untuk perkara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian sentiasa komited dalam menyediakan kemudahan elektrik bagi membolehkan setiap penduduk mendapat bekalan elektrik selama 24 jam sehari.

Sepanjang pelaksanaan RMKe-10 hingga kini, kira-kira 8,000 orang penduduk luar bandar di kawasan Ranau dan sekitarnya yang telah menerima manfaat BELB dengan kos projek RM603 juta.

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum juga, selama ini, perancangan menambah baik dan meningkatkan pembangunan infrastruktur luar bandar termasuk bekalan elektrik adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Setiap tahun melalui *Rolling Plan*, Kementerian ini akan menerima permohonan projek daripada Kerajaan Negeri mengikut senarai keutamaan dan permohonan kepada Kementerian Ekonomi oleh Kementerian diangkat berdasarkan senarai ini.

Kementerian ketika ini juga sedang menjalankan Projek Talian Penghantaran 132kV Dari Kota Belud Ke Ranau di Bawah Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dengan kos sebanyak RM211,12,961.03. Walau bagaimanapun, projek ini mengalami kelewatan kerana isu kegagalan cerun di tapak Pencawang Masuk Utama (PMU) Ranau dan atas pertimbangan faktor keselamatan di tapak PMU dan syor daripada pakar dari Universiti Malaysia Sabah (UMS), JKR Cawangan Cerun dan juga dari Jabatan Mineral dan Geosains, tapak PMU Ranau telah diubah ke tapak baharu iaitu di tapak Stesen Janakuasa Ranau. Mengambil kira perubahan skop dan tapak tersebut, projek ini dijangka akan siap pada 20 September 2025. Sehingga 15 Disember 2024, projek ini telah mencapai 87.9% pelaksanaan.

Apabila projek ini siap kelak, seluruh Daerah Ranau akan mendapat bekalan elektrik yang stabil melalui sistem talian grid sedia ada dan tidak perlu bergantung kepada sistem janakuasa diesel lagi. Pada masa akan datang, Kementerian akan meneruskan projek pembekalan elektrik kepada perkampungan atau rumah baru yang masih belum mendapat bekalan elektrik melalui penyambungan talian grid.

NO SOALAN : 58

Berdasarkan maklumat awal Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sabah, terdapat permohonan yang akan diangkat dalam RMKe-13 melibatkan pembinaan pencawang pembahagian utama (PPU) Terawas bagi menyambungkan elektrik melalui talian grid ke PMU Ranau untuk memberi manfaat kepada beberapa kampung berhampiran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD SYahir BIN CHE
SULAIMAN [BACHOK]**

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN [BACHOK] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memitigasi kesan negatif terhadap perdagangan luar negara Malaysia, mengambil kira ketidaktentuan ekonomi global akibat daripada perang perdagangan dan ketegangan geopolitik pada tahun 2025.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Malaysia adalah sebuah negara dagang yang mengamalkan prinsip keterbukaan dan sentiasa berpegang kepada dasar ‘tidak bersekutu’ (*non-aligned policy*) dengan mana-mana kuasa ekonomi mahupun ketenteraan. Namun demikian sebagai sebuah negara perdagangan yang bebas, sebarang ketegangan geopolitik serta ketidaktentuan ekonomi global akibat daripada perang perdagangan berpotensi untuk menjelaskan ekonomi negara dalam jangka masa panjang.
2. Seperti mana kita semua sedia maklum, Presiden Donald J. Trump telah pun mula melaksanakan dasar *Amerika First Trade Policy* yang berhasrat untuk menjaga kepentingan ekonomi Amerika Syarikat. Dalam usaha tersebut tindakan ekonomi yang agresif seperti mengenakan tarif yang tinggi telah mula menimbulkan reaksi serta ketegangan ekonomi dunia.
3. Kerajaan telah mempunyai perancangan dan beberapa tindakan mitigasi awal yang sedang dalam tindakan Kementerian termasuk:
 - i. mengukuhkan lagi hubungan diplomatik dan diplomasi perdagangan menggunakan pendekatan *soft diplomacy to engage* melalui sesi libat urus secara konsisten dan berterusan di peringkat Kementerian dengan Jabatan Perdagangan Amerika Syarikat (*Department of Commerce, United States*) dan Pejabat Wakil Perdagangan Amerika Syarikat atau *United States Trade Representative (USTR)*;
 - ii. mempelbagaikan destinasi perdagangan yang baharu untuk meningkat dan memperluaskan rangkaian eksport produk Malaysia yang sedia ada, terutamanya ke pasaran baharu (*emerging markets*) di Asia Tengah, Timur Tengah dan Benua Afrika;

- iii. mempelbagaikan serta meluaskan pasaran eksport produk-produk Malaysia melalui pemeteraihan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang baharu. Kementerian ini telah menandatangani Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Malaysia-Emiriah Arab Bersatu pada awal tahun 2025. Beberapa FTA juga dalam rundingan seperti FTA Malaysia-*European Free Trade Area* (EFTA), FTA ASEAN-Kanada dan FTA Malaysia-Korea. Selain itu, rundingan FTA antara Malaysia dan Kesatuan Eropah akan disambung semula pada tahun ini. Kementerian juga sedang meneliti potensi FTA dengan Majlis Kerjasama Teluk (GCC) dan beberapa negara lagi; dan
 - iv. Penyertaan aktif Malaysia dalam pelbagai forum pelbagai hala serta FTA serantau seperti Pertubuhan Perdagangan Dunia (*World Trade Organisation* - WTO), Asia Pacific Economic Cooperation (APEC), *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP) dan *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) akan membuka peluang yang luas serta mempelbagaikan pasaran dan meletakkan Malaysia sebagai negara dagang yang progresif dan terkemuka di peringkat global.
4. Kementerian akan terus memainkan peranan yang strategik dalam mengorak langkah ke hadapan untuk mengukuhkan hubungan diplomasi perdagangan yang pragmatik dengan rakan-rakan dagang serta meneroka peluang-peluang ekonomi baharu yang strategik untuk meningkatkan keupayaan negara dalam menghadapi cabaran geopolitik yang sedang melanda dunia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan langkah Kementerian dalam mengatasi kekurangan pengilang Sistem Binaan Berindustri (IBS), berikutan pelaksanaannya yang diwajibkan bagi projek swasta mulai Julai 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kerja Raya (KKR) selaku Kementerian bertanggungjawab memperkasa pelaksanaan sistem binaan berindustri (IBS) bagi sektor pembinaan telah dan terus mengambil langkah bersesuaian dalam meningkatkan tahap ekosistem penggunaan teknologi IBS ini.
2. Arah pelaksanaan IBS bagi projek swasta dalam kategori bangunan telah digariskan melalui Pekeliling Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Bilangan 4 Tahun 2024. Pekeliling KSU KP KT ini menetapkan projek swasta kategori bangunan yang bernilai RM50 juta dan ke atas dan berkeluasan lantai kasar 50,000 meter persegi ke atas diwajibkan menggunakan IBS dengan mencapai sekurang-kurangnya skor IBS 70.
3. Data Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), menunjukkan bahawa kini terdapat 125 pengeluar atau pengilang IBS yang berdaftar dengan CIDB diseluruh Negara iaitu 103 pengeluar di Semenanjung Malaysia dan selebihnya di Sabah dan Sarawak.
4. Pelaksanaan IBS dalam projek swasta kategori bangunan di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia tidak menghadapi masalah yang besar kerana bekalan IBS lebih mudah diperolehi di Semenanjung Malaysia disokong oleh jaringan jalan raya yang baik untuk penghantaran komponen yang cekap.
5. Walau bagaimanapun pengilang/ pengeluar IBS di Pantai Timur Semenanjung Malaysia masih kecil iaitu hanya 8 syarikat pengilang/ pengeluar IBS sahaja daripada 103 yang beroperasi di Semenanjung Malaysia. Bilangan ini tidak dapat menampung permintaan industri terutamanya di Wilayah Pantai Timur dan kawasan berdekatan. Menyedari hakikat ini, CIDB telah mengadakan kolaborasi strategik dengan Kerajaan Negeri Kelantan sejak tahun 2020.
6. Untuk mewujudkan Taman Perindustrian IBS sebagai salah satu inisiatif untuk menangani kekurangan bekalan dan pengeluar IBS di Pantai Timur. Taman Perindustrian IBS pertama yang akan dibangunkan ini terletak di Machang, Kelantan.

7. Bagi menjayakan inisiatif ini, Persatuan Kontraktor Perumahan Malaysia (PKPM), khususnya cawangan Kelantan yang beroperasi di Kota Bahru begitu komited menyokong penubuhan Taman Perindustrian IBS tersebut yang akan menyumbang kepada usaha meningkatkan kapasiti dan kapabiliti syarikat ahli PKPM yang majoritinya adalah Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).
8. Untuk makluman Yang Berhormat, objektif pewujudan Taman Perindustrian IBS ini adalah untuk:
- (a) melahirkan pengeluar-pengeluar baharu bagi menghasilkan produk IBS;
 - (b) memberi bantuan dan sokongan kepada pembangunan kapasiti pemain industri berkaitan IBS; dan
 - (c) meningkatkan kemahiran serta kepakaran IBS kepada pemain industri dan juga pegawai kerajaan.

9. Pembinaan Taman Perindustrian IBS yang turut dilengkapi dengan Pusat Inkubator IBS, Pusat Penyelidikan & Makmal Pengujian, Pusat Latihan Industri Pembinaan dan Rumah Contoh & Galeri IBS memperkasakan lagi ekosistem IBS dari aspek kapasiti pengeluaran dan penggunaan teknologi terkini dalam sektor pembinaan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN [HULU SELANGOR]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN [HULU SELANGOR] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tindakan lebih serius yang akan diambil oleh Kementerian terhadap penganjur acara/program bagi memastikan sensitiviti dan kedaulatan negara sentiasa terpelihara pada masa akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI dan bagi memastikan sensitiviti dan kedaulatan negara terpelihara pada masa akan datang, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa memastikan setiap acara/program yang dianjurkan mematuhi aspek sensitiviti budaya, agama dan politik negara serta pengisian yang tidak mengundang kontroversi atau melanggar prinsip-prinsip kedaulatan negara.

Dalam hal ini, KP KT turut menekankan pemahaman terhadap aspek kepelbagai etnik dan budaya di Malaysia dalam setiap acara/program yang dilaksanakan. Langkah ini jelas mencerminkan pendirian KP KT yang berazam terkehadapan selaku sebuah kementerian berprestasi tinggi yang menjadi simbol sinergi perpaduan serta melambangkan kerjasama erat dalam Kerajaan Perpaduan yang menjadi nilai tambah kepada teras MADANI KP KT.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah peruntukan dalam Belanjawan 2025 untuk membaiki kerosakan dan menaik taraf jajaran Jalan Sibu-Tanjung Manis sepanjang lebih kurang 80km yang mengalami kerosakan dan pemendapan atau *settlement* di sepanjang jajaran tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semakan Kementerian ini mendapati jalan yang dimaksudkan adalah Jalan Sibu-Tanjung Manis (Q743)

Jalan Sibu-Tanjung Manis sepanjang 80km ini merupakan jalan di bawah seliaan Kerajaan Negeri Sarawak. Oleh yang demikian, bidang kuasa bagi pelaksanaan projek tersebut adalah di bawah Kerajaan Negeri. Sehubungan itu, Kementerian mengesyorkan cadangan projek ini diangkat kepada Kerajaan Negeri untuk tindakan lanjut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD
NOR [TEMERLOH]**

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR [TEMERLOH] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan :

- a. syarikat yang terlibat untuk menyediakan 3,173 unit MyKiosk dengan kos RM49.14 juta
- b. senarai jumlah MyKiosk di setiap 113 PBT yang telah menerima MyKiosk mengikut negeri dan PBT.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memperkenalkan Program MyKiosk yang bertujuan untuk menyediakan kemudahan infrastruktur dan ruang perniagaan yang seragam, selamat dan selesa kepada peniaga kecil pada kadar sewa yang rendah, menambah pendapatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta menyediakan ruang niaga yang seragam, selamat dan selesa kepada peniaga dan usahawan kecil. Inisiatif ini adalah selari dengan hasrat Kerajaan MADANI iaitu ke arah pembentukan sebuah negara yang seimbang dari aspek pembangunan fizikal tanpa meminggirkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat menerusi penyediaan infrastruktur yang menepati keperluan.

Pada tahun **2023**, KP KT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) telah menyediakan sebanyak **3,189 unit kiosk bagi 114 PBT dengan peruntukan RM50 juta** bagi membina baharu kiosk sebagai kemudahan penjaja kecil di seluruh negara. Jumlah kiosk yang diluluskan oleh KP KT adalah berdasarkan permohonan yang dikemukakan oleh PBT. **PBT juga berperanan bagi segala urusan perolehan, pemilihan kontraktor dan pemantauan kualiti kiosk akan dilaksanakan oleh PBT** berdasarkan kepada spesifikasi kiosk yang telah ditetapkan oleh KP KT dan jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada PBT. Dalam hal ini, pemilihan kontraktor oleh PBT adalah berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:

- i. Berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Gred G3 dan ke bawah;
- ii. Mempunyai pengkhususan kerja yang berkaitan; dan
- iii. Mempunyai kod bidang dan kategori kerja yang berkaitan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat juga, PBT juga bertanggungjawab **mengenal pasti kesesuaian lokasi kiosk meliputi kawasan bandar atau luar bandar, pemilihan peniaga serta jenis**

perniagaan yang akan dijalankan. Mekanisme pengagihan unit kiosk oleh pihak PBT adalah berdasarkan asas-asas pertimbangan yang ditetapkan oleh KPKT dari segi lokasi dan kategori peniaga. Dalam hal ini, **keutamaan pemilihan peniaga adalah seperti berikut:**

- i. Peniaga adalah dalam kategori B40;
- ii. Mempunyai perniagaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- iii. Melibatkan penempatan semula peniaga sedia ada;
- iv. Lokasi kiosk ditempatkan secara berkelompok di kawasan tumpuan dan strategik; dan
- v. Mempunyai infrastruktur asas serta selamat untuk beroperasi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan senarai projek penaiktarafan infrastruktur di Bandaraya Klang telah diumumkan sejak tahun 2023 dan 2024 yang akan disiapkan pada tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, selaras dengan hasrat Kerajaan MADANI, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) memfokuskan inisiatif pembangunan peniaga di kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara melalui penyaluran peruntukan projek-projek kecil BP.1. Skop projek kecil BP.1 ini adalah meliputi sosio-ekonomi, kemudahan awam, keselamatan dan juga infrastruktur seperti membina baharu, menyenggara dan menaik taraf tandas awam, dewan serbaguna dan lampu jalan.

KPKT juga amat komited dalam memastikan projek-projek pembangunan tersebut dilaksanakan sepenuhnya dalam memastikan keselesaan dan kesejahteraan rakyat terpelihara. Bagi **tahun 2023**, KPKT telah meluluskan peruntukan berjumlah **RM4.6 juta meliputi 47 projek** infrastruktur di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK). Daripada jumlah tersebut, sebanyak **46 projek telah siap sepenuhnya (98%) dan baki satu (1) projek** iaitu membina tandas awam di Pangkalan Batu, Klang bernilai RM220,000 yang dijangka **akan siap pada penghujung bulan Februari 2025**.

Bagi **tahun 2024** pula, KPKT telah meluluskan sebanyak **17 projek berjumlah RM1.14 juta** kepada MBDK dan kesemua projek tersebut telah selesai disiapkan sepenuhnya dalam tahun yang sama. Bagi tahun ini, **selain peruntukan projek berskala kecil BP.1** KPKT turut memperluas peluang kepada semua PBT untuk mengemukakan cadangan dan memohon peruntukan di bawah **Inisiatif Belanjawan MADANI Tahun 2025** untuk **Menaik Taraf Gerai Penjaja, Membina Hentian Bas dan Laluan Pejalan Kaki Berbungbung, Menaik Taraf Gerai dan Pasar Awam MADANI, serta Menaik Taraf Sistem Perparitan dan Longkang** di kawasan PBT. Justeru, PBT boleh mengemukakan permohonan masing-masing bagi projek-projek yang berkaitan untuk pertimbangan sewajarnya oleh Kementerian ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN RUSHDAN BIN RUSMI [PADANG BESAR]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

TUAN RUSHDAN BIN RUSMI [PADANG BESAR] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah pihak KPKT bersedia mengkaji semula kedudukan balai bomba sedia ada daripada segi keberkesanan mencegah kebakaran dan jarak liputan kawalan oleh pihak bomba.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa fokus dan komited dalam memperluaskan capaian perkhidmatan kebombaan bagi memastikan aspek keselamatan dan kesejahteraan rakyat seluruh negara terus terjamin sebagaimana yang telah digariskan dalam **Kerangka Strategik Malaysia MADANI** di bawah strategi **Meningkatkan Keselamatan Negara (Teras Strategik 3)**. Kerajaan MADANI yang mentadbir negara pada masa kini sentiasa fokus dan komited untuk memastikan **tiada jurang dalam penyampaian perkhidmatan Kerajaan**, malah ia merentas kepelbagaian geografi penduduk selaras dengan prinsip **Leave No One Behind**.

Pembinaan sesebuah Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) adalah berdasarkan kepada **statistik lima (5) tahun terkini kes kecemasan** kawasan tersebut serta **tahap risiko kebakaran dan kecemasan** di sesuatu kawasan yang dikaji melalui **Fire Cover Norm (norma perlindungan keselamatan kebakaran)** melibatkan **21 kriteria**. Setiap kriteria akan diberikan permarkahan mengikut wajaran yang akan menyumbang kepada skor risiko keseluruhan di dalam grid tersebut. Berdasarkan penilaian semasa, markah skor kategori adalah seperti berikut:

SKOR RISIKO	KATEGORI RISIKO	KATEGORI BALAI CADANGAN
5 - 9	<i>Very Low Risk (E)</i>	-
10 - 18	<i>Low Risk (D)</i>	D
19 – 27	<i>Moderate Risk (C)</i>	C

28 - 35	<i>High Risk (B)</i>	B
> 35	<i>Very High Risk (A)</i>	A

Pada masa kini, terdapat **lima (5) buah BBP** pelbagai kategori yang beroperasi di Negeri Perlis yang mana kawasan Parlimen Padang Besar adalah di bawah jagaan BBP Padang Besar. Kedudukan BBP Padang Besar sekarang adalah bersesuaian dan mampu menampung perkhidmatan kebombaan dari kawasan Pekan Padang Besar yang semakin membangun sehingga ke kawasan *Chuping Valley Industrial Area* (CVIA). Walau bagaimanapun, pihak Kementerian sentiasa peka terhadap keperluan untuk meningkatkan tahap perlindungan kebakaran di Negeri Perlis termasuklah cadangan penambahan BBP di kawasan berikut :

- i. **Kawasan Beseri** – pemilikan tapak tanah seluas **1.35 ekar** telah selesai dan akan membuat permohonan pembinaan BBP baru.
- ii. **Kawasan Kaki Bukit** – sedang menunggu geran bagi pemilikan tapak tanah seluas **2.0 ekar** dan telah selesai membuat bayaran premium.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :

- a. jumlah penerima yang telah berdaftar dengan sistem PADU di seluruh Kapar bagi tahun 2024 dan perincikan jenis bantuan Kerajaan bagi mereka
- b. berapa jumlah yang berdaftar di dalam sistem PADU yang berumur kurang daripada 35 tahun khususnya di kawasan Kapar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pembangunan Pangkalan Data Utama (PADU) adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan ke arah Government Technology (GovTech) melalui penyediaan pangkalan data utama negara yang selamat, komprehensif dan menghampiri masa sebenar. PADU mengandungi maklumat profil individu dan isi rumah bagi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia berdasarkan pengintegrasian data pentadbiran daripada pelbagai agensi dan maklumat yang dikemas kini oleh rakyat. Data pentadbiran digunakan sebagai asas penyediaan pangkalan data bagi 30.1 juta individu yang meliputi maklumat demografi dan sosioekonomi.
2. Pada masa ini, pengintegrasian PADU dengan data pentadbiran daripada agensi kerajaan turut meliputi data penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR). Hasil padanan data ini merekodkan sebanyak 25.6 peratus penduduk di kawasan Kapar merupakan penerima STR yang merangkumi penerima bagi kategori isi rumah, bujang dan warga emas bujang atau tiada pasangan.
3. Semasa pelaksanaan PADU fasa 1 yang telah bermula 2 Januari 2024 sehingga 31 Mac 2024, seramai 10.5 juta individu mengemas kini maklumat dalam PADU. Di kawasan Kapar, seramai 88 ribu orang atau 33.0 peratus telah mengemas kini maklumat mereka. Daripada jumlah tersebut, 32 ribu orang adalah yang berumur kurang daripada 35 tahun.
4. Pelaksanaan PADU telah berada pada fasa 2 yang melibatkan kesinambungan pengintegrasian data dan penganalisisan bagi penentuan kumpulan sasar berdasarkan use case. Di samping itu, pengemaskinian data PADU dilaksanakan dari semasa ke semasa melalui pembekalan data pentadbiran secara berkala oleh agensi kerajaan. Ketersediaan data PADU membolehkan perkongsian data dalam kalangan agensi kerajaan dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah Kementerian berhasrat untuk mengkaji semula yuran perkhidmatan jurutera perunding di bawah Akta Jurutera. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan perkhidmatan jurutera perunding sentiasa *up-to-date* dan menepati keperluan teknologi terkini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya bersama Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) telah mengadakan sesi libat urus bersama dengan pemegang taruh berkenaan cadangan pindaan skala bayaran fee perunding. Cadangan pindaan skala bayaran fee perunding sedang dalam proses semakan perundangan sebelum proses pewartaan. Kementerian Kerja Raya bersama Lembaga Jurutera Malaysia sentiasa bekerjasama erat untuk memastikan perkhidmatan jurutera perunding kekal relevan dan memenuhi keperluan semasa. Sehubungan dengan itu, beberapa inisiatif utama sedang dilaksanakan, antaranya:

- a) Pindaan Akta Pendaftaran Jurutera 1967
- b) Pindaan Peraturan Pendaftaran Jurutera 1990
- c) Pindaan Notifikasi Skala Bayaran Lembaga Jurutera Malaysia 1998

Selain itu, LJM selaku Lembaga Profesional di bawah KKR juga sentiasa mengadakan sesi libat urus dan perkongsian maklumat kepada ahli-ahlinya untuk memastikan bahawa perkhidmatan yang diberikan oleh jurutera perunding sentiasa terkini dan sejajar dengan perkembangan teknologi masa kini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN
MASDUKI [PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN MASDUKI [PARIT BUNTAR] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan jangka pendek kepada para pesawah padi bagi membolehkan mereka dapat menjana pendapatan sampingan bagi menampung keperluan hidup sementara menunggu musim menuai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan menerusi ucapan Belanjawan 2024 telah mengumumkan pemberian Bantuan Khas Pesawah atau Bantuan Khas Sumbangan Tunai (BKST) sebanyak RM200 sebulan bagi tempoh tiga (3) bulan atau semusim kepada pesawah dengan implikasi kewangan berjumlah RM228 juta. Inisiatif ini bertujuan untuk meringankan beban pesawah temasuklah pesawah yang sedang menunggu hasil tuaian.
2. Pada tahun 2024, seramai 331,575 pesawah yang layak di seluruh negara telah menerima manfaat daripada BKST dengan peruntukan sebanyak RM198.85 juta.
3. Selain itu, bagi membolehkan pesawah menjana pendapatan sampingan, Kementerian melalui Jabatan Pertanian (DOA) dan agensi berkaitan telah melaksanakan pelbagai inisiatif peningkatan pendapatan melalui:
 - (i) Program pengurusan jerami padi iaitu pesawah diberi peluang menjual jerami padi kepada pengusaha ‘bale’, yang kemudiannya memasarkan ‘bale’ tersebut sebagai makanan ternakan.
 - (ii) Penghasilan vermicompos iaitu menggunakan jerami padi sebagai bahan utama dalam proses penguraian oleh cacing bagi menghasilkan baja kompos organik. Program ini bukan sahaja menggalakkan amalan pertanian mampan malah membantu pesawah menjana pendapatan tambahan melalui penjualan baja organik tersebut.
 - (iii) Galakan penanaman sayur di sekitar rumah dan kawasan kediaman pesawah di bawah Program Bumi Hijau, supaya dapat mengurangkan perbelanjaan isi rumah serta memperoleh pendapatan sampingan melalui hasil jualan sayur tersebut.
 - (iv) Penglibatan dalam industri asas tani iaitu memperluas penggunaan jerami padi sebagai bahan asas untuk penghasilan kraf tangan serta medium bagi penanaman cendawan, sekaligus membuka peluang ekonomi baharu kepada pesawah.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, kerjasama antara koperasi, usahawan tempatan dan penyertaan aktif pesawah dalam program kerajaan dapat memperluas peluang serta jaringan perniagaan. Selain itu, kerjasama strategik awam-swasta menyokong pesawah melalui inovasi pertanian, termasuk penanaman tanaman alternatif. Semua inisiatif ini bukan sahaja menambah pendapatan sampingan tetapi juga meminimumkan risiko kewangan sekiranya hasil padi terjejas.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN
HUSSEIN [SEMBRONG]**

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN [SEMBRONG] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah mekanisme pemantauan bagi memastikan program di bawah PutERA35 mencapai objektifnya dalam menangani ketidaksamaan ekonomi antara kumpulan etnik dan wilayah serta bagaimana PutERA35 dapat mengurangkan kebergantungan pada subsidi dan meningkatkan keupayaan daya saing ekonomi golongan Bumiputera.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) yang diluncurkan oleh YAB Perdana Menteri pada 19 Ogos 2024 telah menzahirkan komitmen berterusan ke arah mengangkat darjat dan martabat Bumiputera. PuTERA35 bertemakan Penyertaan, Pemilikan dan Penguasaan Bumiputera memberi penekanan terhadap tiga teras utama, iaitu Memperkuuh Pasak Ekonomi Negara; Memperteguh Kerukunan Tatakelola dan Institusi dan Menegakkan Keadilan Sosial. Teras ini disokong oleh 12 pamacu dan 132 ikhtiar dalam menangani isu dan cabaran Bumiputera.
2. Dashboard Pemantauan Pelaksanaan Ikhtiar dan Keberhasilan PuTERA35 turut dibangunkan bagi memastikan pelaksanaan iktiar dan program yang sedang atau akan dilaksanakan oleh kementerian dan agensi yang dipertanggungjawabkan. Pelaporan melalui Dashboard Pemantauan Pelaksanaan Ikhtiar dan Keberhasilan PuTERA35 akan turut dibentangkan dalam Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri serta dua jawatankuasa iaitu Jawatankuasa PEMANDU MEB dan Jawatankuasa Kerja MEB. Pelaporan dan pemantauan secara sistematik dan bersepadu, akan membolehkan penilaian yang lebih komprehensif serta langkah intervensi dapat diambil dengan segera bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan PuTERA35.
3. Selain itu, pendekatan dalam pemantauan pelaksanaan program-program di bawah PuTERA35 yang diambil adalah menggunakan kaedah dari atas ke bawah (top down approach) oleh Kementerian Ekonomi, termasuk melalui sesi semakan permohonan program/projek di bawah peruntukan pembangunan bagi memastikan pelaksanaan program mencapai kepada objektif dan matlamat yang ditetapkan. Pendekatan dari bawah ke atas (bottom up approach) oleh Unit Pemerksaan Agenda Bumiputera (UPAB) turut dilaksanakan bagi memantau pelaksanaan program di peringkat Kementerian dan agensi yang dipertanggungjawabkan.
4. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, pembangunan PuTERA35 merupakan langkah progresif bagi melonjakkan pembangunan sosioekonomi Bumiputera, termasuk mempertingkatkan pembangunan sosioekonomi Orang

Asli serta Bumiputera Sabah dan Sarawak. Pelan ini tidak memberi fokus terhadap pengurangan kebergantungan pada subsidi Kerajaan, namun memberi tumpuan utama kepada usaha untuk meningkatkan penguasaan ekonomi Bumiputera, daya saing dan penskalaan perusahaan serta penciptaan kekayaan kepada Bumiputera.

5. Antara ikhtiar yang digariskan di bawah PuTERA35 termasuklah usaha untuk meningkatkan kapasiti perusahaan Bumiputera dalam menjana aktiviti atau sektor bernilai ditambah tinggi seperti industri High Growth, High Value (HGHV), membasmi kemiskinan tegar, memperkuuh penyampaian perkhidmatan agensi Bumiputera serta meningkatkan penyertaan syarikat swasta, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dalam mendokong agenda Bumiputera.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN RIDUAN BIN RUBIN [TENOM]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

TUAN RIDUAN BIN RUBIN [TENOM] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian akan mengkaji semula harga lantai belian padi yang ditetapkan pada kadar RM1,300 bagi setiap tan kerana para petani terpaksa menanggung kenaikan kos input pertanian yang meningkat seperti kos benih dan diesel.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada 13 Februari 2025 telah bersetuju supaya harga lantai belian padi diselaraskan **daripada RM1,300 kepada RM1,500 bagi setiap tan metrik** yang berkuat kuasa mulai 16 Februari 2025. Penyelarasian ini dilaksanakan dengan mengambil kira kenaikan kos pengeluaran padi merangkumi kos upah dan kos input pertanian seperti baja, racun dan lain-lain serta impak kepada kos pengeluaran beras dan seterusnya memberi kesan kepada harga beras di pasaran.
2. Perkara lain yang turut diambil kira adalah pergerakan harga beras dunia serta unjuran permintaan dan penawaran beras tempatan.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, penetapan kadar harga lantai padi sebanyak RM1,500 per tan metrik adalah **kadar yang paling relevan pada masa ini bagi mengimbangi kesan terhadap setiap pihak dalam rantauan industri padi dan beras termasuk pengguna**. Dari semasa ke semasa, pihak Kementerian akan terus memantau dan mengkaji kesesuaian serta keperluan untuk menyelaraskan semula harga ini pada masa hadapan bagi memastikan kebijakan pesawah terbaik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN
HUSSEIN [SEMBRONG]**

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN [SEMBRONG] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status terkini projek bekalan air bersih di Kampung Orang Asli Sedohok, memandangkan projek ini telah tertangguh sejak tahun 2015 atas alasan belum mendapat kelulusan pelan daripada pihak konsultan yang dilantik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) sentiasa komited dalam memajukan kawasan desa termasuk prasarana asas seperti bekalan air.

Pelaksanaan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sistem Retikulasi Kg. Orang Asli Sedohok, Kahang, Kluang melibatkan tiga (3) zon dengan kos keseluruhan RM4.5juta. Pelaksanaan pembinaan projek ini adalah secara berfasa mengikut zon. Zon 1 yang melibatkan Kg. Sg Penderam, Masai, Johor Bahru telah siap sepenuhnya pada tahun 2018. Zon 2 melibatkan Kg. Orang Asli Sedohok bermula reka bentuk pada tahun 2019. Manakala Zon 3 tidak diteruskan kerana penduduk telah mendapat bekalan air.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sistem Retikulasi Kg. Orang Asli Sedohok, Kahang, Kluang ini bermula pada tahun 2019 melibatkan pembinaan tangki air, pembinaan rumah pam dan penyambungan paip retikulasi ke 62 buah rumah di Kg. Orang Asli Sedohok. Kos asal pelaksanaan projek ini adalah RM4.5juta namun tidak mencukupi disebabkan kenaikan kos seperti berikut:

- i. Pertambahan jumlah rumah penduduk daripada 55 buah rumah kepada 62 buah rumah;
- ii. Keperluan teknikal reka bentuk bagi memenuhi piawaian Ranhill SAJ Sdn. Bhd berdasarkan UTG (Uniform Technical Guidelines – Water Treatment Plants / Distribution) oleh SPAN);
- iii. Peningkatan kos mekanikal dan elektrikal (M&E);
- iv. Peningkatan kos semasa bahan binaan; dan

- v. Kos tambahan berkaitan perunding utama, perunding M&E dan perunding juruukur bahan.

Sehubungan itu, KKDW telah memohon kenaikan kos projek daripada Kementerian Ekonomi (KE) dari RM4.5juta kepada RM9.0juta pada pertengahan tahun 2024 dan telah mendapat kelulusan pada hujung tahun 2024.

Antara faktor-faktor yang menyebabkan kelewatan projek ini ialah terdapat isu pengambilan tanah tambahan bagi peluasan tapak rumah pam dan tapak tangki air. Namun ianya telah diselesaikan pada hujung tahun 2024. Selain itu, pelaksanaan reka bentuk projek ini juga tertangguh pada tahun 2019 sehingga tahun 2021 ekoran pandemik COVID-19.

Status terkini projek adalah dalam penyiapan dokumen tender oleh pihak perunding bersama Bahagian Teknikal, KKDW selaku Pegawai Penguasa (SO) projek. Projek dijangka tender pada suku pertama tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE [BELURAN]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE [BELURAN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah untuk mengurangkan kos pengeluaran hasil pertanian dan bagaimana Kementerian memastikan petani dan nelayan mendapat harga yang adil bagi hasil mereka. Sejauh manakah kejayaan Kementerian dalam membendung pengaruh orang tengah dalam sektor ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa peka berkaitan isu kenaikan kos pengeluaran hasil pertanian berlaku disebabkan beberapa faktor seperti kenaikan harga input pertanian seperti baja, racun, benih; kos buruh yang tinggi dan bencana alam akibat banjir dan musim kemarau.
2. Melalui Jabatan Pertanian, antara langkah-langkah yang telah diambil bagi mengurangkan kos pengeluaran hasil tanaman adalah seperti berikut:
 - (i) menggalakkan penggunaan teknologi moden seperti fertigasi dan controlled environment farming agar dapat membantu mengawal keperluan tanaman. Sehubungan itu, penggunaan baja dan racun dapat dioptimumkan dengan efisien.
 - (ii) penggunaan automasi dan peralatan pertanian moden dapat mengurangkan keperluan tenaga buruh dan meningkatkan kecekapan kerja.
 - (iii) merancang jadual tanaman dan penuaian untuk memaksimumkan hasil dengan penggunaan sumber yang minimum.
 - (iv) menggunakan benih berkualiti dan varieti yang rentang terhadap penyakit serta perubahan iklim dapat membantu tumbesaran tanaman tanpa terlalu bergantung kepada baja dan racun.
3. KPKM melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) turut berusaha untuk memastikan kebolehpasaran hasil pertanian para petani dan nelayan pada harga yang munasabah. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan ialah:
 - (i) **menggalakkan penglibatan petani dalam program Khidmat Pemasaran Ladang Kontrak.** Program ini memberi jaminan pasaran melalui Perjanjian Jual Beli (Forward Agreement) yang dipersetujui bersama antara pengeluar dan pemasar. Selain itu, insentif harga lantai

turut diberikan sekiranya harga di peringkat ladang merundum bertujuan untuk membolehkan pengeluar mendapat harga yang lebih tinggi dari kos pengeluaran dan memperolehi modal pusingan bagi musim penanaman seterusnya.

(ii) **membangunkan usahawan pemasar yang kompetitif dan mampu mewujudkan daya saing yang sihat dalam pasaran.** Oleh itu, FAMA telah melaksanakan program Rakan Pemasar Kontrak Pemasaran (RPKP) iaitu program kerjasama strategik antara usahawan pemasar bimbingan FAMA dengan peserta Ladang Kontrak.

(iii) **memendekkan rantaian pasaran melalui pembangunan outlet pemasaran dan platform digital.** FAMA telah membangunkan outlet pemasaran antaranya seperti Pasar Tani, Gerai Buah-Buahan Segar dan Agrobazaar untuk menyediakan luang pasaran kepada pengeluar bagi memasarkan hasil pertanian terus kepada pengguna pada harga yang munasabah. Manakala LKIM turut **mewujudkan Program Pasar Nelayan dan menyediakan kemudahan Pusat Pengumpulan dan Pengedaran Ikan (CCDC)** yang bertujuan sebagai saluran pasaran alternatif bagi memberi peluang kepada nelayan memasarkan hasil tangkapan mereka secara terus kepada pelbagai peringkat pengguna.

4. KPKM sentiasa komited dalam usaha mengurangkan kos pengeluaran hasil pertanian melalui pelbagai langkah yang telah dinyatakan dan memastikan golongan petani dan nelayan dapat memasarkan hasil mereka dengan harga yang berpatutan dan munasabah di samping mengurangkan penglibatan orang tengah dalam rantaian pemasaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN [HULU LANGAT]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN [HULU LANGAT] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan bagaimana Kementerian memastikan pelaksanaan teknologi satelit dalam JENDELA fasa kedua akan berjalan lancar dan sesuai dengan keperluan pengguna yang berbeza di kawasan yang terlibat serta jangkaan kos yang digunakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sedang merangka solusi penyediaan perkhidmatan internet bagi kawasan berpenduduk yang masih belum mendapat perkhidmatan internet melalui Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa 2.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa faktor yang menjadi cabaran terhadap dalam pelaksanaan JENDELA Fasa 2, antaranya faktor bentuk muka bumi dan kedudukan geografi seperti di kawasan berbukit-bukau menyukarkan untuk mendapatkan *Line of Sight (LOS)* dan jajaran *backhaul* gentian optik. Selain itu, taburan penduduk yang berselerak dengan kepadatan rendah serta tiadanya infrastruktur asas seperti jalan yang berturap dan bekalan elektrik yang stabil, turut menjadi cabaran dalam perancangan pembangunan infrastruktur di sesuatu kawasan.

Selain itu, perancangan untuk pelan JENDELA Fasa 2 memerlukan penilaian dan pertimbangan kaedah pemberian perkhidmatan yang sesuai, (*fit for purpose solution*) serta keupayaan Dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat untuk membayai perbelanjaan modal dan perbelanjaan operasi projek ini. Oleh demikian, tempoh masa yang munasabah diperlukan bagi merangka solusi yang sesuai dengan kos yang sesuai.

Untuk makluman, teknologi yang akan digunakan bagi pelaksanaan ini dijangka akan melibatkan *fit for purpose solution* yang merangkumi pembinaan menara baharu dan juga penyediaan jalur lebar menggunakan teknologi satelit. MCMC juga sedang meneliti perkembangan teknologi baharu termasuk *direct to device* yang menggunakan teknologi satelit *Low Earth Orbit (LEO)* bagi penyediaan perkhidmatan internet yang boleh memberi manfaat kepada penduduk di luar bandar dan kawasan pedalaman. Lokasi awal kawasan sasaran pelaksanaan sedang dikenal pasti.

MCMC sentiasa memberi tumpuan kepada usaha penambahbaikan infrastruktur komunikasi serta penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi bagi mengatasi masalah jaringan internet. Ini adalah bagi membolehkan rakyat menikmati akses kepada perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi yang lebih menyeluruh di kawasan luar bandar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK WETROM BIN BAHANDA [KOTA MARUDU]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATUK WETROM BIN BAHANDA [KOTA MARUDU] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha semasa dan perancangan Kementerian bagi membantu dan menggalakkan penggunaan benih padi hibrid dalam kalangan pesawah di Sabah terutama di kawasan Kota Marudu ke arah meningkatkan pengeluaran beras.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menggalakkan kerjasama penyelidikan dan pembangunan antara Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) dan Jabatan Pertanian Sabah dalam menilai potensi penanaman padi hibrid di Sabah serta perkongsian varieti dan induk padi hibrid.
2. KPKM melalui MARDI telah membangunkan dua (2) varieti padi hibrid tempatan iaitu Kadaria 1, yang diperkenalkan pada tahun 2019, dan padi hibrid HY0046H yang berpotensi untuk dikembangkan penanamannya di Sabah khususnya di Kota Marudu. Kedua-dua varieti ini mempunyai kelebihan dari segi potensi hasil yang lebih tinggi iaitu sekitar 15 hingga 20 peratus atau 9 hingga 11 tan per hektar berbanding padi biasa. Selain itu, varieti ini mempunyai tempoh pertumbuhan lebih singkat dan kualiti beras yang sesuai untuk pasaran tempatan.
3. KPKM juga menggalakkan pelaburan pihak swasta dalam usaha mengkomersialkan teknologi padi hibrid terutamanya dalam pembangunan sistem pengeluaran benih hibrid secara komersial. Langkah ini bertujuan untuk memastikan harga benih hibrid berpatutan dan stok benih hibrid mencukupi bagi memenuhi keperluan tempatan.
4. Pihak KPKM juga berusaha untuk memudah cara proses perancangan, pengurusan dan prosedur berkaitan benih padi hibrid bagi memastikan kelancaran urusan pengimportan benih hibrid untuk tujuan penyelidikan, pembangunan (R&D) dan pengkomersialan di Malaysia.
5. Selain itu, KPKM melalui MARDI juga bersedia memindahkan teknologi padi hibrid kepada pesawah dan pengeluar benih di Sabah, khususnya dalam aspek pengurusan tanaman dan pengeluaran benih hibrid. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman pesawah mengenai teknologi padi hibrid, terutamanya dari segi aspek teknikal.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN ISNARAISAH MUNIRAH MAJILIS [KOTA BELUD]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

PUAN ISNARAISAH MUNIRAH MAJILIS [KOTA BELUD] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan status terkini Projek Penempatan Semula Nelayan (PSN) Kampung Bira Biraan Kota Belud dan nyatakan secara terperinci masalah dan cabaran yang dihadapi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah diluluskan peruntukan berjumlah RM197.23 juta bagi pelaksanaan pembangunan projek Penempatan Semula Nelayan (PSN) yang merupakan salah satu komponen bantuan di bawah Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN). Projek ini dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup nelayan agar dapat menikmati kualiti hidup yang lebih baik dan kondusif.
2. Sebanyak tiga belas (13) lokasi di sembilan (9) buah negeri iaitu Perlis, Kedah, Perak, Melaka, Pahang, Terengganu, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan telah diluluskan pelaksanaan PSN yang memberi manfaat kepada seramai 1,722 orang nelayan. Salah satu projek PSN yang telah diluluskan adalah PSN Kota Belud yang akan dibina di Kg Bira-Biraan, Kota Belud, Sabah. Projek ini telah diluluskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Induk PKPN Bilangan 2 Tahun 2017 pada 29 Mei 2017 melibatkan 200 unit rumah dengan peruntukan berjumlah RM19 juta termasuk kos infrastruktur.
3. Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah (MAFFI Sabah) telah dilantik sebagai agensi pelaksana bagi projek PSN Kota Belud. Sebanyak RM500,000 telah disalurkan kepada MAFFI Sabah pada tahun 2017 bagi pelaksanaan kerja-kerja awalan.
4. Pada peringkat awal pelaksanaan, MAFFI Sabah menghadapi masalah peningkatan kos projek akibat kenaikan harga bahan pembinaan dan masalah reka bentuk PSN berikutan lokasi cadangan PSN terletak di kawasan seismic prone area. Hal ini menyebabkan bilangan unit PSN dicadang untuk dikurangkan daripada 200 unit kepada 72 unit.
5. Beberapa siri mesyuarat dan perbincangan telah diadakan di antara pihak KPKM, LKIM dan MAFFI Sabah untuk membincang dan menyelesaikan isu yang dihadapi. Pada tahun 2024, pihak MAFFI telah memutuskan untuk meneruskan pembinaan PSN dengan menggunakan reka bentuk rumah Sabah Maju Jaya (SMJ) dan bilangan unit PSN dikenalkan dengan jumlah 200 unit. Perkara ini

NO SOALAN : 75

telah dibentangkan dan dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk PKPN Bil.2 Tahun 2024 bertarikh 28 Ogos 2024.

6. Sehingga Disember 2024, projek masih berstatus belum mula. Pihak MAFFI Sabah masih menunggu keputusan bagi permohonan pengecualian tatacara tender/sebutharga daripada Kementerian Kewangan Sabah sebelum perancangan seterusnya dilaksanakan. Pembinaan projek dijangka bermula pada April 2025 tertakluk kepada maklum balas berkaitan tatacara perolehan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan mengapa Kementerian tidak membenarkan lesen dan bot nelayan jenis B dipindah milik atau di jual.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pengurusan sumber perikanan negara dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) bagi memastikan sumber perikanan sentiasa mapan dan menjamin bekalan ikan untuk rakyat.
2. Lesen vesel dan peralatan menangkap ikan akan dikeluarkan oleh DOF berdasarkan kepada status sumber sedia ada di mana status ini ditentukan melalui survei lautan dan juga pemantauan nilai pendaratan ikan seluruh negara. Lesen vesel dan peralatan menangkap ikan adalah hak milik Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), manakala vesel pula adalah hak milik nelayan / pengusaha vesel.
3. Dasar DOF tidak menghalang pemilik untuk menjual vesel penangkapan ikan tempatan zon B milik mereka. Walau bagaimanapun, pindah milik lesen vesel penangkapan ikan tempatan tersebut hendaklah mendapat kebenaran daripada DOF, dengan syarat vesel yang dipohon tiada rekod kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985.
4. Namun untuk vesel zon B, syarat tambahan untuk vesel pukat tunda adalah pemilik perlu keluar dari operasi pukat tunda zon B dengan diberikan pilihan berikut:
 - (i) Jika ingin kekal dengan peralatan pukat tunda, vesel perlu tukar ke zon C untuk beroperasi.
 - (ii) Jika ingin kekal berada di zon B, perlu tukar peralatan selain pukat tunda (contoh: pukat jerut ikan, pukat hanyut, rawai, bubu).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan Kerajaan untuk menaik taraf Klinik Desa di Batu 7 bagi memastikan penduduk mendapat akses kepada perkhidmatan kesihatan yang mencukupi termasuk penambahan doktor, jururawat dan peralatan perubatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi mengatasi isu kesesakan dan kedaifan di Klinik Desa Batu 7, KKM mengambil langkah seperti berikut:
 - i. meroboh dan membina semula klinik tersebut pada tahun ini menerusi peruntukan klinik daif; dan
 - ii. mengusahakan pencarian tapak baharu bagi pembinaan klinik kesihatan yang komprehensif di sekitar Libaran.
2. Untuk makluman, sehingga 31 Disember 2024, seramai empat (4) Pegawai Perubatan dan enam (6) jururawat yang berkhidmat di Klinik Desa di Batu 7. Pengisian perjawatan bagi pegawai perubatan dan jururawat di fasiliti tersebut adalah di tahap optimum.
3. Berkenaan peralatan perubatan pula, pada masa ini ianya telah dibekalkan secukupnya di fasiliti tersebut dan diselenggara dengan baik di bawah Perjanjian Konsesi Projek Medical Equipment Enhancement Tenure (MEET).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI [LUBOK ANTU]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI [LUBOK ANTU] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah terdapat penyelesaian jangka panjang kepada masalah kualiti capaian internet yang masih lemah di sekitar kawasan Pekan Lubok Antu yang sepatutnya tidak menghadapi masalah dari segi akses kepada jalan dan elektrik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) komited dalam menambah baik perkhidmatan komunikasi dan kualiti capaian internet di Sarawak khususnya di Parlimen Lubok Antu.

Dalam usaha untuk memastikan liputan internet adalah baik, MCMC telah melaksanakan audit kualiti secara berkala di seluruh negara bagi memastikan pematuhan berterusan oleh penyedia perkhidmatan terhadap Standard Mandatori Kualiti Perkhidmatan (MSQoS) yang telah ditetapkan.

Pada suku keempat 2024, sebanyak dua aktiviti audit kualiti telah dilaksanakan di sekitar kawasan Pekan Lubok Antu dan hasil ujian audit mendapati dua penyedia perkhidmatan tidak mematuhi piawaian MSQoS di kawasan tersebut. Arahan pentadbiran penambahbaikan telah dikeluarkan kepada pihak penyedia perkhidmatan terbabit untuk meningkatkan servis kualiti, dan hasil ujian ulangan bagi perkhidmatan Celcom pada awal tahun ini telah menunjukkan peningkatan prestasi kualiti perkhidmatan dan telah mematuhi piawaian MSQoS. Bagi perkhidmatan Maxis, kerja-kerja penambahbaikan sedang giat dijalankan dan ujian ulangan akan dijalankan dalam masa terdekat.

MCMC mengambil maklum bahawa terdapat lokasi-lokasi yang bermasalah dari segi liputan dan kualiti perkhidmatan di sesetengah kawasan. Oleh yang demikian, maklum balas daripada pejabat Ahli Yang Berhormat untuk mengenal pasti kawasan luar bandar secara spesifik amat diperlukan bagi membantu pemberi perkhidmatan dan MCMC dalam menangani isu kualiti dan liputan yang dihadapi.

Selain itu, para pengguna adalah digalakkan untuk membuat aduan secara terus kepada pemberi perkhidmatan sekiranya perkhidmatan yang disediakan adalah tidak memuaskan agar tindakan yang sewajarnya dapat diambil. Sekiranya aduan tersebut tidak dapat diselesaikan, aduan kepada MCMC juga boleh dilakukan di laman portal aduan MCMC di

[https://aduan.mcmc.gov.my.](https://aduan.mcmc.gov.my)

Para pengguna juga disarankan untuk memanfaatkan portal JENDELA Map (<https://jendela.my>) bagi mengemukakan maklumbalas liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar di kawasan mereka dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk meluaskan Skim Perubatan MADANI bagi pengamal perubatan swasta (*general practitioners*) di daerah lain di Sabah seperti Sandakan, Tawau dan Keningau memandangkan negeri ini mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi serta cabaran logistik yang besar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kinabatangan atas keprihatinan Yang Berhormat mengenai cadangan untuk meluaskan Skim Perubatan MADANI bagi pengamal perubatan swasta (general practitioners) di daerah lain di Sabah seperti Sandakan, Tawau dan Keningau.
2. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, bermula pada 26 Februari 2024 skop operasi Skim Perubatan MADANI telah tertumpu kembali kepada 10 daerah berfokus termasuk Kota Kinabalu Sabah. Penumpuan ini adalah untuk memastikan penggunaan sumber kewangan secara efisien serta menambah baik kualiti dan keberkesanan skim.
3. Untuk makluman juga, 10 daerah berfokus ini adalah selaras dengan objektif SPM untuk mengurangkan kesesakan di fasiliti kesihatan KKM dan memastikan program ini terus berkesan serta dilaksanakan secara mampan.
4. Pesakit di daerah seperti Sandakan, Tawau dan Keningau yang mengalami sakit-sakit ringan masih boleh mendapatkan rawatan di Klinik Desa, Klinik Komuniti, Klinik Kesihatan dan Zon Hijau hospital yang terdekat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan perincian bilangan pusat data yang sedang beroperasi di Malaysia dengan pecahan kapasiti megawatt (MW) bagi setiap satunya dan sejauh manakah Kementerian mengimbangi aspek kelestarian alam menerusi percambahan pusat-pusat data ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi daripada Tenaga Nasional Berhad tentang status bekalan tenaga elektrik kepada pusat data, terdapat 19 pusat data berkapasiti sederhana (4MW - 21MW) dan tinggi (60MW-500MW) telah beroperasi di seluruh Malaysia dengan pecahan 8 projek di Lembah Klang, dengan kapasiti keseluruhan 108 megawatt dan 11 projek di Johor dengan kapasiti keseluruhan 2,248 megawatt.
2. Setakat Disember 2024, penggunaan tenaga elektrik oleh pusat data adalah berjumlah 434.5MW, iaitu kira-kira 2.2% daripada jumlah keseluruhan penggunaan elektrik Semenanjung Malaysia (20,066MW).
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif bersepadu bagi mengimbangi aspek kelestarian alam susulan peningkatan bilangan pusat data, seperti berikut:

i. Pelaksanaan Garis Panduan Pembangunan Mampan bagi Pusat Data

Garis Panduan Pembangunan Mampan bagi Pusat Data telah dipersetujui oleh Majlis Pelaburan Negara pada Disember 2024. Garis panduan ini merangkumi metrik *Power Usage Effectiveness* (PUE), *Water Usage Effectiveness* (WUE) dan *Carbon Usage Effectiveness* (CUE) masing-masing bertujuan mengukur kecekapan penggunaan tenaga dan air, serta pelepasan karbon pusat data. Pematuhan Garis Panduan ini merupakan salah satu syarat bagi permohonan galakan insentif di bawah Skim Pecutan Ekosistem Digital (DESAC).

ii. Menggalakkan Penggunaan Sumber Tenaga Boleh Baharu

Kerajaan juga menggalakkan penggunaan tenaga boleh baharu dalam operasi pusat data melalui dasar teknologi hijau bagi mencapai sasaran 70% tenaga boleh baharu menjelang 2050.

iii. Pelaksanaan Program Skim Pembekalan Tenaga Boleh Baharu Korporat (*Corporate Renewable Energy Supply Scheme – CRESS*)

Program CRESS memudahkan akses operator pusat data kepada sumber tenaga boleh baharu oleh pihak ketiga. Ini akan memudahkan dan membolehkan lebih banyak pusat data memanfaatkan tenaga boleh baharu di samping membantu mengurangkan kos operasi dalam jangka masa panjang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI [GOMBAK]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI [GOMBAK] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan langkah mitigasi dan persediaan oleh Kerajaan Persekutuan untuk menghadapi perubahan dasar tarif Amerika Syarikat. Memandangkan tarif menjadi antara komitmen utama Presiden baharu Amerika Syarikat, apakah persediaan Kerajaan supaya syarikat tempatan yang mengeksport barang tidak terkesan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Presiden Donald J. Trump telah mengumumkan *Amerika First Trade Policy* yang memberi keutamaan terhadap sektor perdagangan sebagai komponen kritikal kepada keselamatan Amerika Syarikat. Dasar tersebut berhasrat untuk mengurangkan kebergantungan Amerika Syarikat kepada negara lain demi memenuhi keperluan keselamatan ekonomi dan sempadannya.
2. Susulan dari dasar ini, pada 1 Februari 2025, Presiden Donald Trump telah membuat pengumuman bahawa tarif sebanyak 25% akan dikenakan ke atas import dari Kanada dan Mexico, di samping tambahan tarif sebanyak 10% ke atas import dari China. Walau bagaimanapun, hanya kadar tarif baharu ke atas China telah berkuatkuasa mulai 4 Februari 2025 manakala tarif terhadap import dari Kanada dan Mexico ditangguhkan selama 30 hari.
3. Selain itu, pada 10 Februari 2025, President Trump juga telah mengumumkan kenaikan tarif ke atas import produk keluli dan aluminium dari 10% ke 25%. Kadar tarif baharu ini akan berkuatkuasa pada 4 Mac 2025 dan sebarang bentuk pengecualian atau kuota bagi kedua-dua produk ini tidak akan dipertimbangkan.
4. Sehingga kini, dasar-dasar ekonomi Presiden Trump yang telah diumumkan masih belum memberi impak secara langsung ke atas ekonomi negara, namun demikian Kerajaan akan terus memantau perkembangan dasar-dasar baharu Amerika Syarikat serta merancang strategi-strategi yang bersesuaian bagi menangani sebarang implikasi terhadap ekonomi negara. Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri sentiasa bersiap siaga dan telah merangka beberapa langkah proaktif serta strategi mitigasi sebagai persediaan sekiranya berlaku perubahan dasar tarif Amerika Syarikat ke atas import dari Malaysia termasuk:

- i. Memilih untuk menggunakan pendekatan *engagement* dan bukannya *combative* dengan mengadakan perbincangan dan libat urus secara berterusan di peringkat Kementerian dengan Jabatan Perdagangan Amerika Syarikat (*Department of Commerce, United States*) dan Pejabat Wakil Perdagangan Amerika Syarikat atau dengan izin *United States Trade Representative*;
- ii. Mengaktifkan semula dan menaik taraf Perjanjian Kerangka Perdagangan dan Pelaburan (*Trade and Investment Framework Agreement* - TIFA) dengan Amerika Syarikat yang telah ditandatangani pada 10 Mei 2004. TIFA adalah bertujuan meningkatkan persahabatan dan kerjasama dua hala, membangunkan perdagangan dan pelaburan untuk kemajuan ekonomi serta mengukuhkan hubungan di antara sektor swasta kedua-dua negara;
- iii. Berusaha untuk mempromosi dan memperluaskan rangkaian eksport produk Malaysia terutamanya ke negara-negara pasaran baru (*emerging markets*) di Asia Tengah, Timur Tengah dan Benua Afrika berdasarkan strategi pembelagaian eksport;
- iv. Mempelbagaikan dan meluaskan pasaran eksport produk Malaysia melalui pemeteraian Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) baru. Pada 14 Januari 2025, Kementerian telah menandatangani Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Malaysia-Emiriah Arab Bersatu. Beberapa FTA juga sedang dirunding iaitu FTA Malaysia-*European Free Trade Area* (EFTA), FTA ASEAN-Kanada dan FTA Malaysia-Korea, manakala rundingan FTA antara Malaysia dan Kesatuan Eropah akan disambung semula tidak lama lagi. Kementerian juga sedang meneliti potensi FTA dengan Majlis Kerjasama Teluk (GCC) dan beberapa negara lagi; dan

- v. Penyertaan aktif Malaysia dalam pelbagai forum pelbagai hala serta FTA serantau seperti Pertubuhan Perdagangan Dunia (*World Trade Organisation - WTO*), *Asia Pacific Economic Cooperation* (APEC), *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP) dan *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) akan membuka peluang lebih luas kepada Malaysia untuk mempelbagaikan pasaran dan meletakkan Malaysia sebagai negara dagang yang progresif dan dipercayai di peringkat global.
5. Kerajaan akan terus memantau perkembangan dasar-dasar baharu Amerika Syarikat serta merancang strategi-strategi yang bersesuaian bagi menanggani sebarang implikasi terhadap ekonomi negara. Malaysia akan terus mengekalkan pendirian untuk menggalakkan perdagangan bebas serta akan terus mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang selamat dengan menekankan kestabilan politik, ekonomi, dasar propertiagaan, serta lokasi strategiknya di Asia Tenggara.
6. Dengan pendekatan dan langkah-langkah mitigasi ini, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri yakin bahawa usaha untuk mengukuhkan lagi daya saing industri dan pengeksport tempatan akan dapat terus dipertingkat supaya kekal kompetitif di peringkat antarabangsa, di samping terus komited dalam memastikan kestabilan ekonomi negara kekal terpelihara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH SITI AMINAH BINTI
ACHING [BEAUFORT]**

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATUK HAJAH SITI AMINAH BINTI ACHING [BEAUFORT] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan komitmen Kementerian dalam mengatasi 15.5 peratus atau lebih lima juta rakyat di Malaysia yang berdepan dengan masalah penyakit buah pinggang kronik (CKD).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terima kasih kepada YB Beaufort di atas soalan yang bertanyakan mengenai komitmen Malaysia dalam mengatasi masalah penyakit buah pinggang kronik (CKD).

2. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) komited sepenuhnya dalam usaha menangani masalah penyakit buah pinggang kronik (Chronic Kidney Disease, CKD) yang membimbangkan. Berdasarkan kajian yang diterbitkan pada tahun 2020, prevalens penyakit CKD di Malaysia dianggarkan sebanyak 15.5%, melibatkan kira-kira 2.6 juta pesakit. CKD sering kali merupakan komplikasi daripada penyakit tidak berjangkit (NCD), terutamanya diabetes dan hipertensi. Diabetes dikenal pasti sebagai penyebab utama CKD, menyumbang kepada 52% daripada kes penyakit buah pinggang tahap akhir (End-Stage Renal Disease, ESRD), manakala hipertensi merupakan penyebab kedua terbesar dengan 35% kes.

3. Oleh itu, usaha pencegahan, pengesanan awal dan perawatan awal penyakit NCD terutamanya penyakit diabetes dan hipertensi adalah merupakan langkah penting untuk mencegah penyakit CKD. Pelbagai usaha dan inisiatif sedang dilakukan untuk menangani penyakit ini yang sering dikaitkan dengan gaya hidup yang tidak sihat.

4. Antara inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan adalah:
 - a. Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) dan Pembangunan pelbagai dasar seperti Dasar Pemakanan Kebangsaan (DPKM) 2.0, Dasar Literasi Kesihatan Kebangsaan (DLKK), Nutrition Policy Options to Combat Obesity in Malaysia dan National Strategic Plan for Non-Communicable Diseases (NSP-NCD);

(b) "War on Sugar" turut dilancarkan, dan antara pencapaian inisiatif ini termasuk peningkatan kadar cukai minuman manis bergula, pelaksanaan Nutri-Grade dan Pelan Strategik Mengurangkan Gula Dalam Rakyat Malaysia, 2024-2030;

- (c) Strategi Pengurangan Garam untuk mencegah dan mengawal Penyakit Tidak Berjangkit telah dilaksanakan sejak tahun 2015. Strategi ini telah diperluaskan melalui pelaksanaan Salt Reduction Policy of Malaysia for Out-of-Home Sectors - A Supplementary Document for the Salt Reduction Strategy to Prevent and Control NCD for Malaysia 2021 – 2025;
- (d) Penguatkuasaan Akta Kawalan Produk Merokok. Demi Kesihatan Awam (Akta 852) telah bermula pada 1 Oktober 2024 dan penguatkuasaan bertujuan untuk mengekang penggunaan produk tembakau serta mengurangkan kemudaratan akibat tabiat merokok;
- (e) Dasar Literasi Kesihatan Kebangsaan (DLKK) menyokong Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) dan Tonggak Ke-2 Kertas Putih Kesihatan (HWP) mengenai promosi kesihatan dan pencegahan penyakit. Ia bertujuan meningkatkan literasi kesihatan masyarakat dan menjadi pemangkin baharu kepada perubahan sikap dan amalan kesihatan masyarakat; dan
- (f) Pemerkasaan komuniti melalui Program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN) dilaksanakan di 868 lokaliti dengan penglibatan 7,662 sukarelawan.

5. Usaha Pencegahan sekunder melibatkan aktiviti saringan untuk pengesanan awal penyakit NCD bagi memastikan intervensi awal dapat diberikan bagi mencegah komplikasi melalui:

(a) Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan (NHSI), yang dimulakan pada Julai 2022, telah membantu dalam pengesanan awal penyakit NCD. Inisiatif saringan ini merupakan usaha menggembungkan tenaga bukan sahaja fasiliti kesihatan tetapi turut melibatkan penyertaan klinik swasta melalui program PeKa B40, saringan pekerja melalui PERKESO, saringan komuniti melalui NGOs dan program KOSPEN. Semenjak 2022 sehingga 31 Disember 2024 sebanyak 4.4 juta individu berumur 18 tahun dan ke atas telah disaring.

(b) Inisiatif pengurusan bersepadu (integrated management of NDCs cases) penyakit NCDs bagi mengesan dan mencegah CKD di fasiliti kesihatan primer turut ditekanan. Pengurusan bersepadu ini adalah berdasarkan kepada beberapa garis panduan seperti;

- i. ACT-KID National Action Plan for National Healthy Kidneys 2018-2025 merupakan pelan tindakan strategik bertujuan untuk mencegah, mengurus, dan mengurangkan beban penyakit CKD melalui pendekatan bersepadu.
- ii. CPG Management of Type 2 Diabetes Mellitus (6th Edition) dan CPG Management Hypertension. Pemantauan parameter klinikal dilakukan secara berkala seperti tekanan darah, kawalan gula dalam badan dan juga pemeriksaan urin. Kes yang berisiko CKD akan dirujuk kepada pakar nefrologi untuk penilaian lanjut.

Tuan Yang Dipertua,

6. Semua pendekatan di atas memerlukan penglibatan semua pihak melalui konsep "Whole of Nation" dan "Whole of Society" dimana pelbagai sektor bekerjasama melaksanakan strategi bersepadu berdasarkan tiga peringkat pencegahan: primer, sekunder, dan tertiari. Selaras dengan matlamat Kertas Putih Kesihatan, reformasi sistem kesihatan negara memberi penekanan kepada perubahan daripada pendekatan rawatan penyakit ("sickness care") kepada penjagaan kesihatan menyeluruh dan kesejahteraan ("healthcare and wellness").

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI MOHD.
YASSIN [PAGOH]**

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN [PAGOH] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan komitmen Kerajaan berhubung ketelusan mekanisme pengkelasian 'T15' dalam menjamin penstrukturran subsidi yang adil ekoran cadangan TNB menaikkan tarif asas elektrik tatkala rakyat bakal dibebani kesan berantai (*chain reaction*) rasionalisasi subsidi RON95, peluasan skop SST serta pelaksanaan cukai-cukai baharu mulai tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan ucapan Belanjawan 2025, Kerajaan telah mengumumkan cadangan untuk melaksanakan penyasaran subsidi petrol RON95 bermula pada pertengahan tahun 2025. Penyasaran ini dilaksanakan dengan merasionalisasi subsidi daripada subsidi secara pukal (blanket) kepada subsidi secara bersasar (targeted). Ini juga bertujuan untuk mengoptimumkan perbelanjaan dan mengurangkan tanggungan Kerajaan bagi mengukuhkan kedudukan fiskal negara. Namun, Kerajaan komited untuk mengekalkan subsidi untuk majoriti 85 peratus rakyat akan terus layak mendapat bantuan Kerajaan.
2. Kerajaan pada masa ini sedang memuktamadkan jadual tarif elektrik baharu yang dijangka akan dilaksanakan bermula pada Julai 2025. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa berusaha memastikan sebarang kenaikan tidak membebankan pengguna dengan mengambil kira semua aspek termasuk kebijakan dan kesejahteraan rakyat. Ini termasuklah memastikan 85% pengguna domestik di Semenanjung terus kekal dilindungi melalui pelaksanaan subsidi elektrik secara bersasar.
3. Kerajaan telah memaklumkan berkenaan cadangan peralihan kaedah pengenalpastian kumpulan sasar daripada pengelasan kumpulan pendapatan isi rumah B40, M40 dan T20 berasaskan Pendapatan Kasar kepada Pendapatan Boleh Guna Bersih, (Net household Disposable Income). Kerajaan berpandangan konsep pendapatan boleh guna bersih (net disposable income) ini boleh diperkenalkan sebagai asas untuk pemberian bantuan bagi mengurangkan risiko keciciran dan bersifat lebih adil mengambil kira aspek kehidupan wajar serta berbeza mengikut lokasi dan demografi isi rumah.
4. Pemberian subsidi dan bantuan sosial oleh Kerajaan dicadang untuk dilaksanakan melalui mekanisme NDI secara berperingkat berdasarkan use case atau program yang bersesuaian, tertakluk kepada kedudukan kewangan dan dasar semasa Kerajaan.
5. Justeru antara langkah yang diambil bagi mengurangkan isu kos sara hidup dikalangan rakyat dalam Belanjawan 2025 adalah:

- i. Sumbangan Tunai Rahmah dan Sumbangan Asas Rahmah dengan peruntukan hampir 13 bilion ringgit;
- ii. Pelaksanaan inisiatif Payung Rahmah dengan peruntukan 300 juta ringgit;
- iii. Program mengawal harga barang melalui usahasama pengusaha pasaraya, pasar borong, kedai runcit, pasar tani, koperasi dan sebagainya dengan peruntukan 700 juta ringgit; dan
- iv. Program Penyeragaman Harga Barang di Sabah, Sarawak dan Labuan sebanyak 40 juta ringgit.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk mewajibkan hospital swasta menyumbang kepada masyarakat dengan menyediakan biasiswa bagi menghasilkan lebih ramai doktor.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Seksyen 105 , Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] memperuntukkan kuasa Menteri untuk menetapkan jenis sumbangan sosial atau sumbangan kebajikan atau jumlah sumbangan sosial atau sumbangan kebajikan oleh mana-mana kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan swasta.
2. Walau bagaimanapun, pada masa ini Jadual Kedua Belas, Peraturan 430, Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006 yang memperincikan sumbangan sosial di bawah Seksyen 105 ini tidak memperuntukkan secara khusus penyediaan biasiswa oleh fasiliti swasta.
3. KKM bagaimanapun mengambil maklum cadangan ini dan akan menilai keperluan untuk memperkuuh penglibatan hospital swasta dalam usaha meningkatkan kapasiti perkhidmatan kesihatan negara demi manfaat kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LEE CHUAN HOW [IPOH TIMOR]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

TUAN LEE CHUAN HOW [IPOH TIMOR] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dasar atau peruntukan khas untuk penurapan semula jalan-jalan pelbagai jenis dan kategori di kawasan-kawasan berkepadatan tinggi di bawah seliaan PBT bertaraf bandaraya, terutamanya jalan yang tidak pernah diturap semula lebih dari 20 tahun dan ke atas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan MADANI menyokong penuh usaha Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam memastikan setiap lapisan rakyat dapat menikmati kemudahan awam dan infrastruktur secara saksama dan inklusif selaras dengan **nilai teras Malaysia MADANI iaitu Kesejahteraan**. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) menyediakan bantuan kewangan kepada semua 156 PBT di seluruh negara melalui penyaluran peruntukan projek-projek kecil BP.1 meliputi skop kemudahan awam, keselamatan, sosioekonomi dan infrastruktur seperti menaik taraf, baik pulih dan penurapan semula jalan raya di bawah seliaan PBT. Peruntukan ini mencerminkan komitmen dan kesungguhan KPKT yang memfokuskan kesejahteraan rakyat, meningkatkan taraf sosio-ekonomi tempatan, di samping memperkasakan semua Kerajaan Tempatan tanpa prejudis dan konsisten untuk memastikan semua golongan dapat merasai manfaat kemajuan negara.

Bagi Negeri Perak, KPKT telah meluluskan peruntukan sebanyak RM240 juta untuk kerja-kerja menaik taraf, baik pulih dan penurapan semula jalan raya di bawah seliaan PBT bagi tahun 2022 hingga 2024. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM14.615 juta telah diluluskan** kepada Majlis Bandaraya Ipoh (MB Ipoh) bagi **menyiapkan 80 projek kerja-kerja baik pulih dan penurapan semula jalan raya** dengan perincian seperti berikut:

TAHUN	PERUNTUKAN KESELURUHAN NEGERI PERAK (RM)	PERUNTUKAN KERJA-KERJA BERKAITAN JALAN RAYA DI MB IPOH (RM)
2022	38,926,248	500,000
2023	95,021,835	2,255,000
2024	106,666,866	11,860,000
JUMLAH (RM)	240,614,949	14,615,000

Di bawah **Belanjawan MADANI Tahun 2025**, KPKT komited meneruskan inisiatif ini bagi menyemarakkan agenda pembaharuan dan pemugaran sosioekonomi tempatan. Justeru, sekiranya terdapat keperluan bagi pelaksanaan projek berkaitan menaik taraf jalan raya meliputi kawasan bandar dan luar bandar di bawah seliaan PBT, permohonan boleh dikemukakan kepada Kementerian untuk pertimbangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM [ARAU]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM [ARAU] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :

- a. perancangan Kerajaan dalam meningkatkan taraf sosioekonomi khusus kepada rakyat di negeri Perlis
- b. adakah Kerajaan akan meneruskan pembinaan Projek Pembangunan Pelabuhan Kuala Sanglang serta pembinaan infrakstruktur Pekan Baru Kuala Sanglang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan komited dalam meningkatkan taraf sosioekonomi dan pendapatan rakyat. Dengan itu, Kerajaan telah memberi tumpuan kepada usaha menangani jurang kekayaan dan pendapatan bagi negeri dan wilayah. Antara strategi utama yang dikenal pasti adalah:

- (a) menarik pelaburan berkualiti;
- (b) menambah baik ekosistem perniagaan;
- (c) mempercepat penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan; dan
- (d) mempelbagai dan merancakkan aktiviti ekonomi bagi meningkatkan pendapatan komuniti luar bandar.

2. Bagi memacu peningkatan sosioekonomi dan pendapatan di Negeri Perlis, sebanyak 151 projek baharu telah diluluskan di bawah Rolling Plan 5 Tahun 2025 dengan kos RM2.25 bilion dan peruntukan RM411.06 juta. Antara projek baharu yang diluluskan adalah seperti berikut:

- i. Projek Membina Jalan Dan Jambatan Menghubungkan Jalan Pesisir Pantai (R152) Ke Kuala Sanglang, Perlis;
- ii. Projek Pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) & Perumahan IPD Padang Besar, Perlis;
- iii. Pembinaan Sekolah Baharu 20 Bilik Darjah, Asrama Kuarters Guru, Dewan Sekolah Dan Lain-Lain Kemudahan Mengikut Piawai Sekolah Berasrama Penuh di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kangar, Sena, Perlis
- iv. Projek Pembangunan NCER Agribio Economic Zone (NAEZ) Di Chuping;
- v. Rancangan Tebatan Banjir Lembangai Sungai Perlis, Perlis; dan
- vi. Klinik Kesihatan (Jenis 2) dengan Kuarters Beseri, Perlis (Gantian).

3. Selain itu, agenda pembangunan sosioekonomi di Perlis turut dilaksanakan melalui institusi seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN), FELDA dan FELCRA. Antaranya adalah menyediakan bantuan kepada isi rumah yang miskin bagi meningkatkan akses kepada keperluan asas dan menggalakkan isi rumah B40 mempelbagaikan sumber pendapatan melalui penyediaan latihan yang bersesuaian. Selain itu, terdapat Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK) Kangar, Perlis di bawah seliaan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan peserta, meningkatkan taraf hidup masyarakat dan mewujudkan peluang pekerjaan di kampung yang terlibat.
4. Bagi pembinaan Projek Pembangunan Pelabuhan Kuala Sanglang serta pembinaan infrastruktur Pekan Baru Kuala Sanglang, perkara ini perlu diperhalusi dan diteliti bersama Kerajaan Negeri Perlis berdasarkan kepada perancangan negeri di kawasan tersebut. Pada masa ini, Kerajaan komited untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri bagi mempertingkat pembangunan ekonomi di wilayah masing-masing.
5. Kerajaan yakin dengan usaha-usaha yang dilaksanakan di bawah RMKe-12 ini, semua rakyat Malaysia dapat menikmati pembangunan yang saksama dan inklusif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD [KEPALA BATAS]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD [KEPALA BATAS] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :

- a. status terkini kajian kebolehlaksanaan Projek Terowong Dasar Laut Pulau Pinang
- b. apakah alasan, syor dan pandangan oleh Majlis Pembangunan Fizikal Negara tentang kebolehlaksanaan projek ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan MADANI sentiasa menitikberatkan pembangunan di setiap negeri dan wilayah. Ini bagi memastikan pembangunan fizikal yang dilaksanakan dapat terus dipertingkatkan serta memastikan bahawa setiap projek tidak hanya memberi manfaat kepada rakyat tetapi juga berdaya maju dari segi ekonomi. Projek Terowong Dasar Laut Pulau Pinang yang merupakan sebahagian inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah **Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang**. Terowong dasar laut sepanjang 7.2km itu dirancang akan menghubungkan George Town di Pulau Pinang ke Butterworth di Seberang Perai dan tiga (3) lebuh raya utama yang terdiri daripada jalan berpasangan Tanjung Bungah-Teluk Bahang sepanjang 10.53km, Lebuhraya Air Itam-Tun Dr Lim Chong Eu sepanjang 5.7km dan jalan berpasangan Lebuhraya Gurney Drive-Tun Dr Lim Chong Eu sepanjang 4.1km.

Status terkini Projek Terowong Dasar Laut adalah masih di peringkat Kajian Kebolehlaksanaan (FS). Kerajaan Negeri masih dalam penelitian untuk mengambil kira pembesaran pelabuhan *North Butterworth Container Terminal* (NBCT) yang melibatkan jajaran projek tersebut memandangkan ianya melibatkan kepentingan ramai pihak khususnya pihak Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (**SPPP**). Perkara ini adalah kerana terdapat pertindihan jajaran terowong dengan cadangan pembesaran NBCT secara berfasa oleh pihak SPPP dan kajian Pelan Induk Pembesaran NBCT tersebut memerlukan pertimbangan secara menyeluruh oleh Kerajaan Negeri bagi hala tuju perancangan seterusnya. Projek ini hanya akan dimulakan setelah perancangan jajaran diselesaikan.

Untuk makluman, Projek Terowong Dasar Laut Pulau Pinang ini juga terkandung secara **indikatif dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP 2030)** yang telah pun mendapat nasihat **Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Bil.1/2019 pada 18 April 2019**, sebagaimana diperuntukkan di bawah Subseksyen 10(4) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] sebelum diwartakan pada 24 Oktober 2019.

Projek Terowong Dasar Laut Pulau Pinang akan menjadi laluan ketiga (*third link*) bagi pergerakan kenderaan yang menghubungkan bahagian pulau dengan

Seberang Perai dan tidak merentasi dua (2) buah negeri. Walaupun secara dasarnya projek sedemikian adalah **tidak tertakluk untuk pertimbangan MPFN di bawah Akta 172**, Kementerian ini berpandangan projek ini perlu dirujuk untuk pertimbangan dan nasihat MPFN memandangkan impak pembangunannya yang besar terutama impak ke atas alam sekitar dan kesan pembinaan terowong terhadap aktiviti perikanan. Langkah ini adalah selari dengan hasrat Kerajaan MADANI yang memberi perhatian kepada pembentukan sebuah negara yang seimbang dari aspek pembangunan fizikal dan ekonomi tanpa meminggirkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat serta pemuliharaan alam sekitar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sama ada Kementerian akan menyeragamkan garis panduan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) bagi pelaksanaannya dalam kalangan pemain industri dalam negara. Apakah insentif serta sistem sokongan yang ditawarkan/disediakan dalam menjayakan inisiatif berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini terdapat pelbagai garis panduan dan kerangka prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) yang dibangunkan oleh agensi-agensi mengikut keperluan sektoral atau kehendak pasaran tertentu. Antara garis panduan dan kerangka sedia ada dalam menerima pakai prinsip ESG ialah Sustainability Reporting Guide yang disediakan oleh Bursa Malaysia, i-ESG Framework oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri dan Simplified ESG Disclosure Guide oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
2. Kementerian Ekonomi sedang dalam tindakan untuk mengharmonikan kesemua garis panduan tersebut menerusi penyediaan dokumen Pelan Strategik ESG Kebangsaan (National ESG Strategic Plan – NESP). NESP ini bertujuan untuk memberi garis panduan umum yang boleh dirujuk oleh semua entiti perniagaan di pelbagai sektor, terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk mula menerima pakai prinsip ESG. Dengan adanya garis panduan ini, ia mampu untuk meningkatkan daya saing entiti perniagaan dan menyokong komitmen negara dalam aspek kemampunan.
3. Dokumen NESP ini yang merentas semua sektor ekonomi, telah dibentang dan dipersetujui semasa Mesyuarat Majlis SDG Negara pada 18 Disember 2024 dan dijangka diterbitkan pada pertengahan tahun 2025. Dalam masa yang sama, panduan ESG berdasarkan sektoral yang sedia ada masih lagi terpakai mengikut keperluan dan peraturan semasa yang berkuat kuasa bagi sektor perniagaan berkenaan.
4. Antara bentuk sokongan dan insentif yang ditawarkan menerusi dokumen NESP tersebut adalah:
 - i. penetapan hala tuju dan sasaran yang jelas kepada semua entiti perniagaan bagi membantu proses peralihan ke arah penerima gunaan ESG;
 - ii. pelaksanaan program pembangunan kapasiti oleh syarikat-syarikat tersenarai awam dan besar terutamanya kepada syarikat-syarikat PKS yang berada di sepanjang rantaian nilai aktiviti ekonomi;

- iii. penyediaan kerangka modul pembangunan kapasiti yang seragam sebagai rujukan kepada semua pihak berkepentingan untuk menyelaras latihan berkaitan ESG; dan
 - iv. mempergiat hebahan mengenai insentif-insentif yang disediakan oleh Kerajaan dan pihak swasta bagi membantu entiti perniagaan beralih kepada amalan perniagaan mampan. Insentif ini termasuklah Low Carbon Transition Facility, Green Tech Financing Scheme 4.0, Sustainable Green Biz Financing dan Green Investment Tax Allowance.
5. Bagi memastikan entiti perniagaan, terutamanya PKS, dapat menerima pakai prinsip ESG tanpa melibatkan kos yang tinggi, Kementerian Ekonomi akan menyelaras pelan tindakan yang terkandung di dalam dokumen NESP melalui tindakan bersepadu dengan semua pihak berkepentingan termasuklah dengan kerjasama strategik di antara pihak kementerian, jabatan dan agensi di peringkat Persekutuan dan negeri, pemain industri dan komuniti perniagaan, institusi kewangan serta pertubuhan masyarakat sivil.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA [TAMPIN]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA [TAMPIN] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan justifikasi untuk membawa balik rakyat Malaysia yang sedang berkhidmat di institusi pendidikan tinggi di luar negara supaya kembali berkhidmat di dalam negara dan berapa bilangan tenaga pengajar yang terlibat serta apakah respon awal yang telah diberikan oleh mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga Disember 2024, melalui Program Kepulangan Pakar (REP), TalentCorp telah menerima 11,402 permohonan daripada profesional Malaysia di luar negara, dengan 7,241 diluluskan dan 4,730 individu telah kembali berkhidmat. Purata permohonan tahunan adalah antara 400 hingga 500. Khusus bagi tenaga pengajar, sebanyak 80 permohonan diterima, 63 diluluskan, dan 33 telah kembali, menunjukkan kadar kepulangan 52%.

Menyedari perubahan dalam fenomena globalisasi, perbincangan mengenai isu brain drain telah berevolusi kepada brain circulation. Oleh itu, pendekatan TalentCorp tidak hanya fokus kepada usaha memudahcara kepulangan diaspora tetapi juga mengoptimumkan sumbangan mereka walau di mana mereka berada melalui inisiatif Malaysia@Heart (MyHeart).

Kajian pada awal 2021 mendapati 92% diaspora bersedia menyumbang kepada negara dalam pelbagai cara, dan 85% berminat untuk kembali. Ini menunjukkan potensi besar sumbangan mereka kepada Malaysia.

Program MyHeart merangkumi pelbagai inisiatif. Antaranya, MyHeart Career and Facilitation Fair (MyHeart CaFe) telah menarik 1,499 diaspora dengan kerjasama 59 syarikat yang menawarkan 1,981 peluang pekerjaan. MyHeart Innovate pula menyokong diaspora dalam membangunkan syarikat pemula di Malaysia. MyHeart Collaborations menggalakkan sumbangan diaspora kepada pembangunan bakat tempatan. Selain itu, 19 institusi pendidikan telah berdaftar dengan MyHeart bagi memudahkan keperluan pendidikan anak-anak diaspora yang kembali.

Berdasarkan Kajian Bank Dunia (2021-2022), dianggarkan 281,429 diaspora Malaysia bekerja di luar negara, dengan Australia mencatatkan jumlah tertinggi (138,363), diikuti Amerika Syarikat (79,827), United Kingdom (37,549), dan Kanada (25,690).

TalentCorp sentiasa berinteraksi dengan diaspora di pelbagai negara dan menyokong mereka melalui program-program lain.

NO SOALAN : 89

Hasil kaji selidik dan libat urus menunjukkan majoriti diaspora, termasuk tenaga pengajar, memberi respons positif. Kesediaan mereka menyumbang membuktikan komitmen mereka terhadap pembangunan negara.

Melalui pendekatan strategik REP dan MyHeart, kerajaan yakin lebih ramai rakyat Malaysia di luar negara akan kembali dan menyumbang kepada Malaysia. TalentCorp komited untuk terus memperkuuh inisiatif ini bagi memastikan bakat diaspora dimanfaatkan sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI [KUALA LANGAT]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI [KUALA LANGAT] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan bagaimana Kementerian memastikan penganjur konsert mematuhi syarat-syarat keselamatan dan mengambil langkah pencegahan terhadap penyalahgunaan bahan terlarang semasa acara berlangsung.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi melalui Unit Permohonan Penggambaran Filem Asing dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL) merupakan pusat setempat yang berperanan sebagai urus setia Jawatankuasa PUSPAL untuk menyelaras dan memproses permohonan kemasukan artis dan kru luar negara. Keanggotaan Jawatankuasa PUSPAL terdiri daripada 16 kementerian/jabatan/agensi Kerajaan termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM). Peranan PDRM dalam Jawatankuasa PUSPAL adalah untuk memberi pandangan dan nasihat dalam hal-hal berkaitan keamanan, keselamatan dan ketenteraman awam.

Garis Panduan PUSPAL telah disediakan sebagai rujukan kepada penganjur persembahan mengenai aspek-aspek keselamatan yang perlu dititikberatkan dalam penganjuran suatu persembahan melibatkan artis luar negara. Antaranya ialah penganjur hendaklah mengambil apa-apa langkah yang perlu sebelum, semasa dan selepas persembahan bagi memastikan tiada aktiviti berkaitan rokok, minuman keras dan dadah di lokasi persembahan sepanjang tempoh persembahan.

Selain itu, semakan latar belakang artis luar negara dilaksanakan bagi setiap permohonan persembahan yang akan diadakan di tempat-tempat awam seperti acara konsert dan nyanyian oleh setiap ahli JK-PUSPAL mengikut bidang kuasa masing-masing. Sebarang dapatan yang menyentuh isu sensitif seperti dasar negara, keselamatan, keagamaan, perkauman dan kebudayaan serta memudaratkan kepentingan awam akan dibincangkan secara menyeluruh di Mesyuarat JK-PUSPAL sebelum sesuatu keputusan dibuat. Pemantauan bersepadu oleh JK-PUSPAL turut dilaksanakan dilokasi semasa acara berlangsung.

Kerajaan akan meneliti keperluan dan kesesuaian sebarang cadangan dan perubahan prosedur operasi standard dari semasa ke semasa berdasarkan perbincangan dengan semua agensi serta semua pemegang taruh terbabit.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY GAPARI
KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN [KENINGAU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian pada 2025 untuk meningkatkan hospital dan klinik Kerajaan yang kekurangan di Sabah serta tahap perkhidmatan kesihatan dan kekurangan tenaga kerja Kesihatan khasnya doktor pakar yang jauh ketinggalan dan tidak seimbang dengan yang berada di Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Antara langkah KKM untuk menambah bilangan fasiliti kesihatan di Sabah termasuk membina klinik kesihatan baharu di Tenom, Penampang, Pulau Mantanani, Keningau dan Tuaran. Penyiapan projek-projek ini bakal memberikan tambahan sebanyak lima (5) buah klinik lagi di Negeri Sabah menjelang 2030.
2. Manakala bagi projek hospital pula, belum ada perancangan penambahan hospital baharu dalam masa terdekat. Walau bagaimanapun, blok tambahan Hospital Papar kini sedang dibina dan lapan (8) buah hospital lagi dirancang untuk dinaik taraf yang bakal menyumbang kepada pertambahan katil.
3. Selari dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan taraf penyampaian perkhidmatan kesihatan di Sabah, KKM telah mengenal pasti beberapa hospital yang akan dinaik taraf secara berfasa dari segi perkhidmatan dan kelengkapan iaitu:
 - a. Hospital Tawau dan Hospital Duchess of Kent, Sandakan akan dinaik taraf setara hospital negeri;
 - b. Hospital Lahad Datu dan Keningau akan dinaik taraf kepada hospital berpakar major; dan
 - c. Hospital Beaufort, Hospital Kota Marudu dan Hospital Tuaran akan dinaik taraf sebagai hospital berpakar minor.
4. Untuk makluman, setakat 31 Disember 2024, seramai 625 pakar perubatan (623 lantikan tetap dan 2 lantikan kontrak) telah ditempatkan untuk menyampaikan perkhidmatan kepakaran di Sabah.
5. KKM mengambil langkah berikut bagi menambah baik perkhidmatan kepakaran di Sabah:
 - a. menetapkan seorang pakar perubatan itu berkhidmat sekurang-kurangnya selama dua (2) tahun bagi memperkuatkan lagi penyampaian perkhidmatan kepakaran dalam lingkungan hospital kluster di Sabah;

- b. melantik pakar perubatan secara kontrak berdasarkan bidang kepakaran kritikal yang diperlukan di Sabah;
 - c. menggalak dan menambah bilangan Pegawai Perubatan kelahiran Sabah untuk memohon dan mengikuti program kepakaran sama ada di bawah Program Sarjana Perubatan atau menerusi Program Parallel Pathway; dan
 - d. menggalakkan perkongsian/ kolaboratif perkhidmatan kepakaran antara awam dengan swasta termasuk melaksanakan penyumberluaran (outsourcing).
6. Kementerian Kesihatan turut melaksanakan pendekatan lebih inovatif iaitu menggabungkan perkhidmatan kepakaran secara merentas fasiliti menerusi pelaksanaan konsep hospital kluster dan melaksanakan konsep visiting specialist bagi Pakar Perubatan menyampaikan rawatan kepada penduduk sekitar di luar bandar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK IR. SHAHELMAY BIN YAHYA [PUTATAN]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATUK IR. SHAHELMAY BIN YAHYA [PUTATAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah status jumlah pengagihan klinik perubatan swasta yang berdaftar di bawah Skim Perubatan MADANI di negeri Sabah setakat ini mencukupi dan dapat menampung jumlah penduduk di setiap daerah khususnya Daerah Putatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terima kasih kepada Yang Berhormat Putatan atas keprihatinan Yang Berhormat mengenai status jumlah pengagihan klinik perubatan swasta yang berdaftar di bawah Skim Perubatan MADANI di negeri Sabah.
2. Setakat 22 Januari 2025, jumlah pengagihan klinik perubatan swasta yang berdaftar di bawah Skim Perubatan MADANI (SPM) di negeri Sabah adalah sebanyak 50 buah klinik yang aktif. Semakan senarai klinik berdaftar boleh didapati di laman sesawang ProtectHealth <https://kelayakan-spm.protecthealth.com.my/find-clinics> untuk rujukan dan maklumat lanjut.
3. Untuk makluman, 10 daerah berfokus ini adalah selaras dengan objektif SPM untuk mengurangkan kesesakan di fasiliti kesihatan KKM dan memastikan program ini terus berkesan serta dilaksanakan secara mampan.
4. Pesakit di daerah seperti Putatan yang mengalami sakit-sakit ringan masih boleh mendapatkan rawatan di Klinik Desa, Klinik Komuniti, Klinik Kesihatan dan Zon Hijau hospital.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN EDWIN ANAK BANTA [SELANGAU]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

TUAN EDWIN ANAK BANTA [SELANGAU] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pernahkah Kerajaan mengkaji kesan-kesan kenaikan gaji minimum dari RM1,500 ke RM1,700 terhadap masyarakat di luar bandar dari segi kos sara hidup dan mutu kehidupan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) akan melaksanakan kajian semula Perintah Gaji Minimum (PGM) sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh dua tahun bagi menilai impak gaji minimum terhadap negara dan rakyat secara keseluruhan. Pelaksanaan kajian ini merupakan peruntukan undang-undang di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732).

Mengenai kajian kesan kenaikan gaji minimum daripada RM1,500 kepada RM1,700, Kerajaan masih belum melaksanakan kadar baharu ini. Oleh itu, kesannya masih belum dapat diteliti. Walau bagaimanapun, kenaikan kadar gaji minimum RM1,500 kepada RM1,700 telah diputuskan oleh Kerajaan setelah mengambil kira dapatan Kajian Impak PGM 2022 yang telah dilaksanakan oleh KESUMA.

Kajian tersebut melibatkan hampir 4,000 responden yang terdiri daripada majikan dan pekerja. Di samping itu, 26 sesi libat urus di seluruh negara yang melibatkan 1,109 penyertaan persatuan majikan, wakil industri (majikan bersaiz besar, sederhana, kecil dan mikro), kesatuan sekerja dan wakil pekerja, agensi Kerajaan dan pakar antarabangsa seperti *International Labour Organisation* (ILO) dilaksanakan bagi menilai implikasi PGM 2022 terhadap masyarakat, termasuklah dari segi kos sara hidup dan mutu kehidupan.

Di samping itu, Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah 2022 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan gaji pekerja merupakan komponen utama dalam pendapatan isi rumah iaitu 63 peratus dan pelaksanaan PGM 2022 terbukti menyumbang kepada peningkatan pendapatan isi rumah pada tahun 2022. Laporan yang sama juga menunjukkan bahawa pendapatan purata dan penengah isi rumah di Malaysia pada tahun 2022 masing-masing, meningkat sebanyak 2.4 peratus setahun kepada RM8,479, berbanding RM7,901 pada tahun 2019 dan meningkat sebanyak 2.5 peratus setahun kepada RM6,338 berbanding RM5,879 pada tahun 2019.

Mengikut strata, pendapatan isi rumah penengah di bandar mencatatkan peningkatan pada kadar pertumbuhan 3.3 peratus daripada RM6,561 pada tahun 2019 kepada RM7,243 pada tahun 2022. Bagi tempoh yang sama, pendapatan isi rumah penengah di luar bandar turut meningkat pada kadar 2.2

peratus daripada RM3,828 kepada RM4,094. Pendapatan isi rumah purata di bandar pula merekodkan peningkatan kadar pertumbuhan 2.9 peratus daripada RM8,635 pada tahun 2019 kepada RM9,428 pada tahun 2022. Sementara itu, pendapatan isi rumah purata di luar bandar adalah RM5,147 berbanding RM5,004 pada tahun 2019, dengan kadar pertumbuhan 0.9 peratus.

Peningkatan ini, sebahagiannya, disumbangkan oleh kenaikan kadar gaji minimum melalui PGM 2022. Secara tidak langsung, ini menunjukkan kenaikan gaji minimum dapat membantu meningkatkan mutu kehidupan rakyat dengan meningkatkan kuasa beli rakyat dalam menangani kenaikan kos sara hidup.

Penentuan kadar gaji minimum dibuat dengan mengambil kira keseimbangan antara kebijakan pekerja dan keupayaan majikan, dengan matlamat untuk memastikan dasar ini memberikan kesan yang positif kepada ekonomi dan masyarakat secara menyeluruh.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD [BAGAN SERAI]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD [BAGAN SERAI] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan secara terperinci berapa jumlah yang telah dibelanjakan dan bilangan peserta yang telah menyertai program Agropreneur Muda sejak ia diwujudkan serta sejauh mana keberkesanan program ini dalam menarik minat golongan muda untuk menceburi sektor pertanian dengan lebih mendalam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program Agropreneur Muda diperkenalkan bertujuan bagi membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda dalam sektor agromakanan yang merangkumi kesemua bidang di sepanjang rantaian nilai seperti tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani termasuk pemasaran, latihan dan kursus teknikal, penyediaan perkhidmatan sokongan dan input pertanian. Program ini telah mula dilaksanakan sejak tahun 2016 dan sehingga Disember 2024, seramai 9,976 agropreneur telah mendapat kelulusan geran dengan nilai sebanyak RM184.19 juta.
2. Bagi terus menilai keberkesanan program dan terus membimbang usahawan yang telah mendapat kelulusan, mereka akan dipantau dalam tempoh tiga tahun selepas bantuan geran. Setakat akhir tahun 2024, jumlah usahawan yang sedang dipantau adalah seramai 2,594 orang. Daripada jumlah ini, seramai 1,128 orang atau 52% telah berjaya meningkatkan pendapatan, di mana 864 orang memperolehi pendapatan RM2,000 sebulan dan ke atas.
3. Selain itu, agropreneur muda yang dibantu ini telah menghasilkan peluang pekerjaan bagi 2,824 orang Bumiputera dan 55 orang bukan Bumiputera.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan mengapa Kementerian masih belum melaksanakan penaiktarafan jalan Kampung Togop-Hamad-Tomis Baru-Kitapol-Tibabar-Poturidong walaupun kelulusannya telah diumumkan mantan Perdana Menteri semasa lawatannya ke Kiulu pada 22 Mac 2018 dengan peruntukan RM100 juta. Apakah status terkini terhadap kelulusan itu dan apakah inisiatif KKDW bagi menaik taraf jalan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini telah mengemukakan permohonan projek Menaik Taraf Jalan Tamparuli Togop - Hamad Kitapol Tibabar, Tuaran, Sabah di bawah RP5, RMKe12 Tahun 2025. Skop projek ini adalah menaik taraf jalan sepanjang 25 km dengan spesifikasi JKR R2 dan membina 3 buah jambatan. Walau bagaimanapun, permohonan ini tidak mendapat kelulusan Kementerian Ekonomi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI SH MOHAMED PUZI BIN SH ALI [PEKAN]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI SH MOHAMED PUZI BIN SH ALI [PEKAN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha progresif Kementerian dalam meningkatkan pengeluaran beras tempatan serta meningkatkan lagi tahap sara diri beras negara yang kini berada pada paras 56.2 peratus.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kadar Sara Diri atau SSR beras negara mencatatkan penurunan daripada 62.6% pada tahun 2022 kepada 56.2% pada tahun 2023, dengan perbezaan sebanyak 6.4%. Penurunan ini dipengaruhi oleh tiga (3) faktor utama iaitu penyusutan kluasan kawasan penanaman padi, pengurangan pengeluaran padi dan perubahan kaedah pengiraan SSR yang mengambil kira jumlah padi yang akan diproses kepada beras sahaja.
2. Bagi meningkatkan pengeluaran padi dan seterusnya beras putih tempatan, pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan secara proaktif dan progresif oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), antaranya:
 - (i) **Penambahbaikan infrastruktur pengairan dan saliran:** Untuk makluman, pada tahun 2025, KPKM telah menyediakan peruntukan penyelenggaraan bagi infrastruktur pengairan dan saliran berjumlah RM200 juta untuk membaik pulih dan menyelenggara infrastruktur pengairan dan saliran di seluruh kawasan jelapang dan luar jelapang seluruh negara bagi memastikannya dapat berfungsi dengan baik.
 - (ii) **Pelaksanaan Program SMART SBB:** Bagi meningkatkan hasil padi melalui penggunaan teknologi dan pengurusan sawah secara sistematik, KPKM telah memperkenalkan Program SMART SBB Ala Sekinchan pada Mei 2023. Bagi pelaksanaan di Pahang, program ini dilaksanakan di bawah seliaan pihak Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Pekan dan Rompin. Di IADA Pekan, seramai 67 orang pesawah terlibat dengan kluasan usaha 190.3 hektar dengan peratus peningkatan purata hasil sebanyak 13 peratus iaitu daripada 2.36 tan metrik per hektar kepada 3.40 tan metrik per hektar. Di IADA Rompin pula, seramai 129 orang pesawah terlibat dengan kawasan usaha seluas 297 hektar dan peningkatan peratus hasil sebanyak 38.6 peratus daripada 6.7 tan metrik per hektar kepada 7.2 tan metrik per hektar.

- (iii) **Memperkenalkan varieti padi baru dan menggalakkan penggunaan benih padi sah:** KPKM memperkenalkan beberapa varieti baru seperti MR326 atau KESIDANG, yang dihasilkan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Varieti ini sesuai digunakan di kawasan luar jelapang dan dalam jelapang kerana potensi hasilnya yang tinggi. Selain itu, pesawah juga digalakkan menggunakan benih padi sah yang lebih rintang penyakit dan berhasil tinggi.
- (iv) **Latihan dan Program Pengembangan:** KPKM melalui Jabatan Pertanian turut memberi perhatian terhadap penyediaan latihan berterusan kepada pesawah. Pelbagai program seperti mekanisasi jelapang, pemetaan sawah digital, kawalan perosak, pemindahan teknologi jentanan dan dialog bersama pesawah telah dilaksanakan untuk membantu pesawah meningkatkan hasil padi mereka.
- (v) **Pensijilan MyGAP:** KPKM juga menggalakkan pesawah mendapatkan pensijilan MyGAP dengan menyediakan insentif khas di bawah Jabatan Pertanian untuk mendorong penyertaan pesawah sekaligus membantu meningkatkan pendapatan mereka.

3. Kesemua langkah ini bukan sahaja bertujuan memperkasakan pesawah dan meningkatkan hasil padi, malah memastikan bekalan beras putih tempatan terus mencukupi dan berkualiti tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah pencegahan penjagaan kesihatan awam dengan memberi tumpuan terhadap penentu sosial kesihatan (SDH) bagi mewujudkan populasi yang lebih sihat di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) sentiasa berusaha meningkatkan taraf kesihatan rakyat Malaysia termasuk langkah pencegahan kesihatan awam dengan memberi tumpuan kepada faktor penentu sosial kesihatan (SDH) yang mempengaruhi kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan. Antaranya seperti:
 - i. peningkatan akses kepada maklumat kesihatan secara saksama melalui Dasar Literasi Kesihatan Kebangsaan (DLKK) sebagai langkah strategik kerajaan untuk meningkatkan tahap celik kesihatan rakyat Malaysia;
 - a. pendidikan dan promosi budaya hidup sihat melalui kempen media, sambutan Bulan Malaysia Sihat Sejahtera dan Jelajah ANMS;
 - b. program pembudayaan hidup sihat (*Health Promotion in Learning Institutions/HePiLI*) yang dilaksanakan awal di peringkat institusi pendidikan Prasekolah/Tadika, sekolah rendah, sekolah menengah dan Institusi Pendidikan Tinggi melalui;
 - c. program bina upaya sukarelawan MyCHAMPION bagi memperkasa komuniti melalui aktiviti pembudayaan hidup sihat dan kelestarian persekitaran;
 - d. peningkatan akses secara saksama di semua peringkat kepada perkhidmatan kesejahteraan kesihatan Wellness Hub dan Wellness On Wheels (WoW);

- e. pemberian Geran Pasukan MyCHAMPION bertujuan menggalakkan sukarelawan MyCHAMPION proaktif merancang dan melaksanakan projek dan aktiviti penjagaan kesihatan yang dapat dimanfaatkan bersesuaian dengan keperluan sebenar, bermula tahun 2025;
- f. perluasan Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan (NHSI) bagi individu berumur 18 tahun dan ke atas; dan
- g. penyediaan persekitaran yang menyokong kesejahteraan kesihatan dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui pelaksanaan projek Bandar Sihat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI BIN HANAPI
(BERSARA) [TANJONG KARANG]**

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

SOALAN

KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI BIN HANAPI (BERSARA) [TANJONG KARANG] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan bagaimana keberkesanan Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera (PUTERA35) diukur dan apakah langkah tambahan yang diambil Kerajaan bagi mencapai keberhasilan pelan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) yang menggariskan tiga Teras, 12 pemacu dan 132 Ikhtiar telah dirangka bagi menambah baik agenda pembangunan Bumiputera secara lebih menyeluruh ke arah mengangkat darjat dan martabat Bumiputera. Pelan komprehensif ini tidak bersifat eksklusif kepada Bumiputera Sahaja, malah turut memberi limpahan manfaat kepada kaum lain. PuTERA35 memandu hala tuju agenda pemerkasaan Bumiputera sehingga tahun 2035 melalui pelaksanaan ikhtiar yang meliputi jangka masa pendek, sederhana dan panjang. Perincian program dan projek bagi setiap Ikhtiar akan disediakan oleh agensi pelaksana berkaitan dan diselaraskan oleh Kementerian yang telah dikenal pasti.

2. Sembilan sasaran utama telah dikenal pasti sebagai pengukuran kepada pelaksanaan PuTERA35 dalam mencapai penyertaan, pemilikan dan penguasaan Bumiputera yang lebih bermakna. Antara sasaran ini adalah merangkumi peratusan pemilikan ekuiti individu dan agensi mandat Bumiputera, penyertaan siswazah Bumiputera dalam tenaga buruh dan sumbangan perusahaan Bumiputera kepada KDNK negara. Sasaran yang ditetapkan ini adalah selari dengan aspirasi Ekonomi MADANI dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

Tuan Yang di-Pertua,

3. Bagi mencapai keberhasilan PuTERA35, peranan Unit Pemerkasaan Agenda Bumiputera (UPAB) Kementerian turut diperkasa dan dimantapkan struktur penjawatan untuk menyelaras, melaksana dan membuat pemantauan Ikhtiar secara rapi pada peringkat Kementerian dan agensi.

Sekian, terima kasih